

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 16

Selasa

22 Disember 2020

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL: Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 23)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2021	(Halaman 24)

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KETIGA

Selasa, 22 Disember 2020

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Puan Lim Hui Ying** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, langkah-langkah yang telah diambil dan perancangan seterusnya berhubung sistem penjara susulan daripada jangkitan wabak COVID-19 dalam kalangan banduan dan staf penjara.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, bagi membendung masalah ini Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil segala langkah mengikut Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia untuk merawat, melakukan kuarantin dan juga mencegah penularan wabak tersebut kepada banduan dan juga kakitangan penjara.

Jabatan Penjara Malaysia turut mempunyai perintah tetap jabatan berhubung dengan ujian saringan COVID-19 yang mana telah menetapkan agar semua banduan sebelum diterima masuk ke penjara perlu mempunyai keputusan ujian saringan COVID-19. Perintah tetap ini selaras dengan keputusan sidang khas Majlis Keselamatan Negara (MKN) COVID-19, Bil. 29, Tahun 2020, pada 15 Oktober 2020 yang telah bersetuju agar dilaksanakan ujian pengesahan COVID-19 kepada semua banduan semasa kemasukan bagi memastikan penularan COVID-19 di penjara dapat dicegah sepenuhnya.

Pelbagai usaha turut dilaksanakan oleh jabatan bagi memastikan penularan wabak ini tidak terus berlaku dalam komuniti penjara. Walau bagaimanapun, tindakan pencegahan dan kawalan penyakit yang dijalankan masih kurang mampu untuk menghalang daripada berlakunya penularan di dalam penjara. Beberapa faktor telah dikenal pasti yang menyumbang kepada berlakunya jangkit COVID-19 di penjara antaranya kekangan untuk

mengasingkan banduan baharu kerana isu kesesakan dan kesukaran untuk mengenal pasti banduan yang dijangkiti COVID-19 yang tidak bergejala.

Oleh itu bagi mengurangkan tahap kebolehjangkitan COVID-19 dalam kalangan banduan serta mengurangkan kesesakan, Jabatan Penjara Malaysia telah mengambil langkah untuk menempatkan banduan sabitan dan reman kategori risiko keselamatan minimum di beberapa buah kem PLKN yang diwartakan sebagai penjara di bawah seksyen 3, Akta Penjara 1995 dan berfungsi sebagai penjara satelit. Bagi tujuan yang sama iaitu mengurangkan tahap kebolehjangkitan, Jabatan Penjara Malaysia juga telah mewujudkan pusat-pusat transit di penjara untuk penempatan banduan yang baharu dimasukkan ke penjara dengan mengambil kira keperluan pengasingan berdasarkan tarikh-tarikh kemasukan.

Selaras dengan hala tuju Jabatan Penjara Malaysia iaitu dua per tiga orang banduan sabitan yang layak akan menjalani pemulihan di luar penjara, langkah-langkah mengurangkan kesesakan melalui pelaksanaan dan pengembangan Sistem Parol, Perintah Kehadiran Wajib, Program Rerintegrasi Penghuni-Industri, Program *Corporate Smart Internship* dan pembebasan banduan secara lesen dilaksanakan secara berterusan. Seterusnya pihak penjara mempunyai dua SOP Tuan Yang di-Pertua iaitu SOP penerimaan banduan semasa COVID-19 dan juga SOP pengiringan banduan semasa COVID-19. Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Lim Hui Ying: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ada dua soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua: Hanya satu.

Puan Lim Hui Ying: Adakah kementerian...

Tuan Yang di-Pertua: Satu sahaja.

Puan Lim Hui Ying: Okey. Adakah kementerian akan membebaskan banduan dengan jenayah kecil bagi menangani kesesakan dalam penjara dan kurangkan risiko jangkitan COVID-19? Jika 'ya' bilakah akan dilaksanakan? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Yang Berhormat. Bagi makluman Yang Berhormat, kerajaan pada dasarnya tidak ada hasrat untuk memendekkan hukuman tempoh penahanan atau penjara seseorang banduan semasa pandemik COVID-19.

Walau bagaimanapun, banduan yang layak untuk pelepasan secara Perintah Parol, pelepasan secara lesen dan pembebasan melalui pengampunan, melalui kerajaan-kerajaan

negeri oleh Lembaga Pengampunan Negeri-negeri tidak dihalang dan masih boleh diberikan dalam tempoh pandemik COVID-19 ini. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

2. Datuk Mohan a/l Thangarasu minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menyatakan, sejauh mana penyertaan Malaysia dalam *Regional Comprehensive Economic Partnership* dijangka membantu dalam proses pemulihan Malaysia daripada impak COVID-19.

Menteri Kanan Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali]: Tuan Yang di-Pertua, Perjanjian Perkongsian Komprehensif Ekonomi Serantau (RCEP) merupakan satu usaha negara-negara ASEAN mengukuhkan integrasi ekonomi dan meningkatkan fasilitasi perdagangan intra-ASEAN. RCEP merupakan keseragaman *FTA ASEAN-plus-one* yang sedia ada yang melibatkan Jepun, Korea, China, Australia dan New Zealand ke dalam satu perjanjian yang menyeluruh dan lengkap bertujuan meningkatkan lagi perdagangan dan pelaburan antara negara-negara peserta.

Matlamat RCEP ini adalah untuk menggabungkan keenam-enam FTA ASEAN menjadi satu FTA tunggal yang akan dapat menyumbang kepada pengukuhan aktiviti rantaian nilai wilayah di rantau ini di samping menjadikan ia lebih mesra pengguna dan lebih mudah digunakan terutamanya kepada IKS.

Perjanjian RCEP merupakan perjanjian perdagangan bebas ataupun FTA yang terbesar yang pernah ditandatangani oleh Malaysia yang melibatkan sebanyak 15 buah negara merangkumi seramai 2.2 bilion orang atau hampir satu per tiga daripada penduduk dunia dan menyumbangkan sebanyak USD24.8 trilion atau hampir satu per tiga KDNK dunia berdasarkan data Bank Dunia pada tahun 2018.

■1010

Berdasarkan laporan oleh *Peterson Institute for International Economics* (PIIE) yang dikeluarkan pada bulan Jun 2020, RCEP dijangka menyumbang secara positif kepada ekonomi Malaysia. Unjuran awal oleh MIDF menunjukkan bahawa negara akan memperoleh peningkatan KDNK sebanyak RM16 bilion setahun dan MATRADE yang bertanggungjawab ke atas promosi dan pembangunan perdagangan Malaysia membuat unjuran prestasi eksport Malaysia ke pasaran RCEP akan meningkat sebanyak RM21 bilion setahun.

RCEP berupaya membantu pihak industri tempatan mempertingkatkan akses barangan atau produk tempatan ke pasaran negara-negara peserta RCEP dengan menikmati *preferential treatment*, melalui penghapusan dan pengurangan tarif secara progresif. Selain daripada tarif, pengurangan halangan bukan tarif- *non-tariff measures* yang merupakan salah satu cabaran utama dalam menembusi pasaran antarabangsa juga merupakan manfaat utama penyertaan Malaysia dalam RCEP. Ini boleh dicapai menerusi penyelarasan tatacara

import dan eksport, pengiktirafan secara timbal balas dan penerimaan standard industri dan teknikal negara masing-masing serta perkongsian maklumat.

Tuan Yang di-Pertua, syarikat-syarikat tempatan juga dapat memperkukuhkan integrasi dalam rantai nilai dan bekalan global dengan pembekalan bahan mentah, komponen, barangan separa siap dan siap di pasaran. Integrasi ini diperkukuhkan lagi melalui *rules of origin* yang lebih mudah digunakan berikutan keseragaman di antara kesemua negara peserta RCEP. Justeru itu, perjanjian RCEP dijangka dapat menyegerakan proses pemulihan ekonomi serantau dan negara kita pasca COVID-19. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sila.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya ialah, perjanjian kerjasama ekonomi komprehensif serantau akan membuka pasaran luar tanpa tarif yang menyebabkan pasaran barangan import akan membanjiri negara kita. Apakah insentif kerajaan untuk memastikan pengeluaran dalam negeri tidak terjejas?

Tuan Yang di-Pertua: Jelas kah kepada Yang Berhormat Menteri soalan itu? Kalau tidak jelas, boleh ulang. Pada saya tidak berapa jelas sebab ada perkataan dikulum tadi. Macam mana Yang Berhormat? Bagi terang.

Datuk Mohan a/l Thangarasu: Perjanjian kerjasama ekonomi komprehensif serantau akan membuka pasaran luar tanpa tarif yang menyebabkan pasaran barangan import akan membanjiri negara kita. Apakah inisiatif kerajaan untuk memastikan pengeluaran dalam negeri tidak terjejas?

Tuan Yang di-Pertua: Ha! Okey. Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Seri Mohamed Azmin bin Ali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Senator. Seperti yang saya telah nyatakan tadi, RCEP ini akan membuka peluang kepada industri tempatan untuk mendapatkan akses pasaran yang lebih besar.

Pada ketika ini, pasaran dalam negara sudah tentulah terlalu kecil. Kita mempunyai sekitar 32 juta orang penduduk sahaja. Akan tetapi, dengan penyertaan Malaysia di dalam RCEP yang dianggotai oleh 15 buah negara dan ia mewakili satu per tiga daripada KDNK global dan satu per tiga daripada populasi dunia, pastinya pasaran tempatan bukan sahaja dapat menyediakan produk-produk yang dapat dieksport ke luar negara, tetapi persaingan IKS tempatan untuk diangkat di pasaran global juga akan diberikan peluang yang lebih luas.

Jadi, tujuan dan matlamat RCEP ini bukan sahaja untuk memenuhi perjanjian di peringkat antarabangsa, tetapi juga kita memberikan ruang kepada industri tempatan untuk meningkatkan eksport. Tidak semestinya import seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat itu akan membanjiri pasaran tempatan, tetapi produk-produk tempatan juga dapat

dipasarkan di peringkat global, khususnya di kalangan anggota-anggota RCEP. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing.

3. Dr. Nuing Jeluing minta Perdana Menteri menyatakan, kesan penyusunan semula pendapatan garis kemiskinan kepada RM2,208 sebulan setiap isi rumah. Berapa banyak isi rumah sekarang berada di bawah garis kemiskinan ini. Apa langkah-langkah yang diambil untuk mengatasi kemiskinan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, silakan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, Tuan Yang di-Pertua. Berdasarkan penemuan survei, pendapatan dan perbelanjaan isi rumah dan kemudahan asas bagi tahun 2019, Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) yang baharu di peringkat nasional adalah sebanyak RM2,208 sebulan. Dengan menggunakan PGK yang baharu ini, pada tahun yang lalu, tahun 2019, kadar kemiskinan mutlak adalah 5.6 peratus dan meliputi 405,441 isi rumah pada tahun 2019 berbanding 7.6 peratus meliputi 525,743 isi rumah pada tahun 2016.

Ini bermakna bahawa kadar kemiskinan telah menunjukkan trend penurunan sebanyak dua peratus pada tahun 2019, berbanding tahun 2016. Ini juga bermakna bahawa usaha pembasmian kemiskinan oleh semua pihak berjaya mengurangkan kadar kemiskinan. Namun, masih terdapat golongan miskin dan berpendapatan rendah khususnya dari isi rumah B40 yang masih perlu dibantu. Kerajaan mempunyai perancangan untuk meningkatkan pendapatan dan kuasa beli serta kesejahteraan isi rumah B40 melalui beberapa pendekatan berikut:

- (i) menyediakan Program Peningkatan Pendapatan serta peningkatan keupayaan mendapat pekerjaan yang berpendapatan lebih tinggi dengan membina kapasiti dan keupayaan seperti Program Pemerdayaan Ekonomi Bandar dan Program Peningkatan Pendapatan;
- (ii) untuk menambah baik akses kepada keperluan asas, termasuk pendidikan, kesihatan dan perumahan. Bagi perumahan sebagai contoh, kita ada Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT), Program Bantuan Rumah (PBR) dan Projek Perumahan Mampu Milik;
- (iii) untuk menggalakkan keusahawanan dan akses kepada pembiayaan kewangan untuk menjana pendapatan dengan menceburi bidang perniagaan seperti pembiayaan mikro, contohnya TEKUN dan Program Latihan Keusahawanan; dan

- (iv) meningkatkan sistem perlindungan sosial dengan mewujudkan rangka kerja sistem perlindungan sosial yang bersepadu dan komprehensif termasuk Skim Peduli Kesihatan untuk kumpulan B40.

Melangkah ke hadapan, kerajaan sedang menggubal dasar dan strategi untuk menangani kemiskinan dan meningkatkan lagi kesejahteraan rakyat dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) yang akan dibentangkan pada tahun hadapan. Sekian dan terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih.

Dr. Nuing Jeluing: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan, apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan pendapatan dan membasmi kemiskinan khususnya bagi Sarawak dan Sabah?

Tuan Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih atas soalan yang sangat baik dan juga bersasar kepada kita dari Sabah dan Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, usaha bagi menangani kemiskinan dan mempelbagaikan pendapatan akan dipergiatkan dan dipertingkatkan lagi khususnya bagi negeri Sabah dan Sarawak.

Dalam mengupayakan anak negeri Sabah dan bumiputera Sarawak, khususnya yang tinggal di kawasan pedalaman, kita akan bagi penekanan yang lebih kepada pendidikan, kemahiran dan keusahawanan. Antara inisiatif yang dilaksanakan untuk meningkatkan taraf hidup mereka termasuk mempertingkatkan pengambilan pelajar berpotensi untuk kemasukan ke sekolah yang berprestasi tinggi dan institusi latihan, memupuk keusahawanan dengan fokus kepada kemahiran berdasarkan bakat, intrinsik dengan bantuan pembiayaan dan pemasaran produk serta perkhidmatan.

Dalam usaha memperkukuhkan hak adat atau *Native Customary Rights*, dengan izin, program khas anak negeri Sabah dan Sarawak akan diperuntukkan sejumlah RM41 juta bagi tahun 2021. Bagi meningkatkan lagi latihan modal insan, program keusahawanan dan ekonomi serta pembinaan mahkamah adat serta pengukuran tanah adat.

■1020

Selain itu, kerajaan akan terus memberi tumpuan kepada pembangunan di Sabah dan Sarawak dan buat kali pertama dalam sejarah, Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan dibentangkan pada tahun hadapan akan mengandungi satu bab yang khusus untuk pembangunan di Sabah dan Sarawak. Usaha ini menunjukkan kerajaan sangat komited dalam melaksanakan perancangan pembangunan bagi meningkatkan kesejahteraan penduduk Sabah dan Sarawak. Sekian, dan terima kasih.

4. **Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh** minta Menteri Perpaduan Negara menyatakan, apa langkah yang akan diambil oleh kerajaan untuk mengukuhkan perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia kerana Kerajaan sekarang dilihat gagal dan diskriminasi dalam usaha memupuk semangat perpaduan kepada sesetengah kaum seperti yang dilihat dalam Bajet 2021- baru-baru ini.

Timbalan Menteri Perpaduan Negara [Dato' Sri Ti Lian Ker]: Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah menyusun strategi untuk merapatkan jurang perpaduan melalui penggubalan Dasar Perpaduan Negara diikuti dengan *Blueprint* Perpaduan 2030 dan Pelan Tindakan Perpaduan Negara 2021-2025 yang akan dilancarkan sepenuhnya pada tahun depan. Dasar Perpaduan Negara menggariskan objektif seperti berikut:

- (i) mengukuhkan perpaduan dan integrasi nasional berteraskan Perlembagaan Persekutuan dan Rukun Negara;
- (ii) membentuk identiti nasional dengan semangat jati diri, patriotik, prihatin, toleransi, saling hormat-menghormati dan bertanggungjawab; dan
- (iii) melahirkan rakyat Malaysia yang menghargai dan mengamalkan perpaduan.

Blueprint Perpaduan 2030, dokumen yang menyokong strategi-strategi di dalam Dasar Perpaduan Negara dan juga menetapkan visi perpaduan nasional dan aspirasi perpaduan negara yang ingin dicapai dalam tempoh 10 tahun. Pelan Tindakan Perpaduan Negara pula menterjemahkan matlamat objektif dan strategi Dasar Perpaduan Negara dalam bentuk pelaksanaan secara spesifik yang disusun dengan jelas dan secara *cohesive* mengikut tempoh jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang merentasi agensi kerajaan. Teras Strategi PTPN 2021-2025 ia adalah untuk:

- (i) membangunkan perpaduan kefahaman baharu;
- (ii) memelihara sistem demokrasi Raja Berperlembagaan;
- (iii) agihan sosioekonomi yang adil dan saksama untuk kemakmuran rakyat dan negara;
- (iv) menjamin keterbukaan terhadap tradisi kebudayaan berbeza dan rencam dipertahankan; dan
- (v) membina syarikat progresif melalui sains dan teknologi.

Sekian, terima kasih.

Tuan Suresh Singh a/l Rashpal Singh: Terima kasih Timbalan Menteri. Sudah 63 tahun kita sudah mencapai kemerdekaan tetapi kita masih dalam perjalanan memupuk perpaduan. Soalan saya ialah, apa langkah yang lebih efektif atau agresif yang dicadangkan oleh kerajaan untuk memupuk atau menuju ke arah semangat perpaduan iaitu bangsa Malaysia yang akan memberikan keistimewaan yang saksama kepada semua anak Malaysia tidak kira kaum, bangsa dan agama? Apakah rancangan ini?

Dato' Sri Ti Lian Ker: Rancangan seperti telah pun saya katakan tadi tetapi saya ingin menasihati kalaulah parti kononnya buta perkauman tidak terus membuat naratif dan politik perkauman, maka negara ini akan lebih padu. Hubungan semakin regang apabila kita sentiasa atau dengan sengaja memainkan isu-isu polemik dan naratif perkauman. Lebih-lebih lagi parti yang kononnya buta perkauman berbuat sedemikian berterusan. Itulah jawapan saya.

5. Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, apa usaha kementerian bagi mewajibkan semua stesen, portal dan saluran berita adalah mesra OKU dengan adanya bantuan seperti Jurubahasa Isyarat, penerangan audio serta komunikasi alternatif dan augmentatif- *audio description & augmentative alternative communication*, selaras dengan matlamat Pelan Tindakan OKU 2016-2022.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Puan Ras Adiba. KKMM sentiasa menasihati dan menggalakkan semua stesen penyiaran untuk menyediakan perkhidmatan Jurubahasa Isyarat, penerangan audio, komunikasi alternatif dan *augmentative* bagi rancangan di bawah kelolaan mereka.

RTM secara berterusan telah memanfaatkan empat saluran televisyennya dengan melaksanakan inisiatif-inisiatif bagi memudahkan penonton OKU menikmati perkhidmatan penyiaran terutama menerusi siaran berita. RTM telah meningkatkan obligasi sosialnya kepada golongan OKU dengan mempelopori perkhidmatan jurubahasa isyarat dalam siarannya sejak tahun 1985. Perkhidmatan tersebut telah dikembangkan untuk siaran *Berita Perdana*, sidang media program khas yang melibatkan pemimpin-pemimpin utama negara, program bual bicara dan juga program nasional yang terpilih seperti Pembentangan Belanjawan dan sambutan Hari Kebangsaan.

Sejak bulan Ogos lalu, RTM telah menambah perkhidmatan Jurubahasa Isyarat bagi program langsung dari Parlimen. Bagi mereka yang boleh melihat dan membaca perkhidmatan sari kata, rereyap dan ringkasan isi penting berita ada dipaparkan di skrin TV ketika program berkenaan disiarkan.

Berkaitan *augmentative alternative communication* ia merupakan perkhidmatan yang menyokong komunikasi golongan yang mempunyai lebih daripada satu cabaran kelainan upaya. Perkhidmatan berkenaan sudah mula sedikit sebanyak digunakan di RTM. Namun kerana ia melibatkan kos yang agak tinggi tetapi RTM dan KKMM komited untuk berusaha meningkatkan penggunaannya demi manfaat golongan OKU.

Di BERNAMA dan saya ucap tahniah kepada Yang Berhormat yang sudah dilantik sebagai pengerusinya dan telah mula pun- saya difahamkan akan mula menggunakan

Jurubahasa Isyarat bermula pada awal tahun depan dan saya berharap Yang Berhormat sendiri dapat memelopori usaha di mana mungkin ada penyampai berita di BERNAMA yang menyampaikannya secara biasa tetapi adalah juga Jurubahasa Isyarat pada waktu yang sama.

Di samping itu, stesen-stesen TV swasta di Malaysia juga banyak yang sudah mengaplikasikan inisiatif-inisiatif yang juga mesra OKU. Untuk meningkatkan komitmen dan pelaksanaan komunikasi antara kerajaan yang prihatin di bawah pimpinan Tan Sri Muhyiddin Yassin, kami di Kementerian Komunikasi dan Multimedia mulai bulan Januari ini Tuan Yang di-Pertua akan memulakan Unit Komunikasi OKU. Terima kasih.

Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya, adakah kementerian akan menyediakan suntikan dana atau peruntukan khas melalui peruntukan J-KOM ini. Ini kerana usaha ini juga selaras dengan tujuan J-KOM iaitu untuk mewujudkan komunikasi dua hala antara kerajaan dan rakyat iaitu bagi menyampaikan maklumat kerajaan yang tepat dan sahih. Terima kasih.

Dato' Saifuddin Abdullah: Terima kasih, Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Komunikasi Komuniti atau J-KOM ini jabatan yang baharu menggantikan JASA. Matlamatnya ialah untuk mengadakan hubungan komunikasi dua hala antara kerajaan dan rakyat dan mendengar suara dan juga keluhan daripada rakyat dan menggunakan pendekatan pengehadupayaan komuniti, dengan izin, *community employment*.

Program fokus yang sekarang apabila ia dimulakan nanti ialah untuk pembudayaan norma baharu akibat COVID-19 dan dalam konteks ini antara kumpulan dengan izin *vulnerable* yang perlu diberi tumpuan ialah golongan OKU dan kerana itu akan banyak inisiatif yang melibatkan golongan OKU akan diambil di peringkat awal perjalanan sebuah jabatan yang baharu ini.

Daripada segi dana, *insya-Allah*, buat masa ini dananya mencukupi tetapi pada masa yang akan datang misalnya kalau kita memikirkan contohnya Tuan Yang di-Pertua, siaran TV yang khusus untuk OKU atau mungkin sahaja TV OKU. Pada masa itu kita akan mendapatkan dana tambahan yang sewajarnya. Terima kasih.

6. Tuan Manolan bin Mohamad minta Menteri Pembangunan Luar Bandar menyatakan, berapa jumlah pertambahan Jawatankuasa Penduduk Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) pada tahun 2020 berbanding 2019.

Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar I [Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tuan Manolan

bin Mohamad. Yang Berhormat, jumlah Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli (JPKKOA) pada tahun 2019 sebanyak 268 buah.

■1030

Manakala pada tahun 2020, terdapat penambahan sebanyak enam buah JPKKOA dan ia menjadikan jumlah JPKKOA pada tahun 2020 ialah sebanyak 274 buah JPKKOA, dengan jumlah ahli maksimum seramai 3,562 orang ahli jawatankuasa.

Untuk makluman Yang Berhormat, penambahan bilangan JPKKOA ini disebabkan oleh disebabkan oleh permohonan daripada masyarakat kampung Orang Asli yang berhasrat untuk menubuhkan jawatankuasa pembangunan dan menubuhkan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung Orang Asli di kawasan tersebut. Ia juga dipertimbangkan kerana memenuhi kriteria yang ditetapkan. Penubuhan Jawatankuasa Pembangunan Keselamatan dan Kampung Orang Asli merupakan hasrat kementerian untuk mendedahkan dan melatih Orang Asli melibatkan diri di dalam pentadbiran dan pengurusan organisasi di peringkat kampung secara demokrasi dan tersusun.

JPKKOA yang ditubuhkan adalah bertanggungjawab kepada pihak pentadbiran daerah dan mereka adalah penghubung antara rakyat dengan agensi-agensi kerajaan serta bertanggungjawab menyebarkan maklumat berkaitan program-program kerajaan yang dilaksanakan untuk rakyat. Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Manolan bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya adalah berkenaan dengan peruntukan untuk JPKKOA ini. Kalau kita tengok JKKK di perkampungan Melayu, mereka ada peruntukan sebanyak RM10 ribu. Jadi adakah untuk JPKKOA ini disediakan peruntukan RM10 ribu juga? Terima kasih.

Dato' Sri Haji Abdul Rahman bin Mohamad: Terima kasih Yang Berhormat. Setakat ini, kita masih dalam peringkat perancangan dan sememangnya sewaktu kerajaan yang terdahulu, peruntukan sebanyak RM10 ribu diberikan kepada setiap- kita boleh kira JKKK ataupun berubah-ubah namanya. Akan tetapi walau bagaimanapun, setakat hari ini kita belum menentukan peruntukan tersebut. *Insyah-Allah*, kalau kita bincangkan mungkin kedua-dua ini sama ada di peringkat kampung ataupun di peringkat JAKOA akan kita bantu untuk memastikan bahawa peruntukan seperti ini dapat dilaksanakan pada masa-masa akan datang. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding.

7. **Puan Susan Chemerai Anding** minta Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi menyatakan, jenis-jenis pokok kayu hutan yang diperkenalkan oleh kementerian untuk tujuan program tanam semula hutan- *reafforestation* di Sarawak dan bagaimanakah anak benih akan disalurkan ke Sarawak.

Timbalan Menteri Perusahaan, Perladangan dan Komoditi I [Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menurut definisi Dewan Bahasa dan Pustaka- "*reforestation*", atau perhutanan, bermaksud proses menanam kawasan-kawasan yang dahulunya tidak ditumbuhi tumbuh-tumbuhan dengan hutan baharu bagi tujuan komersial atau lain-lain. Manakala "*reafforestation*", atau perhutanan semula, merupakan proses memperbaharui hutan atau tanah gondol dengan membiarkan pokok tumbuh semula secara semula jadi atau ditanam semula.

Penjelasan yang sama turut dinyatakan dalam *Food and Agriculture Organization* (FAO), dengan izin. Menurut FAO, "*afforestation*", atau perhutanan bermaksud penanaman semula hutan dengan pokok-pokok hutan di kawasan yang selalu atau telah lama tiada pokok. Sekiranya penanaman semula itu gagal dan diulang, maka ia dipanggil sebagai *reafforestation* atau perhutanan semula. Dalam hal ini, kementerian ingin memaklumkan bahawa *reafforestation* bukan merupakan peranan utama kementerian ini.

Walau bagaimanapun, bagi menyokong usaha penanaman semula hutan untuk tujuan keperluan bahan mentah, kementerian melaksanakan Program Pembangunan Ladang Hutan (PPLH) melalui syarikat milik penuh Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia (MTIB) iaitu Forest Plantation Development Sdn. Berhad (FPDSB). PPLH telah dimulakan pada tahun 2007 dan dilaksanakan di seluruh Malaysia termasuk Sarawak. PPLH bertujuan untuk menyediakan sumber bahan mentah yang mencukupi untuk industri perkayuan. Program ini menyediakan pembiayaan pinjaman mudah kepada syarikat-syarikat swasta, koperasi dan agensi kerajaan yang berkelayakan untuk membangunkan perladangan hutan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sebanyak 11 jenis spesies di bawah PPLH yang boleh diusahakan oleh syarikat. Antaranya getah, akasia, batai, menahun, kelempayan, khaya, sentang, jati, buluh, *paulownia* dan *eucalyptus*. Pemilihan spesies adalah berdasarkan spesies cepat tumbuh dan tempoh pusingan tebangan yang singkat iaitu di antara empat hingga 15 tahun.

Sementara bagi pembangunan ladang hutan di negeri Sarawak, sebanyak tujuh buah syarikat telah diluluskan pinjaman sebanyak RM72.3 juta untuk membangunkan ladang hutan seluas 29,500 hektar. Manakala spesies pokok yang ditanam adalah getah, akasia, longan dan batai.

Yang Berhormat Senator juga bertanyakan tentang, bagaimana anak benih disalurkan ke Sarawak. Untuk makluman Yang Berhormat, bekalan benih untuk pembangunan ladang hutan ini diperoleh daripada penanam-penanam berskala besar yang terdapat di Sibul, Bintulu dan Miri, Sarawak. Selain itu, bekalan benih juga turut boleh diperoleh dari tapak-tapak semeian sedia ada di negeri Sarawak. Sekian terima kasih.

Puan Susan Chemerai Anding: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri atas jawapan. Soalan tambahan saya, apakah program PPLH tersebut boleh disertai oleh para pekebun kecil secara individu? Terima kasih.

Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng: Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sebenarnya PPLH ini boleh disertai oleh sesiapa sahaja. Contohnya empat hektar ke atas. Manakala pinjaman mudah yang saya nyatakan tadi boleh digunakan di mana contohnya getah. Getah kalau empat hektar ke atas, pinjaman contoh di Sabah atau Sarawak, boleh membuat pinjaman *soft loan* sehingga RM13 ribu untuk satu hektar. Selain itu, spesies-spesies lain mungkin hanya RM8,000 sahaja. Jadi maknanya, empat hektar ke atas sudah boleh diusahakan oleh pekebun kecil. Sekian terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop.

Tuan Ismail bin Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Sorong papan tarik papan;
Soalan saya nombor lapan.*

8. Tuan Ismail bin Yusop minta Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya menyatakan, apakah tindakan kementerian dalam menggalakkan penggunaan buku yang semakin berkurangan apabila konsep *e-Book* yang merupakan asas transformasi era digital menjadi kegunaan harian masa kini.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator yang bertanya. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua, menjadi harapan Perpustakaan Negara Malaysia, sebuah agensi di bawah seliaan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya agar rakyat Malaysia daripada segenap lapisan masyarakat dan umur mengamalkan budaya membaca. Pada era teknologi, Perpustakaan Negara telah segera menyesuaikan diri dengan keperluan dan permintaan untuk bukan sahaja menyediakan bahan bacaan dan maklumat seperti buku semata-mata, malah juga dalam platform digital.

Justeru, Perpustakaan Negara komited untuk memenuhi keperluan dan permintaan pengguna tidak kira dalam bentuk fizikal mahupun elektronik, demi menjadikan budaya membaca dijadikan amalan dan hobi dalam kalangan rakyat Malaysia. Dalam hal ini Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meneruskan penciptaan ilmu pengetahuan atau, dengan izin, *knowledge creation* menerusi ketersediaan perkhidmatan perpustakaan dan maklumat yang relevan dari semasa ke semasa, kini turut meliputi sumber digital. Ini adalah bagi memastikan reformasi program dan perkhidmatan perpustakaan bergerak selari pada zaman Revolusi

Industri Keempat atau IR 4.0, kepintaran buatan ataupun, dengan izin, *artificial intelligence* dan Data Raya (*Big Data*).

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun begitu, Perpustakaan Negara tidak pernah mengabaikan kepentingan untuk memastikan ketersediaan buku secara fizikal. Inisiatif yang berterusan sentiasa diambil dalam membudayakan penulisan dan penerbitan buku untuk rujukan rakyat Malaysia melalui penyediaan peruntukan koleksi untuk Perpustakaan Negara Malaysia, perpustakaan desa dan perpustakaan awam negeri yang berjumlah lebih RM30 juta setiap tahun.

Peruntukan ini termasuklah untuk perolehan melalui dana pembelian terus buku-buku karya penulis tempatan yang ditawarkan kepada penulis. Dana ini bertujuan khusus untuk membantu para penulis dan menggalakkan golongan penulis untuk terus bergiat aktif dalam bidang penulisan bahan bacaan berkualiti dan penerbitan buku yang seterusnya menyumbang ke arah meningkatkan bahan terbitan tempatan di pasaran serta menyokong usaha kerajaan ke arah meningkatkan industri pembukuan negara.

■1040

Pada tahun 2020 sahaja seramai 82 orang penulis telah mendapat manfaat dana ini melalui perolehan lebih 30,000 naskhah buku melibatkan 84 judul. Usaha sebenarnya sempena pengiktirafan Kuala Lumpur sebagai Ibu Kota Buku Dunia 2020 dengan slogan “*Caring Through Reading*” DBKL telah bekerjasama dengan Perpustakaan Negara, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP), Majlis Buku Negara, Majlis Buku Kebangsaan Malaysia dan Perbadanan Kota Buku telah melaksanakan pelbagai aktiviti pembacaan di sekitar Lembah Klang. Ini termasuklah menyediakan 64 buah kios buku di sepanjang *River of Life*. Yang Berhormat, saya akan berikan secara penuhnya, *complete answer*, dengan izin. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Ada soalan tambahan?

Tuan Ismail bin Yusop: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Menteri, sikit sahaja sebab saya bangkit dengan soalan ini kerana kegusaran saya daripada segi trend penggunaan buku secara digital ini. Oleh sebab ia ada impak yang sangat besar kepada tabiat membaca yang berlaku secara normal. Soalan tambahan saya sikit sahaja, ada atau tidak statistik di pihak kementerian penggunaan *e-Book* ini ataupun buku dalam talian ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Menteri.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kalau mengikut rekod kami sebenarnya pada tahun 2020 ini, pengunjung melalui web menggunakan *e-Book*

saya kena cari ia punya data di sini. Ada dalam lima- *I hope I am right* kalau salah saya perbetulkan lagi, dengan izin. Ada 13.5 juta. Kalau saya *translate*-kan maklumat ini dengan betul. Namun begitu Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Ismail bin Yusop: Boleh secara bertulis Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Ya, saya akan beri bertulis. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat kerana lama tidak menjawab soalan mengenai perpustakaan ini. Jadi, tahniah kepada Yang Berhormat kerana ini pertama kali dalam beberapa tahun kita menerima soalan ini, terima kasih. Akan saya beri secara bertulis ya, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya masih teringat projek Yang Berhormat Menteri buat itu, saya mulakan tahun 2010, *alhamdulillah*.

Dato' Sri Hajah Nancy Shukri: Tahniahlah Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Tuan Alan Ling Sie Kiong.

9. Tuan Alan Ling Sie Kiong minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan apakah rancangan dan langkah-langkah proaktif yang diambil oleh Kementerian untuk mendorong rakyat Malaysia menyambut seruan Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia dalam usaha untuk memulihkan semula pertumbuhan ekonomi negara.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Dato' Rosol bin Wahid]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada soalan yang ditanyakan.

Tuan Yang di-Pertua, Kempen Beli Barangan Buatan Malaysia (KBBBM) satu inisiatif kerajaan untuk mempertingkatkan penggunaan barang tempatan dan mengukuhkan ekonomi domestik. Bagi memastikan keberkesanan KBBBM pada tahun ini, ia dilaksanakan secara komprehensif dan akan memberi impak yang tinggi dan mendorong rakyat Malaysia untuk bersama-sama mendukung hasrat pelaksanaan kempen ini.

Lantaran itu, kementerian telah menjalankan beberapa inisiatif yang strategik untuk program tersebut. Pertama, penebusan produk PKS tempatan dan produk-produk buatan Malaysia ke dalam sektor peruncitan. Ini akan membantu meningkatkan jumlah *Stock-Keeping Unit* (SKU) produk-produk buatan Malaysia untuk di senarai tetap dalam sektor peruncitan yang meliputi pasar raya-pasar raya besar- *hypermarket*, pasar raya- *supermarket*, dan kedai serbaneka- *convenience store*, dan kedai-kedai serbaneka di stesen-stesen minyak. Kita juga menyewa lot-lot perniagaan dalam bentuk *pushcart* ataupun kios, di pusat-pusat beli-belah yang terkenal di seluruh negara.

Kita juga melaksanakan pemasaran secara digital atas platform talian ataupun di *market place*. Itu akan memberi manfaat serta kelebihan ekosistem ekonomi digital dan infrastruktur e-dagang di negara melalui portal *online market place* terutama di Malaysia seperti *Lazada*, *Shopee*, *PGMall*, dan juga *PrestoMall*, serta lain-lain. Ketiga, pelaksanaan

program, kempen dan promosi yang agresif dan komprehensif di mana promosi dan kempen berterusan menerusi *air time*, dan *media buy* di media cetak, media elektronik serta media baharu serta di laman-laman media sosial untuk memperbanyakkan iklan di radio, televisyen berkaitan dengan KBBBM juga mengadakan dokumentari dan siri-siri khas produk buatan Malaysia.

Terakhir melalui kerjasama strategik serta kolaborasi khas- *close collaboration*, dengan pihak ataupun organisasi syarikat berkepentingan seperti contoh baru-baru ini telah membuat satu siri kegemaran ramai iaitu *Upin dan Ipin*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang menjawab atas segala usaha baik yang dilakukan oleh KPDNHEP.

Soalan tambahan saya, telah difahamkan Kempen *Beli Barangan Buatan Malaysia* telah pun diusahakan oleh KPDNHEP sejak tahun 80an. Saya ingin tahu sepanjang pelaksanaan program ini, setiap tahun peruntukan besar dibagikan. Untuk tahun ini, RM20 juta. Saya ingin tahu, adakah produk tempatan yang mendapat manfaat secara terus daripada segi *commercialization*, dan daripada segi R&D untuk meningkatkan produk tempatan? Sekian, terima kasih.

Dato' Rosol bin Wahid: Terima kasih, satu soalan yang baik. Yang Berhormat, sebenarnya pelaksanaan KBBBM ini bermula tahun 1998 dan berlaku peningkatan yang cukup baik sama ada daripada segi *research* dan juga daripada segi jumlah belian barang-barang tempatan tersebut. Contohnya perbandingan untuk tahun ini sahaja sempena dengan COVID-19 peningkatan yang besar terhadap barang-barang buatan Malaysia ini di mana pada suku ke-tiga tahun 2020, peningkatan jualan produk tempatan ialah RM1.6 bilion berbanding dengan jangka masa yang sama pada tahun lepas cuma RM1.5 bilion sahaja, iaitu peningkatan sebanyak *1.8 percent*.

Begitu juga halnya dengan di *market place*. Oleh sebab masalah COVID-19, maka ramai rakyat pengguna menggunakan platform *online* untuk membeli barang-barang mereka seperti Lazada, Shopee, PrestoMall dan sebagainya. Di mana peningkatan jualan produk tempatan meningkat sebanyak 485 peratus. Ini menunjukkan bahawa keberkesanan duit ataupun bajet yang diberikan oleh kerajaan dan prasarana ini amat memberangsangkan dan ia perlu diteruskan untuk memastikan barang buatan Malaysia ini dengan *tagline* "*Barang Baik, Barang Kita*". Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad.

10. Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad minta Perdana Menteri menyatakan, alasan untuk tidak memberi peta sempadan maritim negeri-negeri Kelantan/Terengganu sehingga ke Pelantar Benua kepada Kerajaan Kelantan Darul Naim dan Terengganu Darul Iman.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Terima kasih Yang Berhormat, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Peta baharu Malaysia 1979 tidak menunjukkan had sempadan maritim di antara negeri-negeri di Malaysia memandangkan bidang kuasa sempadan maritim kerajaan negeri adalah hanya bermula tiga batu nautika melalui pengiraan dari tikas air surut pesisir pantai Yang Berhormat.

Pada ketika ini, tiada peta rasmi yang dikeluarkan bagi menunjukkan had sempadan maritim di antara negeri-negeri di Malaysia. Isu yang berkaitan dengan aspek teknikal perbatasan sempadan negeri- darat dan laut wilayah sehingga ke tiga batu nautika, adalah di bincang dan dibawa kepada perhatian pihak Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Berkaitan dengan hal ini juga, Jemaah Menteri Persekutuan pada 10 Mac 1993 telah memberikan kuasa kepada JUPEM sebagai pihak berkuasa yang mempunyai kepakaran teknikal untuk menentukan sempadan antara negeri-negeri di Malaysia. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini oleh sebab saya sebagai salah seorang 18 penuntut *Advanced Diploma Hydrography International*, dan salah satu subjeknya *Maritime Boundary*- sempadan antara negara ataupun antara negeri-negeri...

Tuan Yang di-Pertua: Soalan.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Sepengetahuan saya peta itu...

Tuan Yang di-Pertua: Soalannya Yang Berhormat, soalan.

Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad: Soalan dia, oleh sebab pembangunan bakal dijalankan oleh negeri-negeri berkenaan, apakah sekiranya negeri-negeri ini memohon secara rasmi peta maritim antara negeri-negeri untuk menyelesaikan isu pertikaian di antara negeri-negeri?

■1050

Adakah ia dibolehkan untuk diberikan kepada pihak-pihak negeri yang membuat permohonan secara rasmi. Sekian, terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Seperti yang saya sebut sebentar tadi, Yang Berhormat. Buat masa ini tiada peta rasmi yang dikeluarkan bagi menunjukkan had sempadan maritim di antara negeri-negeri di Malaysia ini. Walau bagaimanapun, usaha ini sedang dijalankan melalui sesi libat urus dan

perbincangan antara kerajaan-kerajaan negeri bagi memuktamadkan sempadan maritim antara negeri. Bersekali, Yang Berhormat.

Untuk makluman, sememangnya terdapat perjanjian sempadan maritim yang telah dimeterai di antara negeri di Malaysia, sebagai contoh Perjanjian Sempadan Maritim di antara negeri Melaka dan Negeri Sembilan pada tahun 2019. Selain itu, terdapat juga rundingan berkaitan sempadan maritim di antara negeri-negeri yang lain sedang dijalankan. Sebagai contoh, negeri Kelantan dan Terengganu sedang menyediakan draf Perjanjian Sempadan Maritim di antara kedua-dua negeri tersebut.

Namun, perjanjian ini masih belum dimuktamadkan memandangkan terdapat beberapa perkara yang memerlukan penelitian lanjut Yang Berhormat dan belum diselesaikan lagi. Antaranya keperluan menyeimbangkan pemakaian aspek perundangan di peringkat Kerajaan Persekutuan dan kerajaan negeri. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dato' Haji Husain bin Awang.

11. Dato' Haji Husain bin Awang minta Menteri Pertanian dan Industri Makanan menyatakan, bentuk bantuan yang disalurkan kepada pengusaha ikan sangkar yang mengalami kerugian terutama pada musim tengkujuh.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang atas soalan yang sangat baik dan menunjukkan keprihatinan Yang Berhormat kepada penternak-penternak ikan yang mengalami kerugian akibat bencana pada musim tengkujuh.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha membantu pengusaha ikan sangkar yang mengalami kerugian terutamanya pada musim tengkujuh, kementerian telah menyediakan Tabung Bantuan Bencana Agromakanan. Bayaran di bawah tabung ini bukan bertujuan membayar ganti rugi kerosakan akibat bencana tetapi merupakan bantuan wang ihsan atau input pertanian bagi membantu memulihkan projek petani, penternak, termasuk penternak akuakultur dan pengusaha berskala kecil untuk meneruskan aktiviti mereka setelah ditimpa bencana.

Dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM80 juta di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan untuk membantu pesawah, petani dan penternak yang kehilangan hasil akibat daripada bencana alam ini. Kadar bantuan di bawah Tabung Bantuan Bencana Agromakanan kepada pengusaha dan penternak akuakultur ini terbahagi kepada tiga kategori iaitu bagi penternak kolam dan

pengusaha *hatchery*, kadar bantuan maksimum adalah sebanyak RM3,000. Manakala bagi penternak sangkar, kadar bantuan maksimum adalah sebanyak RM2,400.

Selain itu, pengusaha ikan sangkar yang terjejas juga boleh memohon *in kind contribution* seperti bantuan benih dan makanan ikan secara percuma di bawah Program Sistem Penyampaian dan Khidmat Sokongan (SPeKS) oleh Jabatan Perikanan Malaysia. Bantuan ini ditawarkan hanya sekali untuk setiap penternak dengan nilai maksimum sebanyak RM10 ribu. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Husain bin Awang: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Setiap tahun penternak ikan pada musim tengkujuh ini mengalami kerugian yang besar. Soalan saya, selain daripada penternak sendiri yang memantau kawasan sangkar bagi mengelak daripada kemusnahan, apa langkah-langkah yang proaktif yang diambil bagi mengurangkan risiko kerugian besar yang dihadapi oleh penternak, dan sejauh mana pemantauan dibuat bagi memastikan bantuan yang disalurkan terutama benih anak-anak ikan itu sampai dan menepati sasaran. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Langkah proaktif yang dilakukan oleh kementerian bagi mencegah atau mengurangkan risiko kerugian yang lebih besar kepada penternak ikan sangkar adalah dengan menyediakan khidmat nasihat teknikal kepada pengusaha ikan sangkar.

Antaranya, pengusaha akan dinasihatkan agar menuai ikan yang telah mencapai saiz pasaran mengikut jadual. Pengusaha juga dinasihatkan tidak memulakan ternakan pada musim tengkujuh. Ubah suai kedudukan sangkar ke kawasan selamat dan memastikan sangkar diikat dengan kemas dan menangguhkan operasi ternakan serta menstrukturkan semula operasi ternakan bagi penternak sedia ada.

Manakala, bagi memastikan bantuan yang disalurkan terutama benih ikan benar-benar sampai kepada penternak, proses perolehan sehingga kepada penyampaian bekalan benih ikan kepada pengusaha sentiasa dipantau oleh wakil Jabatan Perikanan Malaysia. Dimaklumkan juga setiap pengusaha perlu menandatangani borang penerimaan untuk mengesahkan penerimaan benih ikan. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tuan Idris bin Haji Ahmad.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

*Ketupat daun palas;
Soalan saya nombor dua belas.*

12. Tuan Haji Idris bin Ahmad minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, status kedudukan 34,529 orang pendatang tanpa izin (PATI) yang ditahan dari 1 Januari tahun ini sehingga 18 November 2020. Adakah mereka dihantar pulang, didenda atau masih berada di negara ini.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, tahanan yang berada dalam depot tahanan imigresen merupakan tahanan reman dari Jabatan Imigresen Malaysia bagi tujuan siasatan, pemastian dan juga pemeriksaan di bawah Akta Imigresen 1959/63 dan juga tahanan atau banduan yang telah selesai menjalani hukuman penjara serta tahanan daripada agensi penguatkuasaan lain bagi tujuan pengusiran ke negara asal.

Setelah urusan semakan dokumen bagi tujuan pengesahan identiti selesai dilakukan dengan kedutaan negara tahanan masing-masing, JIM selanjutnya melaksanakan prosedur pengusiran pulang ke negara asal tahanan selaras dengan tatacara dan *standard operating procedure* yang digariskan.

Bagi makluman Yang Berhormat, pada 16 Disember 2020, JIM merekodkan seramai 12,917 orang tahanan di depot tahanan imigresen di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, seramai 1,936 orang masih dalam siasatan dan seramai 10,692 orang untuk diusir pulang ke negara asal. Manakala, kita telah berjaya menghantar pulang seramai 36,365 orang PATI. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Idris bin Haji Ahmad: Soalan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkaitan dengan isu ini kita pernah mendengar dan mendapat berita penangkapan pegawai yang menjaga sempadan negara. Seolah-olah perancangan yang terancang melibatkan orang dalaman kerana kita melihat isu tangkapan PATI ini tidak selesai-selesai. Jadi, persoalan saya, apa usaha kerajaan dalam membanteras hal ini secara efisien. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dibenarkan. Sila.

Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Yang Berhormat, memang Kementerian Dalam Negeri sentiasa mengambil perhatian yang serius untuk menjaga kedaulatan dan juga keselamatan di dalam negara kita termasuk sempadan-sempadan negara kita supaya pendatang tanpa izin tidak datang ke negara kita. Kita tidak bertolak ansur dengan mana-mana pihak termasuk tekong dan juga pegawai-pegawai yang terlibat sebagai tali barut.

Jadi, untuk pengetahuan Yang Berhormat bahawa Jabatan Imigresen Malaysia pegawainya telah ditangkap seramai 38 orang dan jumlah yang telah didakwa sehingga 21 Disember adalah seramai sembilan orang. Jadi, untuk itu JIM atau KDN sentiasa bekerjasama

dengan agensi-agensi penguatkuasaan lain terutama SPRM. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Saya teruskan kepada Dato' Isa bin Ab. Hamid.

13. Dato' Isa Bin Ab. Hamid minta Menteri Kesihatan menyatakan, jumlah Orang Asli sebagai penerima PeKa B40 dan manfaat diperoleh kumpulan ini sejak diperkenalkan.

Timbalan Menteri Kesihatan I [Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator. Skim PeKa B40 ini dilaksanakan pada awalnya pada 15 April 2019 sebagai projek perintis untuk kumpulan B40 yang menerima Bantuan Sara Hidup iaitu BSH dan mereka ini berumur 40 tahun dan ke atas. PeKa B40 ada empat manfaat iaitu:

- (i) saringan kesihatan;
- (ii) bantuan alat perubatan;
- (iii) insentif rawatan kanser; dan
- (iv) insentif tambang pengangkutan.

■1100

Semua penerima BSH dan juga mereka daripada golongan Orang Asli yang menjadi penerima layak mendapat PeKa B40. Sejak PeKa B40 diperkenalkan, ia telah memberikan manfaat kepada kumpulan B40 dan juga Orang Asli. Ini telah banyak menampung keperluan kesihatan dan meringankan beban mereka.

Sehingga 28 November 2020, seramai 2,409 Orang Asli telah menjalani saringan kesihatan iaitu manfaat satu. Bilangan permohonan yang diluluskan untuk manfaat kedua- 10, untuk manfaat ketiga adalah lima dan untuk manfaat keempat seramai tujuh orang penerima.

Ada kemungkinan juga data yang didapati ini mungkin lebih rendah daripada jumlah yang sebenarnya jika ada pengamal perubatan yang tidak dapat mengemaskinikan data etnik dalam sistem PeKa B40.

Untuk meningkatkan lagi jumlah Orang Asli yang akan menerima manfaat PeKa B40, KKM akan memperkukuhkan kerjasama dengan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) dan perbincangan juga telah pun diadakan bersama dengan Hospital Orang Asli di Gombak bagi meningkatkan aktiviti promosi dan melaksanakan program *outreach*, dengan izin, PeKa B40 kepada masyarakat Orang Asli untuk tahun 2021. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Isa bin Ab. Hamid: Soalan tambahan. Kalau melihat dengan jumlah penerima B40 bagi komuniti Orang Asli agak rendah. Mungkin juga akses kemampuan sistem penyampaian yang agak terhad oleh JAKOA dan juga Hospital Orang Asli Gombak. Apakah

usaha pihak kementerian untuk melibatkan NGO Orang Asli yang ada di akar umbi untuk membantu golongan B40 ini untuk didaftarkan secara *online* dan *offline*? Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya sebutkan tadi, KKM memang sangat prihatin tentang perkara ini dan kita rasa ada kemungkinan jumlah sebenarnya yang didaftarkan adalah lebih rendah. Ini kerana, kemungkinan ada pengamal perubatan yang tidak dapat membetulkan dan mengemaskinikan data etnik.

Walau bagaimanapun, seperti yang saya sebutkan tadi juga, kita telah dan akan memperkukuhkan kerjasama dengan JAKOA yang mana kita telah pun mengadakan perbincangan dengan Hospital Orang Asli Go,bak dan kita merencanakan program *outreach* PeKa B40 kepada masyarakat Orang Asli. Ini termasuklah Yang Berhormat sebutkan tadi iaitu NGO-NGO yang ada dalam kalangan Orang Asli.

Begitu juga dengan masyarakat B40 yang lain. Mereka ini di kawasan pedalaman umpamanya dan mereka tidak kecapaian untuk mendaftarkan diri sebagai BSH yang mana pada tahun depan akan ditukarkan kepada BPR yang dikatakan ada banyak penambahbaikan kadar bantuan dan juga daripada segi kategorinya. Jadi, saya harap ini akan memantapkan lagi penerimaan PeKa B40 dalam kalangan masyarakat Orang Asli. Terima kasih.

14. Puan Hajah Sabani binti Mat minta Menteri Sumber Manusia menyatakan, jumlah pencarum yang mencarum skim PERKESO bagi tahun 2020, dan adakah kerajaan berhasrat memastikan semua individu yang bekerja sendiri seperti petani, penjaja, pekebun kecil dan nelayan dilindungi oleh Skim PERKESO ini?

Timbalan Menteri Sumber Manusia [Tuan Haji Awang bin Hashim]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Untuk makluman Ahli-ahli Dewan yang mulia ini, berdasarkan statistik PERKESO sehingga 29 November 2020, bilangan pekerja aktif mencarum di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [Akta 4] bagi warganegara adalah seramai 6.9 juta orang dan sebanyak 465,213 orang majikan.

Bagi bukan warganegara, seramai 1.42 juta orang pekerja dan sebanyak 66,478 orang majikan yang terlibat. Bagi pencarum aktif di bawah Akta Sistem Insurans Pekerjaan 2017 [Akta 800] adalah seramai 6.6 juta orang pekerja dan melibatkan sebanyak 428,343 majikan. Manakala pencarum aktif di bawah Akta Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri 2017 [Akta 789] adalah seramai 56,053 orang.

Akta 789 telah dikuatkuasakan pada 1 Jun 2017 kepada sektor pengangkutan penumpang iaitu pemandu teksi, *e-hailing* dan pemandu bas. Skim ini telah diperluaskan kepada sebanyak 19 sektor tidak formal yang lain mulai 1 Januari 2020. Bagi memastikan semua individu yang bekerja sendiri seperti petani, penjaja, pekebun kecil dan nelayan melindungi di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS), Kementerian Sumber Manusia melalui PERKESO telah merangka dan melaksanakan strategi bagi memperluaskan perlindungan keselamatan sosial.

Pada peringkat permulaan, PERKESO sedang giat menjalankan program dan aktiviti kesedaran dengan mengadakan sesi libat urus dan turun padang yang melibatkan agensi kerajaan. Platform ini menyediakan perkhidmatan ekonomi *gig*, persatuan, pertubuhan dan sebagainya di semua pejabat PERKESO di seluruh negara.

Sepanjang tahun ini, sebanyak 4,177 libat urus telah diadakan di seluruh negara. Tuan Yang di-Pertua, PERKESO telah turut melaksanakan program publisiti secara aktif melalui hebahan di media massa seperti di stesen TV dan juga radio serta media cetak. Selain itu juga, PERKESO turut menerbitkan risalah dan klip-klip video yang disebarkan luas melalui media sosial dan juga sesawang PERKESO di *Facebook*, *YouTube*, *WhatsApp*, dan *Instagram*.

Selain daripada itu, antara inisiatif informal kerajaan untuk membantu pekerja-pekerja dalam sektor informal dan ekonomi *gig* adalah dengan melancarkan Program PenjanaGig melalui program Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) pada 5 Jun 2020.

Melalui program ini, kerajaan membiayai sebanyak 70 peratus bayaran caruman manakala baki sebanyak 30 peratus disumbangkan melalui platform yang menyediakan ekonomi *gig* ini. Jadi, saya ucapkan terima kasih. Ada lagi jawapan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya minta mungkin ada dalam soalan tambahan nanti. *Insyaa-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Puan Hajah Sabani binti Mat: Saya bukanlah lupakan soalan. Cuma sekadar mengucapkan terima kasih atas keprihatinan kerajaan dalam melibatkan ataupun mengadakan sesi libat urus khususnya golongan yang saya maksudkan tadi. Sekurang-kurangnya mereka ada tempat..

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tak ada soalan- soalan, tak ada?

Puan Hajah Sabani binti Mat: ...Sekurang-kurangnya mereka ada tempat untuk mengharap dalam keadaan yang sukar. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Mesti ada soalan. Soalan ada tak- tak ada?

Puan Hajah Sabani binti Mat: Tidak ada soalan.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau tak ada, tak ada lah.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sedikit. Berkenaan dan berkaitan dengan soalan tadi dan juga pandangan di bawah...

Tuan Yang di-Pertua: ...Dia tak ada soalan, tidak ada jawapan.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Tidak ada jawapan. Pandangan pun tak boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Tak ada.

Tuan Haji Awang bin Hashim: Tidak apa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

[Sesi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

11.08 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: Tuan Yang di-Pertua,

“Tanpa mengambil kira Usul terdahulu yang diputuskan pada 16 Disember 2020, di bawah Peraturan Mesyuarat 11(1), saya mohon mencadangkan di bawah Peraturan Mesyuarat yang sama bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai giliran Kementerian Kerja Raya menjawab seperti yang tertera di no. 12, di dalam Susunan Giliran Kementerian menjawab ke atas D.R. 16/2020 - Rang Undang-undang Perbekalan 2021, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 23 Disember 2020.”

Terima kasih.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said]: Saya sokong Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang dikemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan sebentar tadi hendaklah disetujui.

[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2021

Bacaan Kali Yang Kedua

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan yang ditangguhkan atas masalah, “Bahawa rang undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.” **[21 Disember 2020]**

Tuan Yang di-Pertua: Minta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri menjawab, dan sila perakukan kepatuhan kepada jadual dan masa. Sila, dari Jabatan Perdana Menteri digariskan iaitu:

- (i) Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri;
- (ii) Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) yakni Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya;

■1110

- (iii) Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Ekonomi) Tuan Arthur Joseph Kurup; dan
- (iii) Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) Datin Mastura binti Tan Sri Dato' Mohamad Yazid.

Sila ambil giliran.

11.10 pg.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) [Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua saya mulakan dengan firman Allah S.W.T. dalam surah Al-Baqarah ayat 110... *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* Maksudnya “*Beramallah kita dengan solat dan berzakat serta melakukan kebaikan. Nescaya semua ini akan dibalas dengan pahala oleh Allah di akhirat kelak.*”

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada lapan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu atau soalan yang berkaitan dengan hal ehwal Islam di bawah kementerian saya semasa perbincangan Perbekalan 2021 di Dewan yang mulia ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya ingin merujuk kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah dan juga Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad bin Yahya mengenai peruntukan yang diberikan kepada sekolah agama dan sekolah tahfiz atau sekolah-sekolah janaan rakyat yang hanya bergantung penuh kepada kutipan yuran.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, kerajaan tidak sesekali mengurangkan peruntukkan kepada sekolah-sekolah agama rakyat, pondok, dan institusi tahfiz dari tahun-tahun sebelumnya. Sebagaimana pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia ini pada 16 Disember 2020, di bawah strategi kelima untuk menjamin kesejahteraan hidup rakyat melalui peningkatan pelbagai kemudahan sosial, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta secara *one-off* bagi tujuan selenggara dan naik taraf bangunan sekolah agama rakyat, pondok dan sekolah tahfiz.

Peruntukkan tersebut akan disalurkan kepada institusi yang berdaftar dengan pemegang taruh- *stakeholders*, dengan izin, yang berautoriti di peringkat negeri masing-masing termasuk yang diusahakan oleh rakyat secara persendirian atau swasta. Kerajaan dari semasa ke semasa akan terus berusaha memastikan institusi pendidikan Islam di negara ini merangkumi institusi pondok, tahfiz dan sekolah agama terus kekal berdaya saing selari dengan pendidikan arus perdana.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh agar kerajaan menyelaraskan prosedur operasi standard bagi masjid dan surau kerana terdapat kekeliruan disebabkan perbezaan SOP antara negeri-negeri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, SOP aktiviti masjid dan surau di seluruh negara diputuskan melalui Mesyuarat Jawatankuasa Muzakarah Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) yang dianggotai oleh Ashab al-Samahah para Mufti Negeri dan ahli yang dilantik oleh Majlis Raja-raja. SOP ini dijadikan panduan oleh Majlis Keselamatan Negara bagi tujuan pengawasan dan pemantauan semua pihak. Manakala pelaksanaan SOP aktiviti masjid dan surau di setiap negeri adalah melalui panduan yang diberikan mufti negeri serta nasihat oleh Majlis Keselamatan Negara dan Jabatan Kesihatan Negeri.

Sehubungan itu, kerajaan negeri mempunyai tanggungjawab mempertimbangkan pelaksanaan SOP aktiviti masjid dan surau berdasarkan kesesuaian situasi penularan COVID-19 di negeri tersebut. Ini bertepatan dengan kaedah dalam berfatwa yang menyebutkan fatwa boleh berubah dengan perubahan masa, tempat dan situasi. Selain itu, pindaan dan perbezaan yang dilaksanakan di negeri-negeri adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan yang meletakkan urusan agama adalah terletak di bawah bidang

kuasa raja atau sultan negeri berkenaan. Kaedah fiqah menyebut... [*Berucap dalam bahasa Arab*] Tindakan pemerintah terhadap rakyat adalah berasaskan kepada maslahat.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan pertanyaan Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili tentang berapakah jumlah yang diperuntukkan kepada institusi-institusi latihan Islam di Sarawak dan program-program yang dilaksanakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi tahun 2020 jumlah yang telah diperuntukkan kepada institusi Institut Kemahiran Islam Malaysia Sarawak (IKMAS) di Kuching adalah sebanyak RM6,802,380.12. Daripada jumlah itu sebanyak RM189,200 telah diperuntukkan kepada pusat latihan Sarawak bagi menjalankan operasinya. Mengenai program-program latihan dan kursus yang dijalankan oleh pusat latihan ini adalah meliputi bidang dakwah, kefahaman Islam, kepimpinan, latihan profesional imam, pengurusan masjid, media sosial, pengurusan halal, kekeluargaan dan peningkatan pemahaman Al-Quran. Bidang-bidang khusus ini akan diteruskan pelaksanaannya pada tahun 2021 dan juga tahun 2022.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung pertanyaan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias mengenai status pembinaan beberapa buah masjid dan surau di Labuan. Suka saya nyatakan bahawa bagi Masjid Ar-Rahman Kampung Sungai Lada, isu penyerahan hak milik tanah kepada MAIWP baru sahaja selesai dan penilaian semula akan dibuat sebelum projek ini diteruskan.

Untuk Masjid Nur Iman Kampung Ganggarak, projek ini akan dipertimbangkan setelah isu pemilikan tanah yang masih dalam proses penyelesaian antara pemaju dapat diselesaikan. Manakala bagi Masjid Nurul Islam, projek pembesaran masjid tersebut telah diluluskan sejak tahun 2015 namun ditangguhkan kerana lokasinya yang kurang sesuai dan memerlukan kos pembinaan yang tinggi kerana kawasan yang terhad dan bertebing. Projek ini akan dipertimbangkan semula termasuk mengambil kira cadangan pemindahan masjid ini ke lokasi lain yang lebih sesuai dan strategik. Berkenaan Surau Darussalam pula, projek ini masih dalam penilaian dan akan diteruskan setelah semua syarat dipenuhi.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan soalan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin mengenai tindakan selanjutnya bagi pesalah kanak-kanak di mahkamah syariah.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam akta atau Enakmen Tatacara Jenayah Syariah sedia ada, pesalah kanak-kanak dikenali sebagai pesalah muda iaitu seorang pesalah yang berumur lebih dari 10 tahun dan kurang daripada 16 tahun sebagaimana yang ditafsirkan dalam seksyen 2 akta atau enakmen berkenaan.

Berdasarkan akta atau Enakmen Tatacara Jenayah Syariah juga, tiada prosedur khusus yang membezakan tatacara pengendalian pesalah kanak-kanak dengan pesalah

dewasa di mahkamah syariah. Namun daripada segi hukuman, seksyen 128 akta atau enakmen berkenaan memperuntukkan bahawa pesalah muda tidak boleh dikenakan hukuman pemenjaraan dan denda tapi hendaklah digantikan dengan hukuman lain seperti dilepaskan dengan teguran wajar oleh mahkamah atau diperintah untuk berkelakuan baik di bawah pengawasan ibu bapa atau penjaga.

Kerajaan menyedari tentang ketiadaan prosedur khusus berkaitan pengendalian pesalah kanak-kanak di mahkamah syariah dan telah mencadangkan pindaan tertentu yang akan dibincangkan oleh Jawatankuasa Teknikal Undang-undang Syarak dan Sivil dan seterusnya akan dibentangkan di Parlimen bagi Wilayah Persekutuan dan Dewan Undangan Negeri bagi negeri-negeri.

Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin juga memohon penjelasan mengenai isu yang sedang *viral* sekarang berkaitan seorang wanita Melayu Islam dari Johor yang dipaparkan berkahwin dengan seorang pemain hoki bukan Muslim di negara India mengikut istiadat agama lain. Terkait isu ini suka saya nyatakan bahawa pada hari semalam, 21 Disember 2020 satu kenyataan media telah saya keluarkan bagi meredakan segala kekeliruan dan kegelisahan yang berlaku dalam kalangan umat Islam berpunca daripada pelbagai spekulasi yang tersebar di media sosial.

Saya juga mengajak seluruh umat Islam agar menjunjung nasihat Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Johor agar tidak membuat apa-apa kesimpulan dan tindakan pra-matang dalam berinteraksi dengan berita yang disebar, lebih-lebih lagi ia melibatkan status agama seseorang yang secara tidak langsung menyentuh maruah dirinya.

■1120

Secara prinsip, kaedah fikah menyebut... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "*Keadaan asal seseorang itu bebas daripada tanggungan.*" Bererti, maruah diri seseorang kekal pada keadaan asalnya sehingga terbukti sebaliknya.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya berkenaan gesaan penubuhan Suruhanjaya Siasatan Diraja (RCI) seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad dan juga Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat. Suka saya tegaskan buat ke sekian kalinya, kerajaan amat komited bagi memastikan segala transaksi dan urusan tadbir yang dilakukan oleh Tabung Haji mengambil kira kepentingan lebih 9.3 juta pendeposit yang diamanahkan kepada kami. Justeru itu, segala proses untuk menubuhkan Suruhanjaya Siasatan Diraja berkenaan akan diteruskan sebagaimana yang telah saya nyatakan dalam jawapan-jawapan sebelum daripada ini.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja perkara yang saya sempat saya jawab dalam masa yang singkat ini.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Tuan Yang di-Pertua.

Puan Asmak binti Husin: Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua: Ya.

Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid: Yang Berhormat Menteri, saya ingin mendapat pencerahan daripada Yang Berhormat Menteri berhubung dengan masalah negara. Adakah Yang Berhormat Menteri berperanan untuk menasihatkan kerajaan dalam masalah pusat judi terbesar, kilang arak terbesar dan masalah riba di Malaysia. Supaya dengan nasihat yang diberi kepada Kerajaan Malaysia boleh menjadi sebuah negara *baldatun toyyibatun wa rabbun ghaffur. Insya-Allah* Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Terima kasih Yang Berhormat. Perkara ini saya ambil maklum dan prihatin. *Insya-Allah* kita akan sama-sama untuk melaksanakan yang terbaik. *Insya-Allah*. Setakat ini sahaja perkara yang sempat saya jawab.

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua. Saya ada dua soalan yang saya bangkitkan Yang Berhormat Menteri. Satunya berkaitan dengan peranan dan juga pelan tindakan Jabatan Pendidikan Islam berkaitan dengan KAFA ketika musim pandemik COVID-19 iaitu secara *online*. Kita dapati pembelajaran secara *online* tidak dapat dihayati oleh pelajar dalam pembentukan akhlak, ibadat dan sebagainya. Adakah pihak JAPI juga menyediakan garis panduan untuk ibu bapa bagaimana untuk menyertai pedagogi JAPI KAFA itu sendiri.

Kedua, saya ada bangkitkan mengenai isu masjid sebagai pusat pembelajaran *online*. Jadi di mana pelajar-pelajar akan menggunakan internet untuk belajar terutama musim pandemik COVID-19. Jadi adakah sistem sokongan yang disediakan oleh masjid terutamanya dari aspek tarbiah sebab pelajar akan belajar secara maya dengan guru tetapi tidak ada aspek tarbiah. Jadi saya ingin bertanya dari sudut itu, pelan tindakan seterusnya. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri: Okey terima kasih. Kedua-dua soalan ini kita akan perhalusi. Sebenarnya dalam isu KAFA, kita telah mengadakan beberapa kali mesyuarat, yang terakhir dua minggu lepas iaitu berkenaan dengan yang terkait dengan KAFA dan kokurikulumnya. Saya akan bagi jawapan secara *detail*. Begitu juga isu berkenaan dengan pembelajaran *online* di masjid. Memang kebanyakannya berdasarkan kepada inisiatif daripada jawatankuasa masjid. Kita mencadangkan *insya-Allah* secara lebih fokus dan berpelan untuk kita laksanakan sebagaimana yang dihasratkan, adanya unsur tarbiah dan juga kerohanian. *Insya-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Dr. Haji Zulkifli Mohamad Al-Bakri, Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya saya menjemput Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri berkaitan Parlimen dan Undang-undang, Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, dipersilakan.

11.24 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang)

[Datuk Haji Shabudin Yahaya]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan isu-isu yang berkaitan dengan Jabatan Perdana Menteri semasa perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 berkaitan portfolio saya iaitu Parlimen dan Undang-undang dan juga agensi-agensi lain iaitu Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Bagi memudahkan jawapan dan penggulangan, saya akan menjawab berdasarkan isu-isu utama. Sesungguhnya Jabatan Perdana Menteri menghargai pandangan, teguran dan cadangan serta saranan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya ialah yang berkaitan dengan isu perundangan dan kehakiman. Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid bertanya apakah status rayuan pengampunan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong ke atas veteran Mohd. Saiful Suraj bin Abdullah yang telah diberhentikan daripada perkhidmatan. Dimaklumkan bahawa Bahagian Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Perdana Menteri melalui Urus Setia Lembaga Pengampunan bagi Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya telah melakukan semakan dan mendapati pihak urus setia tidak menerima sebarang rayuan pengampunan daripada pihak veteran ATM, Mohd. Saiful Suraj bin Abdullah.

Semakan lanjut bersama dengan pihak TLDM Lumut mendapati bahawa kes tersebut telah disabitkan di mahkamah tentera dan hukuman telah berkuat kuasa mulai Januari 2014. Difahamkan veteran ATM tersebut telah membuat rayuan mengikut seksyen 128, Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77]. Oleh itu, Ahli Yang Berhormat hendaklah merujuk dan mengajukan isu ini kepada Kementerian Pertahanan.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang berkaitan dengan Parlimen. Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid juga minta Yang Berhormat Menteri Undang-undang untuk memberi penjelasan berhubung surat yang telah dikemukakan berkaitan dengan reformasi Dewan Negara. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum bahawa cadangan-cadangan reformasi dan pemeraksanaan Dewan Negara yang dikemukakan itu laporan oleh Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara (JKRDN) yang dianggotai oleh Ahli-ahli Dewan Negara.

Sehubungan itu, Ahli Yang Berhormat dan JKRDN disarankan bekerjasama dengan pihak Parlimen Malaysia untuk menyediakan Kertas Jemaah Menteri bagi pertimbangan pihak

kerajaan. Dalam hal ini, kerajaan menyambut baik dan menyokong inisiatif yang diambil oleh Jawatankuasa Kerja Reformasi Dewan Negara.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong meminta Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang) untuk mewujudkan satu Jawatankuasa Khas Parlimen bersama dengan Dewan Rakyat dan Dewan Negara untuk menunjukkan semangat berpartisan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Majlis Dewan Negara boleh memutuskan hendak melantik sesebuah jawatankuasa bersama tetap bagi mengkaji perkara-perkara mengenai kebajikan, perjalanan urusan hal ehwal dalam Majlis Dewan Negara dan Dewan Rakyat berdasarkan peruntukan yang ditetapkan dalam Peraturan Mesyuarat 79 (Peraturan-peraturan Majlis Mesyuarat Dewan Negara).

Sehubungan itu, jawatankuasa bersama kesejahteraan rakyat dengan keahliannya membabitkan Ahli-ahli Yang Berhormat dari Dewan Negara dan Dewan Rakyat sedang direalisasikan sebagai salah satu daripada pembaharuan Dewan ini. Hal ini telah dimaklumkan sendiri oleh Tuan Yang di-Pertua di Dewan ini semalam iaitu pada 21 Disember 2020. Jawatankuasa ini akan menjadi medan penggabungan idea, tenaga, kepakaran melepasi kepentingan kepartian bagi memastikan soal kebajikan rakyat dan hubung kaitnya menyentuh kepentingan negara.

Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair menyentuh berkaitan penjimatan dan mencadangkan pindaan seksyen 3, subseksyen 1, Akta 237 iaitu Ahli Parlimen yang berkaitan dengan saraan pada 1980 untuk memperuntukkan pengurangan elaun bulanan Ahli Dewan Rakyat dan Ahli Dewan Negara sekurang-kurangnya sebanyak 10 peratus dapat dibentangkan di Dewan ini.

■1130

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, elaun Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat telah dinaikkan pada tahun 2015 daripada masing-masing RM4,112.79 dan RM6,508.59 kepada RM11 ribu, dan RM16 ribu sebulan sebenarnya atas permintaan Ahli-ahli Dewan sendiri. Antara alasannya ialah beban tugas, kos hidup, perbandingan dengan negara-negara lain dan sebagainya.

Justeru, cadangan Ahli Yang Berhormat untuk mengurangkan elaun mereka mungkin tidak mendapat sokongan yang menyeluruh daripada Ahli-ahli kedua-dua Dewan sebab tidak bertepatan dengan justifikasi kenaikan sebelum ini. Oleh itu, kerajaan tidak berhasrat untuk mengurangkan elaun Ahli Dewan Negara dan Dewan Rakyat buat masa ini.

Walau bagaimanapun, potongan secara pentadbiran boleh dibuat dengan syarat semua Ahli Parlimen bersetuju dan terma-terma diperhalusi. Sebagai contoh, tempoh potongan dan jenis elaun yang hendak dipotong. Sekiranya mana-mana Ahli Parlimen yang

ingin membuat potongan secara individu kepada tabung-tabung tertentu seperti tabung COVID-19, bolehlah memaklumkan secara rasmi kepada Parlimen untuk membuat potongan tersebut secara individu.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff...

Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon sedikit penjelasan. Terlanjur Yang Berhormat Menteri menyebutkan tentang elaun-elaun kita tadi, boleh atau tidak sebut elaun Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua berapa? Terima kasih.

Datuk Haji Shabudin Yahaya: Ya saya menjawab adalah persoalan yang ditimbulkan oleh Ahli Parlimen yang berkenaan iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Jadi bergantung kepada soalan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas lah hendak merangkulkan sekali Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua. Jadi buat masa ini dalam jawapan ini, hanya kepada Ahli-ahli Dewan Negara dan Ahli-ahli Parlimen sahaja.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff membangkitkan isu usul keyakinan terhadap kerajaan dan bimbang akan memberi kesan kepada keabsahan belanjawan. Bagi menjawab persoalan ini, daripada segi keabsahan Belanjawan 2021 sewajarnya tidak timbul lagi isu ini kerana Belanjawan 2021 telah pun dipersetujukan di semua peringkat sama ada peringkat Dasar dan Jawatankuasa di mana sebanyak 62 kali dipersetujukan, 51 kali undian suara dan 11 kali undian belah bahagian.

Ini termasuk bacaan kali yang ketiga dipersetujukan dengan undian belah bahagian di mana jumlah setuju 111 orang dan tidak setuju adalah 108 orang, dan tidak hadir satu orang. Jadi, ini adalah jumlah Ahli Dewan sekarang iaitu 220 berbanding dengan jumlah sebenar 222 kerana dua kerusi kosong yang melibatkan Ahli yang berkenaan telah meninggal dunia.

Seterusnya isu perkhidmatan awam Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan juga Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose membangkitkan isu perbezaan kadar Bayaran Insentif Wilayah dan Elaun Perumahan Wilayah bagi penjawat awam dari Sabah yang bertugas di Semenanjung dan penjawat awam Semenanjung yang bertugas di Sabah atau Sarawak dan mencadangkan perbezaan ini diselaraskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain dibayar gaji berdasarkan jadual gaji yang berkuat kuasa, penjawat awam juga menerima imbuhan tetap dan pelbagai jenis elaun dan penetapan kadar sesuatu elaun dalam perkhidmatan awam tidak membezakan pegawai-pegawai yang berasal dari Sabah, Sarawak dan berkhidmat di Semenanjung atau pegawai-pegawai yang berasal dari Semenanjung dan berkhidmat di Sabah ataupun Sarawak.

Kadar sesuatu elaun dalam perkhidmatan awam ditetapkan mengikut gred ataupun lingkungan gaji dan lokasi penempatan pegawai berdasarkan kepada kriteria-kriteria

pemberian elaun seperti kos sara hidup, tanggungjawab tambahan, bayaran balik perbelanjaan, risiko kerja, kesusahan, kepakaran, kemahiran atau kompetensi tambahan, keanehan ataupun kepayahan yang amat sukar bagi tugas kepentingan pengekalan sesuatu perkhidmatan dan galakan.

Salah satu elaun yang diberikan kepada penjawat awam yang bertukar wilayah ialah Bayaran Insentif Wilayah (BIW) di mana wilayah terbahagi kepada Semenanjung, Sabah, Sarawak dan juga Labuan. Elaun ini dibayar bagi membantu menangani kos sara hidup pegawai bertukar wilayah dan pegawai yang ditempatkan di wilayah yang berlainan dari wilayah asalnya serta pegawai-pegawai tempatan yang bertugas di Sabah, Sarawak dan Labuan.

Kadar BIW ini ditetapkan berdasarkan peratusan kepada lingkungan gaji pokok seseorang pegawai yang berkecukupan. Ini bermakna, kadar elaun yang diterima adalah meningkat apabila pegawai diberi kenaikan gaji setiap tahun. Ini akan membantu pegawai menangani kos sara hidup di wilayah di mana pegawai berkenaan bertugas.

Seterusnya manakala Bayaran Imbuan Perumahan Wilayah (BIPW) bagi membantu penjawat awam menghadapi kos sewaan yang berbeza. BIPW ditetapkan mengikut lokasi dan berasaskan kadar sewa pasaran yang ditinjau oleh Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta iaitu JPPH Kementerian Kewangan. Penentuan kelayakan kadar adalah berpandukan kepada lokasi atau kawasan di mana letaknya pejabat pegawai yang berkenaan.

Secara amnya, kadar sewa di Sabah dan Sarawak adalah lebih tinggi berbanding kadar sewa di Semenanjung, berdasarkan kadar sewa semasa bandar-bandar di Semenanjung dan juga di Sabah, Sarawak, Langkawi, Johor Bahru, Seberang Perai dan kawasan lain seperti di Selangor dan juga Kuala Selangor. Walau bagaimanapun, kadar BIPW diteliti dari semasa ke semasa, dengan mengambil kira kedudukan kewangan kerajaan dan perbelanjaan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, isu berkaitan dengan integriti dan rasuah Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu membangkitkan beberapa isu integriti dan rasuah. Penjelasan isu-isu ini yang dibangkitkan adalah seperti berikut. Soalan daripada Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, sejauh manakah Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah sedar dan tahu mengenai ketirisan dan rasuah dalam kalangan agensi kerajaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bahawa sejak penubuhan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional iaitu GIACC pada 8 Jun 2018, Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) telah bermesyuarat sebanyak 13 kali yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Mesyuarat JKKMAR ini telah membuat banyak keputusan berkaitan governans, integriti dan anti rasuah untuk dilaksanakan dalam tempoh

dua tahun penubuhannya. Kesemua keputusan tersebut sedang dilaksanakan dalam fasa pelaksanaan yang berbeza-beza seperti yang telah ditetapkan.

Selain daripada itu juga, kita juga telah melihat bahawa kerajaan telah menubuhkan ataupun menerbitkan satu Pelan Antirasuah Nasional yang akan berkuat kuasa 2019 hingga tahun 2023. Seterusnya keputusan dasar ini akan dibawa ke mesyuarat Jemaah Menteri untuk mendapatkan persetujuan kerajaan bagi memastikan dasar yang dibuat tidak berkompromi kepada sebarang tindakan rasuah. Kerajaan akan terus memantau semua inisiatif di bawah JKKMAR bagi memastikan pelaksanaannya membawa impak yang positif kepada negara.

Selain daripada itu, ditanya juga tentang peruntukan yang diberikan kepada GIACC. Dimaklumkan bahawa GIACC telah diberi peruntukan sebanyak RM38,479,400 bagi tahun 2021. Sekian, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua untuk tempoh ini.

■1140

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-undang).

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi). Silakan.

11.40 tgh.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) [Tuan Arthur Joseph Kurup]: Selamat pagi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan penghargaan dan juga terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara yang telah menyertai Perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021.

Sejumlah sebanyak sembilan orang Yang Berhormat menyentuh perkara-perkara dan bawah bidang tanggungjawab saya merentasi sebanyak lima isu utama iaitu berkaitan dengan FELDA, PETRONAS, Rancangan Malaysia Ke-12 dan Peruntukan Perbelanjaan Projek Pembangunan Inklusif berkaitan dengan golongan M40 dan kesaksamaan kaum dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara dan Pelaksanaan Projek Pembangunan.

Pertama, berkaitan dengan FELDA. Dua Ahli Yang Berhormat telah meminta penjelasan kerajaan mengenai isu yang melibatkan FELDA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Tuan Idris bin Haji Ahmad, kerajaan kini bersama dengan pengurusan baharu FELDA berusaha keras untuk memastikan kebajikan peneroka dan keluarga mereka sentiasa akan terpelihara.

Langkah penambahbaikan dan hala tuju baharu FELDA digariskan untuk mengembalikan reputasi dan prestasi FELDA. Selain untuk memastikan pembangunan sosial ekonomi yang mampan dan memberi manfaat pada seluruh masyarakat peneroka. Seperti

mana perbincangan Yang Berhormat yang tepat mengulas masalah-masalah yang dihadapi oleh FELDA.

Kita akui FELDA mula berhadapan dengan masalah kewangan sejak tahun 2013 bilamana ia menghadapi kerugian dan pendapatan sebelum cukai yang semakin merosot. Ini disebabkan antara lain penyenaian FGV di Bursa Malaysia pada tahun 2012 apabila FELDA kehilangan sumber pendapatan dan penting serta harga kelapa sawit yang kurang memberangsangkan pada waktu itu.

Bagi memastikan operasi harian dan komitmen perkhidmatan kepada warga peneroka berjalan dengan lancar, FELDA membuat pinjaman kurang lebih sebanyak RM10.7 bilion. Pada bulan September tahun ini, FELDA telah memaklumkan kerajaan bahawa ia tidak mampu membayar balik beberapa hutangnya dan mempunyai masalah kecairan sebanyak RM1.3 bilion.

Di samping itu, hutang peneroka yang tinggi serta kadar kutipan hutang yang tidak memberangsangkan turut memburukkan lagi keadaan dan menjejaskan kedudukan kewangan FELDA. Sehubungan dengan ini, kerajaan telah bersetuju untuk memberikan moratorium selama dua tahun kepada FELDA untuk salah satu daripada hutangnya dan sebuah institusi yang lain yang memberi FELDA moratorium selama enam bulan.

Kerajaan pada masa ini memberi sepenuh penumpuan agar FELDA dapat mencapai keamanan kewangan dan kelestarian bagi melunaskan tanggungjawabnya sebagai agensi yang berfungsi membela nasib lebih daripada sebanyak 100 ribu- keluarga peneroka tanpa kebergantungan kepada kerajaan.

Justeru, Jemaah Menteri pada 14 Oktober tahun ini telah meluluskan Pelan Pemulihan FELDA. Syor yang diluluskan antaranya penerbitan *sukuk* yang dijamin oleh kerajaan berjumlah sebanyak RM9.9 bilion di mana sebanyak RM6 bilion akan digunakan bagi mengurangkan beban hutang FELDA dan bakinya akan digunakan untuk meningkatkan pendapatan teras iaitu melalui pengambilalihan pegangan saham FGV serta melaksanakan penamatan perjanjian pajakan tanah.

Selain itu, pihak pengurusan FELDA telah diarahkan untuk memantapkan lagi pengurusannya. Pihak pengurusan FELDA telah merangka model baharu FELDA yang berteraskan kepada penambahbaikan tadbir urus operasi ladang yang lebih cekap, warga peneroka pendidikan R&D dan penggunaan teknologi serta keberkatan bagi memastikan FELDA berada di tahap yang lebih mandiri dan lestari.

Bagi menunjukkan prestasi utama yang ditetapkan akan dicapai, Jawatankuasa Pemantauan Pelaksanaan dan Keberkesanan Pelan Pemulihan FELDA telah ditubuhkan. Jawatankuasa ini dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Abdul Wahid bin Omar akan

memantau pelaksanaan langkah-langkah ini dengan rapi agar ia dilaksanakan dengan lebih berkesan dan lancar.

Langkah-langkah pemulihan tersebut dijangka membawa hasil positif ke atas FELDA mulai pada tahun 2023. Ini akan dapat memastikan FELDA mencapai kejayaan seperti mana syarikat-syarikat perladangan utama yang lain dan berada di landasan yang lebih teguh.

Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz membangkitkan mengenai...

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, mohon pencilan sebelum masuk tajuk ini. Boleh Yang Berhormat?

Tuan Arthur Joseph Kurup: Boleh Yang Berhormat.

Dato' Wira Othman bin Aziz: Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa FELDA ini merupakan satu projek yang cukup sudah lama lah dari tahun 60-an. Masalah yang berlaku mutakhir ini kerana saya melihat FELDA tidak lagi terlibat dengan *downstream operation* contohnya dahulu ada kita hantar lateks ataupun susu getah ini.

Akan tetapi sekarang ini, semua boleh kata di FELDA skim diminta hantar *cup lump* ataupun sekerap dan *operation* untuk membuat SMR itu pun saya rasa bukan terlibat dengan FELDA tetapi mungkin FGV. Begitu juga dengan *wild mills*- kilang-kilang minyak sawit FELDA ini pun dikatakan dikawal sepenuhnya oleh FGV.

Maka, mana mungkin FELDA mendapat hasil untuk *cover* operasi harian mereka. Mohon komen daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

Tuan Arthur Joseph Kurup: Terima kasih Yang Berhormat. Melalui daripada beberapa sesi libat urus yang kita telah mengadakan dengan FELDA, FELDA melalui pengurusan yang baharu ini mempunyai perancangan yang cukup baik dan mantap. Di antaranya adalah untuk memasuki ke dalam industri *downstream* dan juga *diversification* dan *smart farming*.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, antara satu bidang yang juga FELDA akan menceburi adalah untuk meningkatkan lagi sekuriti makanan dalam negara kita yang juga selaras dengan antara kita punya objektif dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Jadi, selain daripada itu saya akan serah kepada FELDA untuk memberi pengumuman yang rasmi apabila sampai masanya. Terima kasih Yang Berhormat.

Yang Berhormat Dato' Wira Othman bin Aziz membangkitkan mengenai peruntukan Projek Jalan FELDA yang bagi tahun 2021 dalam perbahasan beliau memandangkan butiran tersebut tiada dalam tajuk Kelestarian FELDA di Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, peruntukan bagi Projek Jalan FELDA untuk tahun 2021 dimasukkan dalam Butiran 00121 – Infrastruktur Luar Bandar di dalam Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 Butiran P.6 bagi Jabatan Perdana Menteri.

Di sini, sebanyak RM79.7 juta telah diperuntukkan bagi tahun 2021 merangkumi projek menaik taraf jalan kampung, sistem perparitan dan saluran di rancangan FELDA Fasa 2. Peruntukan ini adalah bagi keperluan membaharui muka jalan kampung dan pembaikan sistem perparitan dalam rancangan FELDA meliputi sebanyak 1,700 kilometer jalan kampung daripada sebanyak 3,600 keseluruhan jalan kampung dalam rancangan FELDA.

Tuan Yang di-Pertua, isu yang kedua mengenai PETRONAS. Sebanyak tiga Ahli Yang Berhormat telah menyentuh berkaitan perkara ini. Yang Berhormat Dato' Seri Sr. Haji Mohamad Apandi bin Mohamad mencadangkan agar kerajaan menggantikan terma wang ihsan atau pemberian *one-off* kepada pemberian wang tunai berhubung royalti PETRONAS pada Kelantan.

Yang Berhormat juga menggesa kerajaan membuka Kompleks Petrokimia di Bachok, Kelantan seperti yang mana yang telah dibina di Dungun, Terengganu. Seperti mana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, perjanjian-perjanjian yang telah dimeterai antara PETRONAS dengan negeri-negeri pada ketika itu adalah selaras dengan Akta Pembangunan Petroleum 1974 yang mana sejumlah bayaran tunai hasil petroleum akan di salur atau dibayar kepada negeri-negeri yang mempunyai hasil minyak dan gas.

Negeri-negeri berkenaan akan dibayar sejumlah bayaran tunai berdasarkan *safe and won* nilai petroleum. Menurut perjanjian tersebut, bayaran tunai petroleum sebanyak lima peratus akan disalurkan kepada negeri-negeri berdasarkan hasil petroleum yang dijumpai di kawasan sempadan perairan negeri tersebut manakala sebanyak 5 peratus lagi akan dibayar ke Kerajaan Persekutuan.

■1150

Dalam hal ini, Akta Wilayah Laut 2012 menghadkan sempadan perairan negeri kepada tiga batu nautika dari luar pesisir pantai. Buat masa ini kesemua lapangan pengeluaran minyak sedia ada terletak melebihi tiga batu nautika dari luar pesisir pantai Malaysia. Oleh yang demikian, penggunaan terma atau jumlah yang disalurkan bagi bayaran tunai hasil petroleum atau bayaran khas petroleum adalah berdasarkan perundangan dan perjanjian yang sedia ada.

Berkaitan pula dengan cadangan membuka Kompleks Petrokimia di Bachok, secara amnya sebarang cadangan pelaburan di sektor minyak dan gas hiliran termasuk pembangunan industri petrokimia dan pemprosesan minyak dan gas haruslah diteliti dan diperhalusi bagi memastikan daya saing ekonomi, kemapanan serta kelangsungan projek yang dirancang.

Pada masa ini terdapat beberapa Kompleks Petrokimia di Malaysia antaranya Kerteh di Terengganu, Pengerang di Johor dan secara amnya, lokasi atau kedudukan geografi bukanlah penentu yang utama dalam memutuskan pelaburan oleh pemain industri. Antara

faktor yang mesti diambil kira adalah ketersediaan sumber bahan mentah, akses ke pasaran, kesediaan infrastruktur, akses kepada tenaga kerja dan juga saluran pengedaran di dalam dan luar negara.

Pada masa ini, sektor minyak dan gas dunia terkesan dengan faktor kemerosotan permintaan dan lambakan bekalan. Kebanyakan syarikat dan pelabur dalam sektor minyak dan gas terpaksa melaksanakan pelbagai usaha pengurangan perbelanjaan pelaburan dan penjimatan perbelanjaan operasi.

Berikutan ini, pembangunan projek baru dan aktiviti minyak dan gas dijangka lebih perlahan untuk tempoh yang lebih lama akibat proses pemulihan pasaran dan keadaan ekonomi dunia yang masih tidak menentu. Faktor-faktor ini dioptimumkan terlebih dahulu sebelum sebarang keputusan pelaburan yang baru akan dibuat di satu-satu tempat. Langkah mengoptimumkan kesemua faktor ini dapat memberi nilai terbaik kepada industri, kawasan komersial dan juga negara.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin...
[Disampuk]

Puan Asmak binti Husin: Tuan Yang di-Pertua, mohon sedikit penjelasan daripada pihak kementerian berkaitan dengan isu petroleum di Kelantan. Saya ingat memang setiap kali sidang kami dari negeri Kelantan memang mengemukakan soalan ini dan jawapannya adalah berkisarkan kepada jawapan yang sama iaitu tiga batu nautika ataupun berkaitan dengan ketidakjelasan sempadan dan sebagainya. Kemudian timbul isu royalti, kemudian timbul isu ihsan, isu bayaran tunai dan lain-lain.

Jadi, kami mohon supaya pihak kementerian memberikan kejelasanlah kepada pihak kami dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi juga telah mengemukakan bahawasanya, kenapa alasan untuk kami mencadangkan penubuhan petrokimia kerana faktor kos juga. Apabila bahan petroleum itu disalurkan ke sebelah Thailand dan juga Kerteh ia memakan kos yang lebih besar berbanding dia salurkan ke negeri Kelantan.

Jadi, saya mohonlah pihak kementerian untuk memberikan jawapan yang mungkin tuntas selepas ini kepada pihak negeri supaya kami ini tidak mungkin tertanya-tanya dan mungkin memberikan tempoh waktu. Kalau ada hendak ukur sempadan dan sebagainya mungkin tempoh waktu itu sampai bila, itu sahaja. Sekian, terima kasih.

Tuan Arthur Joseph Kurup: Terima kasih, Yang Berhormat Puan akan diambil maklum untuk penambahbaikan dalam masa yang akan datang.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin membangkitkan bahawa PETRONAS berjanji akan membayar cukai dan hasil penjualan petroleum sebanyak RM1.5 bilion kepada Sabah pada tahun hadapan tetapi ia tidak termasuk

dalam pembentangan Bajet 2021. Jika ia benar, Yang Berhormat mohon digunakan sebagai bantuan kepada penerima Bantuan Prihatin Nasional rakyat Sabah sebanyak RM1,000 dibayar segera dan tidak tunggu sehingga tahun hadapan.

Sebagai makluman kepada Yang Berhormat, merujuk kepada hal berkaitan cukai jualan SST produk petroleum ini, pada masa ini pihak PETRONAS masih dalam proses perbincangan teknikal dengan pihak Kementerian Kewangan negeri Sabah. Oleh yang demikian, anggaran jumlah cukai jualan petroleum yang akan dibayar oleh PETRONAS kepada Kerajaan Negeri Sabah masih belum dapat ditentukan lagi.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah yang minta penjelasan mengenai projek bernilai lebih daripada RM1 bilion yang melibatkan PETRONAS yang akan diserahkan kepada sebuah syarikat asing dari Jepun tanpa apa-apa penglibatan syarikat tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua mengizinkan saya untuk menghabiskan soalan ini atau memberi jawapan secara bertulis.

Timbalan Yang di-Pertua: Beri jawapan secara bertulis. Kita kekangan masa.

Tuan Arthur Joseph Kurup: Okey, akan diambil maklum. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Okey, saya ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Arthur Joseph Kurup dan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Senator Datin Mastura binti Mohd Yazid.

11.56 pg.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) [Datin Mastura binti Mohd Yazid]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu bagi pihak Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas) saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang mengambil bahagian dan perbahasan RUU Perbekalan 2021 di Dewan yang mulia ini.

Saya telah meneliti isu-isu yang dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan dan terdapat seramai tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membangkitkan tiga isu yang menyentuh tugas dan fungsi Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Unit Penyelarasan Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. *Insyaa-Allah* saya akan menjawab satu persatu persoalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengikut bidang tanggungjawab agensi yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya akan menjawab isu perbahasan yang berkaitan dengan bidang tanggungjawab Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri. Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, pada 17 Disember 2020 telah

membangkitkan isu berkaitan pendekatan kerajaan dalam pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) supaya lebih berfokus kepada hanya penutupan kawasan-kawasan yang tinggi kes COVID-19 berbanding penutupan menyeluruh dan kesan semua perintah kawalan ini terhadap ekonomi negara.

Walaupun Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan di kawasan-kawasan tertentu, namun begitu semua aktiviti ekonomi dibenarkan untuk beroperasi, Yang Berhormat. Ini bermaksud walaupun pergerakan rentas negeri dan daerah tidak dibenarkan di dalam kawasan PKPB namun aktiviti dalam kawasan tersebut berjalan seperti biasa malah pergerakan kenderaan perniagaan dibenarkan walaupun merentasi daerah dan negeri.

Pada masa ini bermula daripada 7 Disember 2020, walaupun Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dilaksanakan di mana-mana kawasan pergerakan rentas daerah dan negeri telah pun dibenarkan. Tidak sebagaimana pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang terdahulu. Pendekatan ini adalah untuk mengimbangi keperluan ekonomi dan sosial masyarakat tanpa berkompromi dengan ketegasan yang perlu bagi mengawal penularan wabak COVID-19.

Seperti yang kita maklum, wabak ini kini telah berada dalam komuniti dan selagi vaksin kepada virus ini tidak ditemui, kes-kes COVID-19 akan terus terjadi dalam masyarakat dari semasa ke semasa dan virus ini tidak akan dapat dibasmi sepenuhnya. Sehubungan itu, tindakan pembendungan perlu terus dilaksanakan bagi mencegah dan mengurangkan jumlah kes-kes COVID-19 kepada semimumimum mungkin ataupun sehingga sifar kes-kes ini melalui langkah-langkah mengekang penularan jangkitan wabak tersebut berdasarkan peruntukan di bawah Akta Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 [*Akta 342*].

Semua lapisan masyarakat juga perlu terus mengambil berat dan mengamalkan pembudayaan norma-norma baharu dan protokol kesihatan awam seperti penjarakan sosial, pemakaian pelitup muka, sanitasi, membasuh tangan dengan sabun, tidak bersentuhan dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya akan menjawab dua isu yang dibangkitkan yang berkaitan tanggungjawab Unit Penyelarasan... [*Disampuk*]

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit, berkaitan dengan itu.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Ya, silakan.

Dr. Yaakob bin Sapari: Dalam permulaan ucapan saya, saya sebutkan soal statistik. Di mana kalau kita lihat jumlah yang kena penyakit dan jumlah yang meninggal hanya sekitar

sebanyak 0.5 peratus. Jadi, saya hendak supaya kerajaan lebih positif dan memberi gambaran kepada rakyat bahawa kalau mereka menjaga semua SOP, mereka selamat.

■1200

Hatta kalau kena pun jangkitan itu, mereka boleh selamat sebab *99.5 percent success*. Akan tetapi, gambaran daripada kerajaan seolah-olah penyakit ini siapa kena, tidak ada cara lain untuk diubati. Jadi, saya rasa lebih positif supaya ekonomi berkembang.

Keduanya, saya lihat tadi ketika dilaksanakan PKPB, pergerakan rentas negeri tidak dibenarkan, memang memberi kesan besar kepada ekonomi dan saya fokus kawasan yang kena. *Lockdown* kawasan yang kena. Di kawasan yang masih hijau, bebas untuk bergerak dan ekonomi berkembang. Itu pandangan saya.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Terima kasih Yang Berhormat. Saya selari dengan pandangan Yang Berhormat, sebenarnya itulah yang dibuat. Setiap kali, SOP ini diubah mengikut kesesuaian dan kita juga tidak membuat keputusan-keputusan sebegitu sahaja. Ia mesti berpandukan beberapa kriteria penting di mana mesyuarat-mesyuarat MKN diadakan setiap hari untuk mengatasi perkara-perkara ini.

Penilaian risiko jangkitan COVID-19 Yang Berhormat, dijalankan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Antara faktor yang diambil kira adalah penilaian risiko jangkitan dan termasuklah kadar peningkatan kes, taburan kes positif, kepadatan penduduk, kewujudan tempat-tempat awam dan keadaan sosio-demografi penduduk.

Saya faham daripada segi memberi gambaran positif. Ada usaha-usaha sekarang supaya kita mengadakan satu pembudayaan norma baharu. Dalam pembudayaan norma baharu ini, ada inti pati-inti pati positif yang diambil kira supaya rakyat mengambil pendekatan yang lebih positif dan juga ke hadapan untuk menangani wabak ini.

Ada satu lagi penelitian Yang Berhormat, yang dibuat oleh kerajaan sebelum keputusan untuk Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) ini dilakukan, ialah penilaian daripada segi analisis kos, kemampuan tenaga kerja dan faedah pelaksanaannya yang tertumpu kepada aspek kesihatan awam. Antara perkara yang diambil kira dalam analisis ini adalah persediaan dan kemampuan fasiliti seperti makmal dan klinik, hospital kerajaan. Keperluan *personal protective equipment* (PPE), kos ujian saringan COVID-19 dan penempatan iaitu *Person Under Surveillance* (PUS), dan *Patient Under Investigation* (PUI) di stesen-stesen kuarantin yang melibatkan kos makanan, kebajikan, aspek kebersihan dan penyelenggaraan.

Hal-hal *lockdown* ini, sekarang kita lebih tertumpu kepada kawasan-kawasan yang mempunyai bilangan yang lebih tinggi dan tidak lagi kita *lockdown* tempat-tempat secara keseluruhan. Terima kasih Yang Berhormat.

Saya terus kepada isu ICU. Ada dua isu mengenai ICU yang dibawa oleh Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid pada 17 Disember 2020 telah memohon supaya

kerajaan memberi fokus kepada penggunaan sistem eKasih sahaja bagi masyarakat Orang Asli ketika ini berbanding satu lagi sistem iaitu iDamak.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat Senator, sehingga 15 Disember 2020, data masyarakat Orang Asli yang berdaftar dalam sistem eKasih adalah seramai 1,007 orang Ketua Isi Rumah (KIR). Mereka yang berdaftar ini adalah merupakan kumpulan yang tinggal di luar perkampungan Orang Asli. Manakala, masyarakat dalam perkampungan Orang Asli adalah berada di bawah pentadbiran dan pengurusan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) bagi memastikan masyarakat Orang Asli tidak tercicir.

Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU) dan JAKOA sedang melaksanakan proses integrasi antara sistem iDamak dan sistem eKasih untuk mendaftarkan masyarakat Orang Asli yang layak dalam sistem eKasih. Integrasi data Orang Asli di dalam sistem eKasih dijangka dapat disiapkan pada tahun 2021 sekiranya data Orang Asli yang diterima menepati kriteria pendaftaran eKasih.

Isu yang kedua Tuan Yang di-Pertua, adalah yang dibawa oleh Yang Amat Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong pada 17 Disember 2020 yang telah memohon agar kerajaan memberikan peruntukan khas kepada Ahli Dewan Negara.

Untuk makluman Yang Amat Berhormat Senator, peruntukan khas Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk Ahli Dewan Negara hanyalah sebagai penambah dan pelengkap kepada peruntukan di bawah Rancangan Malaysia Kelima. Penyediaan dan penyaluran peruntukan ini mengikut dasar yang sedia ada dan tertakluk kepada kemampuan semasa kewangan kerajaan.

Akhir kata Tuan Yang di-Pertua, dan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya ingin merakamkan ucapan terima kasih sekali lagi dan penghargaan kepada Ahli-ahli Yang Amat Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Jabatan Perdana Menteri (Tugas-tugas Khas)...

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tuan Yang di-Pertua...

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Ya, sila

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Sedikit sahaja daripada saya. Terima kasih atas jawapan yang diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri yang dihormati. Soalan saya, adakah peruntukan telah diberikan kepada Ahli Dewan Negara setakat sekarang? Adakah peruntukan itu diberikan kepada Ahli Dewan Negara? Saya belum dapat jawapan lagi. Terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Daripada soalan Yang Berhormat beri itu, yang saya dapat adalah adakah agar kerajaan memberikan peruntukan khas kepada Ahli-ahli Dewan Negara kerana ia penting untuk disalurkan kepada rakyat, organisasi dan NGO. *That was your question Yang Berhormat. But, you are asking now,* adakah ia diberi kepada Ahli-

ahli Dewan Negara. Ini adalah *prerogative* Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Yang Berhormat. Jadi, perkara ini harus dilihat semula dan akhirnya, keputusan akhirnya pada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Terima kasih.

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Terima kasih...

Puan Raj Murni binti Sabu: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Alan Ling Sie Kiong: Saya berikan kepada...

Puan Raj Murni binti Sabu: Saya ingin mengemukakan soalan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri daripada hal perkara yang sama. Saya sebenarnya menyambut baik apa yang telah diucapkan oleh Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri pada ketika beliau mula menjalankan tugas sebagai Perdana Menteri iaitu beliau akan menjadi Perdana Menteri kepada semua. Pertama.

Kedua, saya menyambut baik semangat kita di Dewan Negara untuk berbahas bagi kepentingan negara *beyond political parties*. Justeru, saya juga mengharapkan tindakan yang sama ditonjolkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan supaya sekiranya ada peruntukan kepada Ahli-ahli Dewan Negara, juga diberikan sama. Terima kasih.

Datin Mastura binti Mohd Yazid: Saya ucapkan terima kasih kepada kedua-dua Yang Berhormat Senator dan saya ambil maklum. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Datin Mastura binti Mohd Yazid.

Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Menteri di dalam Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, dipersilakan.

12.07 tgh.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Datuk Lim Ban Hong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Belanjawan 2021 yang menyentuh isu-isu di bawah tanggungjawab Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).

Yang Amat Berhormat Senator Dato' Seri Haji Mohamad Apandi bin Mohamad telah membangkitkan isu berkenaan dengan usaha untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara kita di mana kita berdepan dengan persaingan dengan negara-negara serantau. Tuan Yang di-Pertua, adalah menjadi lumrah dalam dunia perdagangan dan pelaburan untuk berdepan dengan persaingan dan cabaran untuk menjadikan negara kita kekal sebagai destinasi pelaburan terpilih. Dalam konteks ini, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan semua agensi di bawah kementerian adalah komited dalam usaha untuk

menjadikan Malaysia sebagai destinasi terpilih untuk pelaburan asing walaupun berdepan dengan situasi penularan wabak COVID-19.

Tuan Yang di-Pertua, bagi tempoh Januari hingga September 2020, jumlah pelaburan diluluskan dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan sektor utama yang direkodkan adalah sebanyak RM109.8 bilion. Daripada jumlah pelaburan yang telah diluluskan, pelaburan langsung asing menyumbang sebanyak 38.8 peratus dengan nilai sebanyak RM42.6 bilion di mana penyumbang terbesar FDI adalah dari negara China iaitu RM17 bilion, Singapura RM8 bilion, Amerika Syarikat RM2.8 bilion, Switzerland RM2.8 bilion dan Belanda RM2.4 bilion.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, sehingga 30 November 2020, Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) sedang menilai sejumlah 910 projek pelaburan dengan nilai sebanyak RM37.6 bilion dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. MIDA juga telah mengenal pasti sejumlah 23 projek berprofil tinggi dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan dengan pelaburan berpotensi dari pelbagai negara bernilai RM75.4 bilion yang disasarkan untuk dibawa masuk ke Malaysia pada tahun 2021.

■1210

Untuk makluman, pelaburan asing tersebut adalah berkaitan dengan industri bernilai dan berteknologi tinggi termasuk peranti perubatan, *electrical* dan *electronic* serta sektor automotif. Tuan Yang di-Pertua, setakat bulan September 2020, MIDA juga telah mengenal pasti sebanyak 60 projek pelaburan bernilai RM33.3 bilion daripada syarikat-syarikat yang berminat untuk memindahkan atau mengembangkan operasi mereka ke Malaysia.

Pecahan projek-projek pelaburan tersebut adalah seperti berikut. Enam permohonan projek berjumlah RM12.2 bilion, sedang diteliti oleh MIDA yang terdiri daripada syarikat-syarikat yang menjalankan aktiviti dalam industri berasaskan sumber seperti kertas, *electrical* dan elektronik serta jentera dan logam.

Sejumlah 54 projek pemindahan operasi berjumlah RM21.1 bilion, sedang dimuktamadkan oleh MIDA dengan syarikat-syarikat multinasional dari negara China, *United Kingdom*, Amerika Syarikat, Taiwan, Australia, Jepun, Jerman, Switzerland dan Korea Selatan daripada sektor industri kimia, *electrical* dan elektronik, jentera dan logam, pengangkutan, industri berasaskan sumber seperti kayu dan kertas, teknologi makanan, logistik dan teknologi perubatan.

Tuan Yang di-Pertua, pelbagai usaha telah dilakukan untuk meningkatkan daya saing Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih dan izinkan saya untuk bantangan pada akhir penggulungan. Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying pula, menyarankan supaya lebih banyak tumpuan dan peruntukan disalurkan ke Pulau Pinang bagi meningkatkan dan merencanakan lagi usaha peningkatan pelaburan dan menjadikannya sebagai sebuah destinasi pelaburan yang unggul.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) sentiasa bekerjasama secara strategik dengan semua kerajaan negeri termasuk Pulau Pinang serta agensi-agensi berkaitan dalam usaha mempromosi pelaburan ke dalam negara. Strategi promosi pelaburan yang dilaksanakan oleh MITI bagi membantu kerajaan-kerajaan negeri termasuk negeri Pulau Pinang antara lain adalah dengan menumpukan kepada potensi dan kesesuaian ekosistem sesebuah negeri tersebut.

Umpamanya di Pulau Pinang, ekosistem sektor *electrical* dan *electronic* (E&E) telah bermula sejak tahun 1970-an lagi yang mana kerajaan pada ketika itu telah berjaya menarik lapan buah syarikat multinasional yang dikenali sebagai lapan samurai pada ketika itu untuk melabur dan bertapak di Pulau Pinang. Ini telah menjadi asas kepada kepesatan pembangunan sektor *electrical* dan *electronic* di Pulau Pinang pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Persekutuan mengambil pendekatan yang inklusif yang mana pembangunan di setiap negeri akan diberi titik berat dan fokus yang seimbang agar rantai nilai industri yang terjalin di Malaysia akan mendatangkan manfaat yang berterusan kepada pembangunan industri tempatan dan pertumbuhan ekonomi.

Tuan Yang di-Pertua, kedua-dua Yang Berhormat menunjukkan keprihatinan tentang tumpuan dan usaha untuk meningkatkan pelaburan dan izinkan saya bentangkan usaha-usaha yang telah dan sedang dijalankan dengan di peringkat Persekutuan dengan kerjasama agensi di peringkat negeri bagi menggalakkan pelaburan asing dan domestik di seluruh negara seperti berikut.

Pertama, menambah baik dasar-dasar pelaburan dan melicinkan sistem penyampaian kerajaan untuk memudah cara kemasukan pelaburan ke negara kita. Antaranya, kita telah menubuhkan satu unit secara singkatannya dinamakan PACU iaitu *Project Acceleration and Coordination Unit* untuk mempercepatkan kelulusan pelaburan dan menyegerakan pelaksanaan projek.

Kedua, kita juga telah melaksanakan aplikasi yang dinamakan sebagai *e-Manufacturing Licence* untuk memberi kelulusan lesen pengilang secara cepat iaitu dalam tempoh dua hari bagi sektor yang tidak sensitif.

Ketiga kita juga telah menubuhkan satu unit yang dinamakan Unit Pusat Sehenti (OAC) bagi memudah cara urusan kemasukan pelawat perniagaan bagi tujuan perdagangan dan pelaburan dalam waktu penularan pandemik COVID-19.

Usaha kedua kita Tuan Yang di-Pertua, menawarkan pelbagai pakej rangsangan ekonomi peruntukan khas dan insentif cukai bagi menarik pelaburan langsung domestik dan asing terutamanya dalam tiga subsektor pemangkin iaitu kimia, elektrik dan elektronik serta mesin dan peralatan serta dua sektor berpotensi tinggi iaitu peranti perubatan dan aeroangkasa.

Ini termasuklah pakej galakan RM1 bilion di bawah Belanjawan tahun 2021 bagi menggalakkan pelaburan berteknologi tinggi dan bernilai tambah tinggi yang antara lain menyokong pelaburan R&D dalam industri aeroangkasa serta kluster elektronik seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Lim Hui Ying yang merangkumi Batu Kawan, Pulau Pinang dalam ucapan beliau.

Ketiganya Tuan Yang di-Pertua, usaha kerajaan termasuk membina rantaian bekalan global yang mampan yang mana dalam Belanjawan 2021 yang dibentangkan, sejumlah RM1.4 bilion telah diperuntukkan di bawah Skim Pembangunan Nasional untuk memperkasakan rantaian bekalan tempatan yang mana ini adalah penting kerana pelabur-pelabur asing yang masuk ke negara kita memerlukan kita kata industri hulu dan hiliran-*upstream and downstream industry*, dengan izin, bagi merencanakan pelaburan mereka di negara kita.

Keempatnya Tuan Yang di-Pertua, aktiviti-aktiviti penggalakan pelaburan tetap diteruskan semasa tempoh penularan wabak COVID-19 ini, yang mana kita telah menyertai persidangan antarabangsa secara maya dan menjalankan pelbagai program dan sesi dialog dengan kerjasama pejabat-pejabat kedutaan kerajaan negeri, dewan-dewan perniagaan, persatuan-persatuan industri dan syarikat-syarikat melalui *webinar* dan melalui misi projek khas ataupun dinamakan sebagai *e-specific project mission* bagi mencari penyelesaian kepada cabaran dan halangan yang dihadapi oleh pelabur dalam melaksanakan projek-projek mereka.

Di samping itu, satu lagi usaha kerajaan ialah mempromosikan ekosistem pelaburan domestik melalui pembentukan unit khusus iaitu *Domestic Investment Coordination Platform* (DICP) di MIDA, yang memberi fokus kepada usaha-usaha pepadanan dengan penyelia teknologi, institusi kewangan termasuk firma penasihat korporat dan juga ekuiti penasihat korporat bagi memudahkan syarikat tempatan mendapat akses kepada sumber modal pelaburan bagi mengembangkan perniagaan mereka. Ini akan mendorong lebih banyak pelaburan langsung domestik di negara ini.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat]***

Usaha keenam Tuan Yang di-Pertua, melancarkan dasar yang dinamakan sebagai *Industry Forward* untuk mentransformasikan sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan dalam negara. Dasar ini mengandungi tiga visi iaitu menjadikan Malaysia sebagai rakan strategik perkilangan pintar, perkhidmatan yang berkaitan di Asia Pasifik, destinasi utama pelaburan industri berteknologi tinggi dan penyedia penyelesaian menyeluruh teknologi termaju.

Usaha ketujuh Tuan Yang di-Pertua, ialah menyediakan tenaga kerja mahir dan berkualiti yang diperlukan yang mana dalam Belanjawan 2021 kita lihat peruntukan sebanyak RM1 bilion telah disediakan di bawah Program Peningkatan Kemahiran dan Latihan Semula untuk tujuan tersebut kerana sumber tenaga manusia mahir dan berkualiti adalah penting untuk menarik lebih banyak pelaburan asing ke negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, secara keseluruhannya inisiatif Belanjawan 2021 bersama-sama dengan unjuran KDNK 2021 dan prestasi pelaburan negara semasa yang seperti tadi saya bantangkan, berdasarkan kepada semua ini Malaysia akan kekal sebagai negara yang berdaya saing dan terus menjadi destinasi pelaburan menarik dan terpilih di rantau ini.

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator yang telah menunjukkan keprihatinan mereka terhadap usaha menarik pelaburan asing ke negara kita. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kembali. Sukacita dimohon Kementerian Pertahanan, Yang Berhormat Menteri. Terima kasih.

■1220

12.00 tgh.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Menteri Pertahanan]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya bagi pihak Kementerian Pertahanan ingin menyatakan penghargaan kepada tiga orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian semasa perbahasan Belanjawan 2021 di Dewan yang mulia ini yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tanggungjawab Kementerian Pertahanan.

Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah tanggungjawab kementerian iaitu Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid dan Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai.

Terlebih dahulu izinkan saya untuk merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada pihak Kerajaan Persekutuan yang telah memperuntukkan sejumlah RM15.86 bilion yang merupakan peningkatan 1.8 peratus berbanding peruntukan perbelanjaan pada tahun 2020 iaitu penambahan sebanyak RM280 juta.

Dengan peruntukan belanja pembangunan ataupun DE sebanyak RM4.5 bilion iaitu peningkatan sebanyak 46.1 peratus berbanding peruntukan pembangunan tahun 2020 iaitu penambahan sebanyak RM1.42 bilion dan bagi perbelanjaan mengurus sebanyak RM11.35 bilion, pengurangan sebanyak 9.1 peratus berbanding dengan peruntukan mengurus pada tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak RM1.14 bilion.

Pengurangan ini adalah disebabkan oleh pengelasan semula peruntukan daripada OE kepada DE bagi selenggaraan dan naik taraf aset-aset Angkatan Tentera Malaysia untuk memastikan kesiapsiagaan ATM sentiasa pada tahap tertinggi. Peruntukan perbelanjaan ini turut mengambil kira tentang peranan ATM dalam menangani wabak COVID-19 dan Operasi Benteng yang melibatkan gerak kerja bersepadu antara pelbagai agensi keselamatan dalam mengawal sempadan negara. Kementerian beriltizam peruntukan belanjawan ini akan memberikan tumpuan kepada dua fokus utama iaitu peningkatan keupayaan dan kesiapsiagaan ATM dan menjaga aspek kebajikan warga ATM dan juga veteran ATM.

Tuan Yang di-Pertua, bagi menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh kedua-dua Yang Berhormat Senator, izinkan saya untuk menjawab isu pertama iaitu berkaitan perolehan *Littoral Combat Ship* ataupun LCS. Isu yang sentiasa hangat diperkatakan hari ini. Isu ini telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Liew Chin Tong yang bertanyakan tentang siasatan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian, isu laporan kepada SPRM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia dan audit forensik yang telah dijalankan Boustead Naval Shipyard, ataupun BNS.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat Senator tentang siasatan yang dijalankan oleh pihak Kementerian Pertahanan, suka saya maklumkan pihak kementerian telah melaksanakan siasatan melalui semakan ke atas klausa kontrak berkaitan isu kelewatan yang telah dialami oleh perolehan LCS ini.

Hasil daripada siasatan ini telah membawa kepada pengeluaran notis tuntutan *liquidated and ascertain damages* ataupun LAD yang berjumlah RM180 juta di mana sebanyak RM80.6 juta telah berjaya dipungut secara *set-off* dengan bayaran *progress* pada bulan Oktober 2020. Bagi isu laporan SPRM, ketika ini SPRM sedang menjalankan siasatan. Bagi pertanyaan Yang Berhormat mengenai audit forensik yang telah dijalankan oleh BNS ataupun Boustead Naval Shipyard dan permintaan Yang Berhormat untuk mengesahkan adakah tempoh audit ini sehingga tahun 2014 sahaja. Suka saya jelaskan berdasarkan penelitian kepada audit forensik berkenaan skop audit hanya merangkumi aspek pengurusan dan aliran kewangan projek serta aspek projek perolehan peralatan LCS oleh BNS saja.

Aspek pengurusan fizikal projek dan punca-punca sebenar kelewatan tidak termasuk dalam skop audit forensik berkenaan. Mengenai tempoh tahun pengauditan pula adalah didapati hanya meliputi antara tahun 2011 hingga tahun 2017. Saya hendak maklumkan beberapa tindakan lain sedang dilaksanakan. Pertama, saya sudah sebutkan tadi bahawa audit forensik yang ada hari ini adalah *auditor* dilantik oleh *Boustead Naval Shipyard*. Jadi pihak kementerian berpandangan pihak kementerian sendiri akan melantik *auditor* untuk membuat *forensic audit* ini. Jadi itu lebih *transparent* saya kira kerana audit yang lepas dilantik

oleh syarikat sendiri. Sekarang kementerian akan melantik *auditor* untuk membuat audit forensik ini.

Keduanya, *due diligence* juga dilaksanakan untuk melihat kemampuan syarikat ini jika dibenarkan untuk meneruskan projek dan seterusnya kita telah membuat *revamp* ataupun membuat pertukaran secara besar-besaran yang melibatkan pengurusan tertinggi di dalam syarikat. Siasatan dalaman juga akan dilaksanakan iaitu *domestic enquiry* akan kita laksanakan. Kita juga ketika ini, kes ini juga disiasat oleh *Public Account Committee Parliament* ataupun PAC, dan kita juga meminta kepada pihak *Boustead Naval Shipyard* untuk membentangkan hala tuju baharu mengenai projek ini dan akan dibentangkan di dalam Kabinet kerana kita telah pun membentangkan tiga opsiyen di dalam Kabinet iaitu opsiyen pertama untuk menyerahkan kepada *France Naval Group* yang kini merupakan pemegang kepada *design* tentang kapal ini. Dia teruskan kerana dia mempunyai kemampuan.

Kedua, kita serahkan kepada BNS untuk meneruskan projek dan yang ketiga supaya kita tamatkan projek dan melantik syarikat yang baharu. Jadi Kabinet telah bersetuju melihat kepada opsiyen dua dan tiga, tidak opsiyen satu. Untuk opsiyen dua, BNS perlu membentangkan hala tuju baharu dan bagaimana mereka mampu untuk menyiapkan projek ni.

Isu kedua yang ingin saya sentuh mengenai isu Kertas Putih Pertahanan (KPP)...

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-Pertua, boleh saya tanya tentang LCS.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Menteri Pertahanan]: Ya silakan.

Tuan Liew Chin Tong: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah huraikan apa yang akan dijalankan dan diuruskan oleh Kementerian Pertahanan terutamanya daripada segi audit forensik dari dilantik oleh kementerian dan bukan saja di peringkat BNS. Saya mohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya berikan *timeline*, gariskan jangka masa bila akan disiapkan dan supaya rakyat dimaklumkan apa *timeline* yang akan ada.

Kedua ialah adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju dengan saya bahawa projek ini adalah projek *vendor driven project* yang diasalkan kerana vendor dahulu memohon kepada kementerian dan adakah Yang Berhormat Menteri bersedia bahawa selepas ini kita akan kurangkan atau tamatkan apa saja *vendor driven project* dalam perolehan pertahanan supaya kita dapat perolehan yang baik dan perolehan yang terancang mengikut *strategic need* kita, kehendak strategi kita.

Akhirnya Yang Berhormat Menteri bahawa opsiyen kedua dan opsiyen ketiga yang disebutkan tadi, saya faham kesusahan atau kesukaran kementerian ialah bahawa BNS juga di bawah seliaan kementerian dan juga *navy* juga di bawah seliaan kementerian. *Left hand, right hand*- dua-dua di bawah kementerian.

■1230

Apa hala tuju BNS dan juga kehendak atau keperluan tentera laut. Bagaimana kita imbangkan kedua-dua pihak ini dan kalau tentera laut tidak ada keenam-enam kapal ini, apakah akan berlaku dengan keperluan tentera laut? Terima kasih.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Yang Berhormat, saya banyak isu sebenarnya.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Baru jawab satu LCS sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang juga syarahan dia ini.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi, daripada segi *timeline* itu kita akan tetapkan, *insya-Allah*. Kita akan tetapkan. Daripada segi *vendor-driven project* ini bukan semua projek *vendor-driven* yang gagal, ada yang berjaya. Sekarang ini kalau kita lihat proses di kementerian dari segi pemberian projek adalah melalui tender terbuka. Jadi tidak banyak lagi *vendor-driven project* seperti dahulu yang mana cadangan dibuat oleh pihak syarikat dan kita memberikan projek kepada syarikat. Sekarang ini lebih kepada tender terbuka.

Mengenai TLDM, kita tidak dapat enam LCS ini seperti yang dijanjikan. Walau bagaimanapun, suka saya jelaskan bahawa projek yang kita berikan LCS ini di bawah BNS ini tamat pada tahun 2023. Maknanya dia masih lagi *within the contact period*, masih lagi. Walaupun kita rasa agak sukar untuk menyiapkan semua, tetapi dalam jangka masa itu kita harap mereka boleh *speed up* dan menyiapkan projek yang masih lagi tertangguh. TLDM juga selain daripada LCS juga membuat tempahan dan telah pun mendapat sebahagiannya daripada negara China iaitu LMS untuk memperkuatkan daripada segi keupayaan kita di laut. Jadi bukan setakat LCS, tetapi banyak lagi benda-benda lain yang kita tempah dan tiba termasuklah *interceptor boat* dan sebagainya.

Saya pergi Kertas Putih secara ringkas. Isu dibangkitkan oleh Yang Berhormat, iaitu pelaksanaan Kertas Putih perlu dirancang dan diuruskan berdasarkan tiga buah pelan. Suka saya nyatakan bahawa kesemua pelan ini telah pun memulakan gerak kerja untuk membangunkan tiga buah pelan ini iaitu Dasar Industri Pertahanan Negara, Rancangan Tindakan Kapasiti Pertahanan dan Pelan Pelaburan Pertahanan Negara.

Pada masa kini, dokumen Dasar Industri Pertahanan Negara dan Rancangan Tindakan Kapasiti Pertahanan sedang giat dibangunkan melibatkan fasa libat urus yang disertai oleh pemegang taruh daripada kalangan sektor keselamatan, pertahanan serta penguatkuasaan dan kementerian menyasarkan ketiga-tiga pelan ini akan dapat disiapkan. Jadi kita sedang menyediakan pelan tindakan yang lebih *detail*, kerana Kertas Putih adalah kenyataan dasar mengenai kementerian. Jadi *detail*-nya, kita sedang membangunkan. Isu ketiga Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-pertua.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh tak saya...

Tuan Liew Chin Tong: Sikit sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya kasihan kepada yang lain ini.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Senator, duduk dahulu Yang Berhormat.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya tidak beri laluanlah saya ingat. Saya ada satu minit sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Masa satu minit lebih, bagi Yang Berhormat Menteri selesaikan dahulu.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya hendak jawab secara ringkas ini, kalau tidak nanti orang lain tak dapat.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, masa tidak ada.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Isu ketiga adalah berkaitan dengan *jointness* antara ketiga-tiga cabang perkhidmatan ATM, tentera darat, laut dan udara. Jadi saya ingin maklumkan bahawa di bawah konsep kebersamaan ini aset-aset dari ketiga-tiga perkhidmatan diletakkan di bawah pemerintahan Markas Angkatan Bersama melalui pendekatan *assigned forces* untuk melaksanakan operasi secara bersama. Pendekatan ini dilaksanakan agar *troop* ATM yang terlibat mudah diatur gerak, *mobile*, berkeupayaan saling khidmat dan *integrated* sebagai sebuah angkatan yang *credible*.

Saya hendak maklumkan ada satu OPS Operasi Bersama yang dijalankan oleh ketiga-tiga perkhidmatan iaitu TLDM, TUDM dan TDM iaitu Ops Pasir. Ini merupakan satu *joined forces* di antara semua.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohd Imran membangkitkan empat pertanyaan berkaitan dengan isu kebajikan veteran Angkatan Tentera Malaysia. Pertama, cadangan penempatan kepada veteran ATM seperti FELDA, membina rumah mampu milik dan meluluskan pembinaan kos pembinaan rumah di tanah sendiri kepada veteran ATM.

Untuk makluman, kita tiada mewujudkan penempatan sendiri. Namun kita juga mempunyai satu program khusus untuk warga tentera dan juga sebahagiannya diperuntukkan kepada veteran ATM iaitu program Satu Anggota Satu Rumah (SASaR), di mana rumah dibangunkan oleh MINDEF oleh Kementerian Pertahanan, dijual dengan harga yang murah kerana kita subsidi harga ini dan projek pertama sekarang ini sebanyak 3,500 buah unit rumah akan dibina di Sungai Besi.

Dari 3,500 buah unit rumah, sejumlah 900 buah unit rumah akan diperuntukkan kepada veteran. Lain-lain seperti biasa, kita juga bekerjasama dengan kementerian-kementerian lain seperti Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pembangunan Wanita yang mana rumah-rumah projek mereka di bawah PPRT dan

sebagainya juga kita senaraikan nama-nama veteran untuk dibantu. Boleh saya teruskan atau kita berhenti sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa dah dicuri tadi sedikit oleh bekas Timbalan Menteri Pertahanan itu. Yang Berhormat Menteri, saya fikir sambung sedikit lagi, menyelesaikan yang terakhir mungkin.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Saya hendak bagi kepada- saya sudah ada Senator Laksamana saya sudah jawab. Saya hendak jawab untuk Senator Datuk Paul Igai.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Setiap orang dapat sikit-sikitlah. Merasa sikit-sikit. Jadi isu terakhir dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai yang menyentuh berkaitan dengan isu penggantian pesawat Nuri. Perolehan pesawat jenis *fighter lead-in trainer* dan *light combat aircraft* serta cadangan agar ATM memiliki satelit perisikan sendiri bagi tujuan pertahanan negara.

Bagi penggantian pesawat Nuri, program penggantian pesawat ini telah dipersetujui di dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 22 Januari 2020 melalui dua rancangan iaitu jangka pendek dan jangka panjang. Bagi jangka pendek, penggantian Helikopter Nuri akan dilaksanakan melalui kaedah sewaan. Iklan tender terbuka tempatan telah dibuka pada 15 Oktober 2020 dan telah ditutup pada 17 Disember 2020.

Proses selanjutnya penilaian tender sebelum diputuskan untuk dianugerahkan kepada syarikat-syarikat tempatan yang terpilih. Bagi rancangan jangka panjang, penggantian Helikopter Nuri akan dilaksanakan melalui proses kaedah perolehan baharu. Proses perolehan baharu dijangka bermula pada pertengahan RMKe-12 bagi memastikan helikopter baharu diterima sebaik sahaja kontrak sewaan tamat.

Bagi pertanyaan Yang Berhormat tentang perolehan pesawat FLITLCA pula ia merupakan projek keutamaan dalam rancangan RMKe-12. Permohonan bajet untuk perolehan fasa satu bagi 18 buah pesawat ini telah diperakukan oleh Unit Perancangan Ekonomi JPM di bawah peruntukan belanja pembangunan untuk dilaksanakan pada *Rolling Plan 1* RMKe-12, bagi tahun 2021.

Bagi cadangan Yang Berhormat agar ATM memiliki satelit perisikan tentera pula di bawah RMKe-12, ATM tidak mempunyai perancangan untuk memiliki satelit berkenaan iaitu *Earth Observation Satellite*. Walau bagaimanapun, Agensi Angkasa Malaysia dalam proses melancarkan *satellite remote sensing* negara yang dijangkakan pada tahun 2023 yang akan memenuhi keperluan semua kementerian termasuk Kementerian Pertahanan dalam aspek perisikan pertahanan negara.

Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan sedikit masa kepada saya untuk menghabiskan jawapan penggulungan saya. Terima kasih sekali lagi kepada ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat Senator.

Tuan Liew Chin Tong: Tuan Yang di-Pertua, ringkas. Hendak tanya soalan ringkas.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Boleh tak....

Tuan Yang di-Pertua: Selesai sudah, Yang Berhormat Menteri telah memberi liputan.

Tuan Liew Chin Tong: Saya hanya hendak tanya peranan Dewan Negara sahaja, sikit sahaja.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Tak apa, sekejap saya habiskan. Saya akan memberikan jawapan bertulis. Tadi pun bukan jawapan *detail* pun. Kalau jawapan *detail* mungkin setengah jam lagi. Jadi saya beri pun jawapan itu pun secara saya ambil yang penting sahaja. Untuk jawapan yang detil, saya akan beri jawapan bertulis, walaupun saya sudah jawab di sini.

■1240

Tuan Yang di-Pertua: Baik.

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Jadi, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat bekas Timbalan Menteri Pertahanan. Kalau ada masalah apa-apa, jumpa saya di luar, kita bincang.

Tuan Yang di-Pertua: [*Ketawa*]

Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob: Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Yang di-Pertua: *Walaikumsalam.* Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kepada Kementerian Komunikasi dan Multimedia, saya hendak memberikan peringatan. Sekiranya Ahli Yang Berhormat hendak mencelah, minta kebenaran dulu dan pastikan celahan itu diberi persetujuan oleh Yang Berhormat Menteri berkenaan.

Silakan Yang Berhormat Menteri.

12.40 tgh.

Menteri Komunikasi dan Multimedia [Dato' Saifuddin Abdullah]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan berkaitan dengan tugas KKMM.

Seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan lapan usul yang berkaitan. Penggulungan saya akan menyentuh tiga perkara tersebut iaitu:

- (i) perkhidmatan Internet dan jalur lebar;
- (ii) hebahan informasi kepada rakyat; dan,

(iii) Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM).

Berkaitan perkhidmatan Internet dan jalur lebar, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas, dua perkara berlaku serentak. Daripada satu segi ialah perkembangan teknologi digital yang semakin rancak dan daripada satu segi yang lain ialah kesan ataupun akibat daripada pandemik COVID-19.

Oleh yang demikian, kementerian melalui SKMM telah melaksanakan Makmal Infrastruktur Digital Negara dari 13 Julai hingga 14 Ogos tahun 2020. Makmal tersebut disertai oleh pakar-pakar daripada penyedia perkhidmatan komunikasi, kementerian-kementerian dan agensi-agensi yang terlibat.

Hasil dari makmal tersebut, Yang Amat Berhormat Tan Sri Muhyiddin bin Mohd Yassin, Perdana Menteri telah mengumumkan Pelan Jalinan Digital Negara (JENDELA) pada 29 Ogos 2020. Menerusi JENDELA, penambahbaikan infrastruktur digital yang dilaksanakan secara berfasa akan, *insya-Allah* memberikan kualiti pengalaman yang sama rata antara kawasan bandar dan luar bandar. Penambahbaikan ini selaras dengan perancangan kementerian untuk menjadikan perkhidmatan telekomunikasi sebagai utiliti awam yang ketiga selepas air dan elektrik.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu, bagi pelajar-pelajar yang perlu menghadiri sesi pembelajaran dalam talian, mereka boleh memanfaatkan perkhidmatan pusat-pusat Internet yang terdapat di seluruh negara termasuklah enam pusat Internet komuniti dan satu pusat Internet desa di Daerah Larut, Matang dan Selama. Ini boleh digunakan sebagai pelengkap bagi pembelajaran dalam talian oleh para guru dan pelajar.

Waktu operasi pusat Internet kini telah dilanjutkan dari jam 9.00 pagi sehingga jam 9.00 malam pada setiap hari. Ini terutamanya untuk memberikan peluang kepada calon-calon SPM dan STPM serta mereka yang golongan B40 untuk mengambil peluang kemudahan ini untuk sesi pembelajaran dan urusan seharian. Bagi meluaskan liputan jalur lebar mudah alih 4G, sebanyak 10 buah menara akan dibina di daerah Larut, Matang dan Selama bermula pada tahun hadapan dan dijangka siap menjelang tahun 2022. Manakala, sebanyak 5,422 orang pelanggan jalur lebar talian tetap akan dinaik taraf kepada capaian gentian optik menjelang penghujung tahun 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, peruntukan sebanyak RM500 juta melalui Pelan JENDELA dalam Bajet 2021 adalah untuk penyediaan liputan jalur lebar yang berteraskan gentian optik. Ia bukan sahaja akan memberikan manfaat kepada 430 buah sekolah tetapi juga untuk komuniti di sekitar sekolah-sekolah tersebut. Penggunaan teknologi *very small aperture terminal* (VSAT) tidak termasuk

di dalam skop projek ini. Teknologi yang digunakan adalah infrastruktur gentian optik seperti yang saya sebutkan tadi.

Usaha bagi meningkatkan liputan dan kualiti perkhidmatan jalur lebar di seluruh negara, terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman bukan sahaja melibatkan Kerajaan Persekutuan tetapi memerlukan kerjasama pelbagai pihak, termasuk kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan. Setakat ini Tuan Yang di-Pertua, saya sangat berterima kasih kepada kerajaan-kerajaan negeri yang telah mula memberikan perhatian yang amat baik tentang soal menjadikan *internet connectivity* ini sebagai utiliti ketiga.

Maksudnya ialah, untuk pihak berkuasa tempatan, menjadikan kesalinghubungan Internet ini sebagai satu daripada perkara yang mesti dimasukkan oleh *developer*, dengan izin, para pemaju, apabila mereka hendak mendapatkan Kebenaran Merancang (KM) untuk sesuatu kawasan. Ini akan dapat membantu mempercepatkan kelulusan pembinaan menara sebagai contohnya.

Berkaitan hebahan informasi kepada rakyat yang diutarakan Yang Berhormat Senator Tuan Muhamad Zahid bin Md. Arip, kementerian akan sentiasa komited melaksanakan komunikasi secara berterusan dalam menyebarkan luas dan meningkatkan kefahaman rakyat terhadap dasar-dasar dan inisiatif-inisiatif kerajaan.

Penyampaian maklumat dan fakta seperti Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA) dirancakkan menerusi platform-platform di bawah agensi kementerian seperti RTM, Jabatan Penerangan Malaysia dan BERNAMA yang sedia ada seperti TV, radio dan juga menggunakan platform-platform media baru seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*.

Bagi memastikan maklumat-maklumat mengenai bantuan ini dapat difahami dan diterima semua peringkat golongan masyarakat, kementerian seboleh-bolehnya menyampaikan maklumat-maklumat tersebut dalam pelbagai bentuk. Contohnya, drama, dokumentari, kapsul, pesanan khidmat masyarakat dan sebagainya. Kesemua platform yang disebutkan tadi boleh diakses penduduk tanpa capaian Internet.

Dalam pada itu, mengambil kira kepelbagaian kaum dan etnik di negara ini, sesetengah maklumat itu turut disampaikan dalam bahasa dan dialek masyarakat tempatan dan suku kaum. Semua maklumat mengenai bantuan dan usaha kerajaan ini disampaikan secara berulang dengan kekerapan yang tinggi.

Di samping itu, rakyat juga boleh memanfaatkan perkhidmatan pusat-pusat Internet yang berhampiran untuk tujuan tersebut. Manakala bagi rancangan yang lebih padat dengan informasi, kementerian mengupas mengenai topik bantuan kerajaan ini secara lebih terperinci seperti menerusi rancangan *Bicara Naratif*, *Selamat Pagi Malaysia*, *Biz Malaysia* dan *Fresh Brew*, dengan izin.

Akhir sekali, bagi menjawab persoalan yang berkaitan dengan Jabatan Komunikasi Komuniti (J-KOM) oleh Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas. Ingin saya ulang apa yang saya sebutkan di Dewan Rakyat sebelum ini, bahawa, yang ada pada hari ini bukanlah JASA tetapi J-KOM. J-KOM berbeza dengan JASA. Matlamat J-KOM mewujudkan komunikasi dua hala di antara kerajaan dan rakyat iaitu bagi menyampaikan maklumat kerajaan yang tepat, sahih dan bijaksana dan mendengar suara serta maklum balas daripada rakyat.

Kaedah yang digunakan ialah dengan cara membangunkan komuniti di peringkat akar umbi khususnya, yang mengamalkan budaya ilmu berkemahiran digital dan menghayati makna dan fokus patriotisme. Manakala pendekatan yang digunakan ialah pendekatan penghakupayaan komuniti atau, dengan izin, *community empowerment*.

Tugas utama J-KOM sebaik ia dimulakan *insya-Allah* pada awal tahun depan ialah melaksanakan komunikasi strategik pembudayaan norma baharu akibat pandemik COVID-19. Ini khusus di peringkat akar umbi. Ini yang harus dipertingkatkan. J-KOM juga akan mengakarumbikan agensi-agensi KKMM yang hanya ada di peringkat kebangsaan ataupun di peringkat negeri dan tiada di peringkat daerah. Contohnya, SKMM, MDEC, MYNIC, FINAS, CyberSecurity Malaysia dan sebagainya.

■1250

Fungsi J-KOM ini tidak bersifat bertindan dengan agensi-agensi di kementerian yang lain kerana kita akan mengadakan kerjasama yang rapat dengan agensi-agensi seperti KEMAS, Jabatan Perpaduan, Jabatan Pembangunan Komuniti, Penggerak Komuniti Tempatan dan sebagainya. J-KOM juga akan mengambil kira penjimatan dalam belanjawan yang diperuntukkan. Ini adalah kerana struktur J-KOM akan ditempatkan di daerah-daerah di seluruh negara dan tidak seperti struktur JASA yang dahulu yang diatur mengikut kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri di seluruh negara.

Oleh yang demikian Tuan Yang di-Pertua, saya berharap kita boleh *reset* pemikiran kita tentang J-KOM ini ada empat elemen.

Satu- saya tidak berhasrat menyatakan bahawa kita boleh selesaikan semua perbezaan pendapat tentang J-KOM. Ini terutamanya dengan teman-teman dari sebelah sana. Kedua, hakikat bahawa ini J-KOM, ini bukan JASA. Ketiga, J-KOM perlu dilihat dengan pandangan sarwa atau, dengan izin, *world-view* yang baru, realistik, rasional dan matang. Keempat, kita sama-sama membangunkan pemikiran baru tentang komunikasi antara kerajaan dan rakyat, dan antara rakyat dan kerajaan, khususnya di peringkat akar umbi yang bersesuaian dengan kepentingan cabaran dan keperluan-keperluan baru.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengucapkan berbilang-bilang terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Belanjawan 2021 yang menyentuh tentang peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Kami sentiasa mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan dalam Dewan yang mulia ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Kita beralih kepada Kementerian Pendidikan.

12.52 tgh.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera dan selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, pendidikan merupakan pelaburan yang paling penting dalam memastikan kualiti kehidupan yang lebih baik. Maka, KPM telah menerima peruntukan terbesar iaitu sebanyak RM50.36 bilion ataupun 15.6 peratus daripada jumlah keseluruhan cadangan perbelanjaan kerajaan dengan agihan sebanyak RM47.27 bilion ataupun 93.9 peratus untuk perbelanjaan mengurus dan sebanyak RM3.09 bilion ataupun sebanyak 6.1 peratus untuk perbelanjaan pembangunan.

KPM ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada 11 orang Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan serta telah memberikan pandangan dan beberapa cadangan untuk dipertimbangkan bagi membantu penambahbaikan berterusan sektor pendidikan negara.

Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili; Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi; Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya; Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu; Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang; Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin; Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu; Yang Berhormat Senator Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy; Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias; Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris; dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair.

Ahli Yang Berhormat sekalian, tahun ini merupakan tahun yang amat mencabar bagi kita semua di mana sejumlah lebih lima juta orang murid tidak dapat hadir ke sekolah dan mengikuti perkembangan pembelajaran secara bersemuka seperti tahun-tahun sebelumnya. Manakala seramai 500 ribu orang guru terpaksa menyediakan pelbagai bahan pengajaran dan pembelajaran kepada murid.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias ada menyatakan kebimbangan tentang terdapat murid yang tidak dapat mengikuti pembelajaran atas talian kerana tidak mempunyai akses Internet atau peranti yang sesuai dan kesan penutupan sekolah akibat penularan COVID-19 ini.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, bagi memastikan kelancaran dan keseragaman sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), KPM telah mengambil inisiatif dengan menyediakan manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR) sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Manual PdPR ini meliputi pelbagai kaedah PdP yang dapat dilakukan dari rumah seperti dalam talian- *online*, luar talian - *offline*, *off site* menggunakan modul pembelajaran dan berasaskan projek tanpa mengetepikan hak murid untuk terus belajar.

KPM melaksanakan pemantauan terhadap sesi PdPR yang dilaksanakan oleh guru dan murid. Guru yang melaksanakan PdPR perlu membuat laporan menggunakan platform yang disediakan oleh KPM. Berdasarkan laporan pemantauan ini, daripada 17 November 2020 hingga 30 November 2020 sebanyak 2,699,942 sesi PdPR telah dilaksanakan oleh guru dan murid di sekolah rendah dan sekolah menengah di seluruh negara. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 64 peratus PdPR dilaksanakan secara dalam talian, sebanyak 17 peratus secara luar talian dan sebanyak 19 peratus gabungan kedua-dua kaedah tersebut.

Menyentuh tentang usaha KPM untuk membantu murid yang tidak mempunyai akses kepada Internet ataupun peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian, guru mengambil inisiatif melaksanakan pengajaran dan pembelajaran melalui serahan bahan pembelajaran kepada murid mengikut kesesuaian. Murid juga boleh menggunakan buku teks cetak sebagai bahan rujukan, penyediaan nota, membuat rumusan atau melukis sesuatu konsep. Manakala, buku aktiviti juga boleh digunakan sebagai latihan ulang kaji apabila mula menjalani PdPR. Guru mentaksir murid secara berterusan mengikut kesesuaian dan merancang melaksanakan intervensi mengikut tahap dan keupayaan murid.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM juga telah mengambil inisiatif memperkenalkan semula TV Pendidikan bermula pada 6 April 2020. Inisiatif ini adalah untuk membantu murid yang tidak mendapat akses kepada Internet atau tidak mempunyai peranti untuk mengikuti pembelajaran di rumah bermula dengan siaran selama dua jam di TV Okey RTM, siaran ditambah di Tutor TV Astro selama empat jam. Terkini, KPM telah memulakan siaran TV Pendidikan selama tiga jam di saluran NTV7 pada 23 November 2020 yang menjadikan keseluruhan siaran TV Pendidikan adalah selama sembilan jam sehari.

Berkaitan pelaksanaan pemilikan peranti yang sesuai untuk pembelajaran atas talian, melalui pembentangan Belanjawan 2021, KPM akan melaksanakan program rintis penyediaan peranti kepada 150 ribu orang murid meliputi 500 buah sekolah melalui Yayasan Hasanah sebuah yayasan di bawah Khazanah Nasional Berhad dan KPM sedang memperincikan kriteria murid dan sekolah yang bakal menerima peranti tersebut.

Ahli Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair ada menyentuh persediaan murid menghadapi peperiksaan awam. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris, Takwim Penggal dan Cuti Persekolahan Tahun 2021 menetapkan penggal persekolahan akan bermula pada 20 Januari 2021. Semua murid termasuk tingkatan lima dan tingkatan enam akan memulakan persekolahan secara bersemuka pada tarikh yang sama. KPM telah membuat keputusan untuk meminda tarikh peperiksaan SPM, SVM dan STAM akan bermula pada 22 Februari 2021 dan STPM akan bermula pada 8 Mac 2021. KPM berharap langkah ini dapat membantu calon-calon peperiksaan awam tahun 2020 membuat persediaan secukupnya sebelum menduduki peperiksaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair, silibus dan soalan peperiksaan SPM dan STPM digubal berdasarkan standard yang telah ditetapkan dan diiktiraf oleh badan pentafsiran antarabangsa di dalam dan di luar negara. Sebagai contoh, Sijil SPM dan STPM diiktiraf oleh *Cambridge Assessment United Kingdom*, masing-masing setaraf 'O' Level dan 'A' Level. Manakala sijil STAM diiktiraf oleh Universiti al-Azhar, Mesir. KPM amat memahami perasaan murid yang akan menghadapi peperiksaan terutamanya dalam situasi pandemik COVID-19. Namun, sebarang tindakan mempermudah soalan dan skema peperiksaan awam akan menjejaskan standard dan pengiktirafan sijil tersebut.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi ada menyentuh tentang usaha kerajaan bagi membantu Murid Bermasalah Pembelajaran (MBK) mengikuti pembelajaran dalam talian. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KPM komited memastikan Murid Berkeperluan Khas (MPK) mendapat akses secara optimum menggunakan teknologi khususnya untuk mengikuti pembelajaran secara atas talian bersesuaian dengan keupayaan mereka. Dalam hal ini, KPM bertindak proaktif dalam menyediakan pelantar pembelajaran digital ataupun *Digital Education Learning Initiative Malaysia* (DELIMA).

■1300

Melalui pelantar ini, MBK dan guru boleh mengakses aplikasi seperti *Google Classroom* dan *Google Meet*, *Microsoft 365*, buku teks digital, video PdP, kuiz dan video

permainan pembelajaran. Selain itu, ibu bapa, penjaga juga boleh mengakses *EduwebTV* dan *CikgooTUBE* untuk membantu pembelajaran anak-anak mereka.

Siaran TV Pendidikan juga dapat membantu MBK yang tidak mempunyai akses kepada talian Internet dan alat peranti yang sesuai untuk pembelajaran secara dalam talian. Sehingga kini, sebanyak 30 bahan video pembelajaran untuk MBK, kategori kurang upaya pendengaran peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah telah dihasilkan. Manakala sejumlah 1,300 buah rakaman rancangan TV Pendidikan yang mempunyai jurubahasa kod tangan telah disediakan untuk tayangan di saluran TV Okey, Radio Televisyen Malaysia bagi kategori ini juga alat seperti sari kata, *subtitle* dalam perisian *conference video* ataupun aplikasi media sosial seperti *WhatsApp* boleh digunakan untuk berkomunikasi dengan guru untuk PdP.

Seterusnya Yang Berhormat Senator Datuk Mohan menyentuh... [Disampuk]

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit sahaja sebelum berpindah.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Ya sila.

Datuk Razali bin Idris: Penjelasan berkenaan dengan SPM yang pada asalnya pada Januari. Selepas itu, Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tadi ditunda ke 22 Februari 2021. Jadi, pencerahan yang saya hendak pastikan lagi sekali ini ialah apakah bermula Januari, pihak guru dan murid boleh bersemuka ataupun macam mana itu?

Tuan Muslimin bin Yahaya: Okey, pelajar-pelajar tingkatan... [Disampuk]

Datuk Razali bin Idris: Soalan.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Untuk pengetahuan Yang Berhormat, pelajar-pelajar Tingkatan 5- tahun 2020 akan berada di persekolahan pada 2021 sehingga mereka memulakan sesi peperiksaan yang dijangka bermula pada Februari. Bermaksud pada tahun 2022, akan ada dua aliran pelajar Tingkatan 5. Makna Tingkatan 5 tahun 2020, dan pelajar Tingkatan 5 tahun 2021. Ini supaya kita hendak memberi sedikit ruang kepada mereka bersemuka dengan guru sebelum mereka menghadapi peperiksaan yang akan dilaksanakan sebagaimana ditakwinkan oleh pihak KPM. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Berkaitan dengan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan yang menyentuh berkaitan dengan latihan kepada kaunselor untuk menangani kesihatan mental murid pasca COVID-19, KPM sedar tentang perkara ini dan KPM telah menjalankan kursus dan latihan berkaitan kesihatan mental kepada Kaunselor Pendidikan, dan Guru Bimbingan dan Kaunseling sepanjang tahun 2020.

Kursus dan latihan dijalankan dengan kerjasama Kementerian Kesihatan Malaysia dan mendapat input daripada pakar daripada universiti awam dan universiti swasta. Daripada Januari hingga November 2020, seramai 868 kuasa pendidikan dan 361 orang Guru Bimbingan dan Kaunseling telah mengikuti latihan tersebut sama ada secara bersemuka ataupun secara dalam talian.

Ahli Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi menyentuh tentang peruntukan sebanyak RM45 juta bagi memperkasakan pendidikan khas dalam Belanjawan 2021.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada tahun 2021 KPM akan meneruskan usaha memperkasakan pendidikan khas dengan peruntukan sebanyak RM45 juta di mana terdapat enam fokus yang telah dirancang, iaitu:

- (i) penambahbaikan *accessibility* dan mobiliti terutamanya menyediakan sekurang-kurangnya empat kemudahan asas yang merangkumi susur landai, susur tangan, parkir, tandas mesra, menaik taraf kelas pendidikan khas dan perkhidmatan pendidikan khas;
- (ii) pemantapan sumber manusia dengan berfokus kepada peningkatan profesional secara berterusan kepada guru dan pembantu pengurusan murid;
- (iii) pemantapan pengajaran pembelajaran, kokurikulum dan pengembangan potensi murid berkeperluan khas,
- (iv) penambahbaikan sistem sokongan;
- (v) pemantapan pengurusan data; dan
- (vi) pemantapan tadbir urus.

Pada tahun 2020, KPM telah memperuntukkan sebanyak RM45.12 juta untuk meningkatkan *facility* menambah baik sekolah serta mengadakan kemudahan mesra OKU di Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI). Perkara ini melibatkan penyelenggaraan di 301 buah sekolah, penyediaan kemudahan mesra OKU di 167 buah sekolah, dan peluasan PPKI di 129 buah sekolah.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang ada menyentuh tentang peruntukan RM725 juta bagi menaiktarafkan 50 buah sekolah yang dibentangkan dalam Belanjawan 2021 dan sebagaimana diumumkan, sebanyak 50 buah projek baru dengan kos projek sebanyak RM725 juta di bawah RP1 Tahun 2021, Rancangan Malaysia Kedua Belas. Peruntukan ini merupakan kos keseluruhan bagi program menaiktarafkan dan pembangunan semula bangunan daif di sekolah-sekolah Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Skop bagi projek ini meliputi pembinaan bangunan tambahan dan gantian bangunan baharu di seluruh negara.

Dalam hal ini, KPM membuat penilaian berdasarkan analisis skor gred impak tujuh skala bagi menentukan keutamaan bagi melaksanakan projek pembangunan semula ataupun menaiktarafkan bangunan sekolah yang tidak selamat digunakan.

Walau bagaimanapun, tumpuan utama KPM adalah kepada pembangunan atau pembangunan yang berada pada skala tujuh dan skala enam. KPM juga akan terus bekerjasama rapat dengan JKR Malaysia, JKR Sarawak, JKR Sabah, kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi memastikan kejayaan pelaksanaan projek.

Berkaitan dengan pertanyaan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Razali mengenai status projek pembinaan Pejabat Pendidikan Daerah Marang. Pelaksanaan projek PPD Marang ini terlewat daripada jadual yang sebenar yang sepatutnya siap pada Jun 2019. Sehingga kini, kemajuan pelaksanaan projek sebanyak 73 peratus berbanding 100 peratus sebagaimana jadual. Oleh yang demikian, draf Notis Tujuan Penamatan (NTP) dan Notis Penamatan (NP) sedang disemak oleh penasihat undang-undang untuk tindakan dan syor selanjutnya.

Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili juga menyentuh tentang sekolah sukan Sarawak.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, KPM telah mempunyai sebanyak lima buah Sekolah Sukan Malaysia yang sedang beroperasi iaitu Sekolah Sukan Bukit Jalil Kuala Lumpur, Sekolah Sukan Tuanku Mahkota Ismail, Johor, SSM Pahang, SSM Terengganu dan SSM Sabah. Secara umumnya, atlet murid yang berbakat serta berkelayakan dari negeri Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan diberikan keutamaan untuk ditempatkan di SSM Sabah.

Tuan Yang di-Pertua: Tamat Yang Berhormat.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Sedikit Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Yang di-Pertua: Saya beri dua minit lagi.

Tuan Muslimin bin Yahaya: Baik terima kasih. Berkaitan dengan Sekolah Seni Malaysia Sarawak, adakah sumbangan sebagaimana yang ditanyakan.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

Antara sumbangan- memenangi Anugerah Emas dalam Karnival Kesenian Murid Peringkat Kebangsaan Tahun 2018. Memenangi tempat pertama Koreografer Terbaik dan *Instructor* Terbaik, *International Youth Culture* dan *An Arts Festival* pada tahun 2019. Memenangi tempat pertama pertandingan tarian *Festival of Colour* tahun 2019, dan menyertai *Borneo Culture Festival* pada tahun 2019.

Manakala pencapaian dalam bidang akademik dan kesenian pula, seramai 467 orang daripada 494 orang murid Sekolah Seni Malaysia Sarawak lepasan SPM bagi tahun 2011 hingga 2019 telah berjaya melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi awam dan swasta serta telah bekerja mengikut bidang masing-masing.

Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya menyentuh berkaitan dengan bantuan kewangan bagi sekolah dan tadika swasta yang terjejas operasi akibat penularan COVID-19.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPM tidak menyediakan sebarang bentuk bantuan kewangan kepada Institusi Pendidikan Swasta (IPS) yang berdaftar dengan KPM. Namun, dalam tempoh pandemik COVID-19 bantuan dan insentif disalurkan oleh kerajaan melalui Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat (PRIHATIN) dan Pakej PRIHATIN (Tambahan) PKS PLUS yang diuruskan oleh kementerian dan agensi lain yang tidak melibatkan KPM. Bantuan dan insentif tersebut adalah mengikut syarat yang telah ditetapkan oleh kementerian atau agensi yang menguruskannya.

Selain daripada itu, Pelan Jana Semula Ekonomi (PENJANA) di bawah kementerian Kewangan Malaysia turut menyediakan bantuan secara *one-off* kepada pengusaha tadika swasta untuk memulakan semula pengoperasian tadika khususnya dalam menyediakan kemudahan mengikut SOP semasa COVID-19 yang ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan Malaysia dan KPM.

Permohonan bagi bantuan ini diuruskan oleh KPM dan bantuan secara *one-off* di bawah PENJANA adalah seperti berikut. Sebanyak RM5,000 bagi setiap tadika yang telah didaftarkan dengan KPM sebelum 31 Mac 2020 dan sebanyak RM3,000 bagi setiap tadika yang berdaftar dalam tempoh 1 April hingga 31 Oktober 2020 dengan KPM serta memenuhi syarat yang ditetapkan oleh KPM. Keseluruhan tadika swasta yang telah memohon dan diluluskan untuk pembayaran adalah sebanyak 6,687 buah yang melibatkan sebanyak RM32,900,067.

■1310

Tuan Yang di-Pertua, ada beberapa lagi yang tidak sempat untuk saya gulung. Walau bagaimanapun, di peringkat Kementerian Pendidikan kita bersedia untuk memberi jawapan secara bertulis, secara tuntas dan terperinci kepada semua Ahli Yang Berhormat. Maka dengan itu Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja penjelasan saya mengenai perkara yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbincangan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pendidikan Malaysia. Terima kasih dan akhir

sekali ucapan saya, selamat menyambut Hari Krismas kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang beragama Kristian. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Muslimin bin Yahaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Timbalan Menteri Pengangkutan.

1.11 ptg.

Timbalan Menteri Pengangkutan [Tuan Haji Hasbi bin Habibollah]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas keprihatinan empat Ahli Yang Berhormat Senator terhadap kementerian yang membahaskan dan menyentuh perkara-perkara di bawah bidang tugas Kementerian Pengangkutan.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin memulakan jawapan perbahasan Kementerian Pengangkutan ke atas isu yang telah diajukan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd. Hamid berkaitan dengan status pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP).

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Majlis Perancang Fizikal Negara dalam mesyuarat pada 27 Oktober tahun ini telah memberi kelulusan prinsip terhadap cadangan projek Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim. Kelulusan prinsip ini adalah tertakluk kepada permohonan mendapatkan pertimbangan daripada Kementerian Pengangkutan, Kementerian Kewangan, Kementerian Dalam Negeri, Jabatan Alam Sekitar, Tentera Udara Diraja Malaysia, Pihak Berkuasa Penerbangan Awam Malaysia dan beberapa buah agensi kerajaan yang lain.

Cadangan pembinaan KXP juga adalah tertakluk kepada kajian Pelan Strategik Lapangan Terbang Negara (NASP) yang akan dimulakan pada awal tahun 2021 bagi kesemua 42 buah lapangan terbang sedia ada termasuk cadangan pembinaan lapangan terbang baharu dan juga laporan teknikal seperti laporan penilaian impak alam sekitar, laporan penilaian impak sosial, laporan penilaian impak trafik dan sebagainya.

Maka, penggerak projek KXP iaitu Kerajaan Negeri Kedah akan diminta untuk memberi maklumat kepada pasukan perunding NASP berhubung unjuran-unjuran realistik khususnya unjuran permintaan perkhidmatan penumpang dan kargo serta komitmen syarikat penerbangan yang ingin menggunakan KXP.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, asas cadangan pembinaan KXP yang digunakan oleh penggerak projek adalah bagi menyokong yakni *compliment*, dengan izin, pengendalian penumpang dan kargo yang disediakan oleh Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Dalam hubungan ini, unjuran permintaan penumpang dan kargo mestilah bersandarkan kepada asas dan data yang kukuh serta tepat, mengambil kira pembangunan

kapasiti maksimum Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang demi memastikan kebolehlaksanaan projek pembinaan KXP.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Lim Hui Ying telah membangkitkan beberapa isu mengenai projek-projek infrastruktur pengangkutan di Pulau Pinang. Berkaitan dengan projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang, Mesyuarat MPFN Ke-35 pada 13 Ogos tahun ini antara lainnya telah memutuskan supaya mana-mana kerajaan negeri yang mempunyai sebarang cadangan untuk menaik taraf lapangan terbang sedia ada di negeri masing-masing hendaklah mengadakan rundingan bersama dengan Kementerian Pengangkutan.

Dalam hubungan ini seperti Yang Berhormat sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, saya dan juga pegawai-pegawai kanan Kementerian Pengangkutan yang berkaitan telah mengadakan perbincangan dengan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang pada 20 Ogos tahun ini bagi cadangan pelaksanaan projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang. Semasa pertemuan tersebut, pihak kementerian telah memaklumkan bahawa wabak COVID-19 telah memberi kesan negatif terhadap industri penerbangan negara terutama kemampuan pihak Malaysia Airports Holdings Berhad untuk membiayai projek tersebut.

Dalam hubungan ini, syarikat penerbangan dijangka memerlukan tempoh masa tiga tahun untuk pulih sepenuhnya daripada impak wabak COVID-19 tertakluk kepada situasi semasa penularan wabak tersebut di dalam dan luar negara. Berdasarkan perkembangan terkini dan kekurangan permintaan dalam industri penerbangan negara, projek ini akan ditangguhkan sehingga industri penerbangan dipulihkan. Untuk tempoh ini, Kerajaan Negeri Pulau Pinang disarankan untuk segera menyelesaikan beberapa isu termasuk pengambilan tanah bagi membolehkan projek naik taraf Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang dilaksanakan setelah industri penerbangan pulih.

Berkaitan dengan keputusan kerajaan mengenai feri Pulau Pinang pula. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, operasi perkhidmatan feri Pulau Pinang kini dikendalikan oleh Rapid Ferry Sdn. Berhad, iaitu anak syarikat di bawah Prasarana Malaysia Berhad. Bagi memastikan kelangsungan operasi perkhidmatan operasi feri Pulau Pinang, pihak Kementerian Pengangkutan telah pun melaksanakan tindakan-tindakan yang perlu termasuk mengadakan beberapa siri perbincangan dengan pihak-pihak yang berkaitan termasuk Kerajaan Negeri Pulau Pinang dalam merangka pelan jangka pendek dan panjang bertujuan untuk menambah baik mutu perkhidmatan feri sedia ada.

Satu perbincangan khas di antara Yang Berhormat Menteri Pengangkutan dan Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Pulau Pinang turut telah diadakan pada 27 Ogos tahun ini. Perbincangan tersebut antara lain memutuskan bahawa Penang Port Sdn. Berhad (PPSB)

hendaklah memulakan proses pengambilalihan semula operasi feri Pulau Pinang bermula 1 Januari 2021 dan mengemukakan model perniagaan, perkhidmatan feri yang baharu dan mapan.

Kerajaan Persekutuan bersama pihak PPSB juga akan membelanjakan RM36.5 juta secara keseluruhan untuk membeli tiga buah bas air baharu dan dua buah feri *roll on roll off* (RORO) untuk kenderaan beroda dua yang lebih selamat, selesa dan pantas seperti yang telah diluluskan oleh Kerajaan Pakatan Harapan sebelum ini. Tentunya ini dapat memudahkan orang awam yang berulang-alik setiap hari dan meningkatkan lagi daya tarikan Pulau Pinang sebagai destinasi pelancongan.

Sementara menunggu pengoperasian perkhidmatan feri yang baharu oleh PPSB, pihak Prasarana Malaysia Berhad akan meneruskan operasi perkhidmatan feri seperti modus operandi sedia ada sehingga 31 Disember 2020. Perkhidmatan feri yang bersejarah ini tidak akan ditamatkan semata-mata, malahan perkhidmatannya akan dikekalkan melalui pengubahsuaian feri-feri sedia ada seperti mana yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator. Dalam hal ini, Kerajaan Persekutuan memberi jaminan bahawa operasi perkhidmatan Pulau Pinang akan diteruskan tanpa sebarang halangan demi kesejahteraan rakyat Malaysia dan rakyat Pulau Pinang secara khususnya.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan projek LRT Pulau Pinang, perkara berkenaan jaminan pinjaman pembiayaan projek LRT Bayan Lepas adalah di bawah pertimbangan Kementerian Kewangan. Kementerian Pengangkutan telah memberikan kelulusan bersyarat terhadap permohonan skim kereta api BLLRT pada 16 Julai 2019. Lanjutan daripada itu, Kerajaan Pulau Pinang perlu mematuhi syarat-syarat yang diberikan sebelum memohon kelulusan muktamad skim kereta api tersebut.

Bagi isu pas perjalanan My30 untuk perkhidmatan feri. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kontrak pas My30 ini merupakan perjanjian Kerajaan Malaysia bersama syarikat Prasarana Malaysia Berhad bagi operasi pengangkutan awam kendalian Prasarana. Sebagai mana yang dinyatakan tadi, *Rapid Ferry* iaitu anak syarikat Prasarana akan menyerahkan perkhidmatan feri kepada PPSB pada 31 Disember 2020 dan perkhidmatan ini akan dijalankan sepenuhnya oleh PPSB berkuat kuasa 1 Januari 2021.

Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong mengenai kiosk perkhidmatan pengangkutan jalan di Miri, Sarawak. Proses pembaharuan Lesen Kenderaan Motor (LKM) dan Lesen Memandu Malaysia (LMM) menggunakan dua jenis mesin pencetak yang berbeza. Pembaharuan LMM perlu dilaksanakan dengan menggunakan mesin pencetak yang khusus bagi mencetak kad LMM yang mempunyai ciri-ciri keselamatan yang tersendiri dan mesin

pencetak ini dibekalkan secara khas oleh pihak pembekal dan dalam kuantiti yang terhad serta mengambil alih tempoh yang lebih lama berbanding dengan proses pembaharuan LKM.

Pihak JPJ mengambil maklum akan kesesakan orang awam di pejabat-pejabat memperbaharui LKM. Sebagai langkah alternatif, JPJ telah menyediakan proses pembaharuan LKM dan LMM melalui portal awam JPJ di mana orang awam boleh memperbaharui dan membuat bayaran atas talian dan hanya perlu hadir ke pejabat-pejabat JPJ yang dipilih oleh mereka untuk mengambil LKM dan LMM.

■1320

Proses ini dapat menjimatkan masa orang awam yang mana mereka tidak perlu menunggu giliran untuk urusan pembaharuan LKM atau LMM. Selain itu, JPJ juga mempunyai sebanyak 51 mesin kios sedia ada di pejabat-pejabat terpilih yang menawarkan sembilan perkhidmatan termasuk pembaharuan LKM bagi kenderaan persendirian untuk kegunaan orang awam. Seperti mana Dewan ini sedia maklum, Yang Berhormat Menteri Kewangan telah mengumumkan penyediaan 50 buah mesin kios baharu di lokasi-lokasi strategik yang boleh di akses di luar waktu bekerja.

Pada ketika ini, JPJ sedang melaksanakan kajian bagi menentukan lokasi-lokasi termasuk Miri bagi penempatan mesin kios baharu, perkhidmatan-perkhidmatan lain yang boleh ditawarkan melalui mesin kios baharu, mekanisme pelaksanaan penyeliaan serta pemantauan mesin kios baharu dan sedia ada.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya mengenai isu pembaharuan permit kenderaan *e-hailing*, EVP. Dimaklumkan pemandu *e-hailing* tidak dapat memperbaharui lesen kenderaan mereka ataupun *road tax* setelah mereka tidak menamatkan perkhidmatan dengan sesebuah syarikat *e-hailing* kerana mereka memerlukan surat sokongan daripada syarikat *e-hailing* seperti *MyCar* dan *GrabCar*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pemandu-pemandu yang mempunyai masalah kelewatan proses oleh pengendali *e-hailing* atau EHO bagi membatalkan pendaftaran kenderaan mereka sebagai kenderaan *e-hailing* boleh mengemukakan salinan permohonan tersebut kepada Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) di alamat e-mel taxi@apad.gov.my untuk pihak APAD membantu pemandu membuat semakan dengan EHO yang terlibat.

Untuk makluman Ahli Dewan, proses pembatalan EVP adalah seperti berikut. Pemilik mengemukakan permohonan pembatalan kepada syarikat aplikasi. Syarikat aplikasi hendaklah memohon pembatalan EVP kepada APAD dan mengeluarkan surat pengesahan pembatalan EVP kepada pemandu. APAD akan mengemukakan butiran kenderaan kepada JPJ bagi kemas kini status kegunaan kenderaan. Pemilik perlu hadir PUSPAKOM dan perlu membawa surat pengesahan pembatalan EVP bagi pemeriksaan tukar status kegunaan.

Pemilik hadir ke JPJ untuk transaksi pembayaran cukai jalan. Kementerian Pengangkutan melalui APAD akan mengenal pasti punca permasalahan kelewatan pembatalan dihadapi pemandu dan sekiranya ia berpunca daripada pihak EHO, APAD tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas EHO.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengangkutan mengambil maklum akan beberapa isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin. Pertamanya mengenai projek naik taraf Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra di Kota Bharu. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, projek pembesaran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra telah dilaksanakan secara tender terbuka pra kelayakan.

Pada masa ini, projek ini dalam proses akhir penilaian tender yang dijangka selesai pada Disember 2020 ini. Pelantikan kontraktor dijadualkan pada awal tahun 2021 dan projek dijangka siap *insya-Allah* pada Disember 2023. Lapangan terbang ini dijangka dapat menampung sebanyak empat juta orang penumpang setahun iaitu peningkatan seramai 2.5 juta orang penumpang berbanding kapasiti semasa iaitu seramai 1.5 juta orang penumpang setahun. Kapasiti jumlah pesawat yang boleh mendarat akan ditingkatkan daripada tiga kepada lapan buah pesawat jenis kod 4C dan daripada dua buah ATR 72 kepada tiga buah ATR 72.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai projek ECRL pula Kementerian Pengangkutan amat komited untuk memastikan ECRL dilaksanakan mengikut jadual dan dapat dinikmati oleh segenap lapisan masyarakat secepat mungkin. Komitmen ini dibuktikan apabila sehingga 30 November tahun ini, pembinaan keseluruhan projek telah mencapai kemajuan sebenar sebanyak 19.69 peratus berbanding jadual sebanyak 18.78 peratus iaitu mendahului jadual sebanyak 0.91 peratus. Bagi seksyen A, dari Kota Bharu ke Dungun, skim kereta api telah diluluskan pada 14 Mei 2020 merangkumi pembinaan enam buah stesen iaitu Kota Bharu, Pasir Puteh, Jerteh, Bandar Permaisuri, Kuala Terengganu dan Dungun. Pada masa ini, kemajuan kerja fizikal telah mencapai sejumlah 0.29 peratus berbanding 0.02 peratus mengikut jadual. Ini sejumlah 0.27 peratus mendahului jadual.

Kerja fizikal pada seksyen B pula iaitu jajaran dari Dungun ke Temerloh kemajuan kerja fizikal di seksyen ini telah mencapai 7.54 peratus berbanding jadual sebanyak 5.24, mendahului jadual 2.3 peratus merangkumi kerja-kerja tanah dan pembinaan terowong di Dungun, Paka dan Kuantan. Kerja-kerja awalan bagi pembinaan terowong di Gambang, Sri Jaya, Gedung Siam dan Paya Pasir telah pun dimulakan.

Bagi seksyen C pula iaitu dari Temerloh ke Pelabuhan Klang, kerajaan sedang mengkaji jarak terbaik bagi memastikan projek ECRL memberi impak ekonomi yang maksimum apabila disiapkan kelak. Jajaran yang terbaik akan diumumkan apabila kajian tersebut sudah lengkap. Dalam hal ini, adalah penting untuk memastikan ECRL tersambung

secara strategik dengan jaringan logistik rel kebangsaan. Kelebihan logistik akan dicapai tanpa mengurangkan kualiti perkhidmatan penumpang sekali gus menjadikan ECRL sebagai pemangkin ekonomi dan pekerjaan bagi kawasan di sepanjang jajarannya.

Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan cadangan bas henti-henti Rapid di Kota Bharu, Kementerian Pengangkutan akan meneliti cadangan bas berhenti-henti Rapid Kota Bharu. Namun begitu, perkara ini memerlukan satu kajian yang akan melibatkan aspek teknikal, *route*, modal pembiayaan dan jenis teknologi yang wajar digunakan. Walau bagaimanapun, kelulusan muktamad bagi menyediakan perkhidmatan ini adalah tertakluk kepada peruntukan bajet sekiranya diluluskan oleh Kementerian Kewangan.

Seterusnya, berkaitan dengan cadangan pembinaan Terminal Bersepadu di Kelantan seperti Terminal Bersepadu Selatan dan Terminal Bersepadu Gombak. Secara dasarnya, Kementerian Pengangkutan tiada halangan ke atas cadangan tersebut dan keperluan pembangunan hendaklah diselaraskan dengan sistem pengangkutan di lokasi terlibat. Selain itu, perincian pembangunan terminal hendaklah mengikut kriteria sebagaimana yang telah ditetapkan oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga mengambil maklum cadangan bahawa Ahli-ahli Yang Berhormat Senator supaya menaik taraf tren KTMB laluan Pantai Timur kepada tren yang lebih moden.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada masa ini perkhidmatan kereta api di sektor Pantai Timur menggunakan stok kereta konvensional iaitu jenis lokomotif, koc serta *power generating car*. Namun begitu, bagi meningkatkan mutu perkhidmatan KTMB di sektor Pantai Timur, kerajaan telah melaksanakan perolehan 13 set *diesel multiple unit* (DMU), dengan izin, yang baharu bagi menggantikan set stok kereta yang ada. Sebanyak lima set DMU telah siap dan dalam proses kelulusan pengoperasian oleh APAD. Set DMU ini dijangka akan bermula beroperasi pada suku pertama tahun 2021. Penggunaan DMU ini akan meningkatkan taraf perkhidmatan KTMB dan memberi pengalaman perjalanan yang lebih baik kepada penumpang terutamanya daripada aspek keselesaan.

Seterusnya, mengenai isu bangunan KTMB yang terbiar di Gua Musang. Berdasarkan kepada semakan dan pengesahan daripada pihak Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB), pihak KTMB memaklumkan bahawa bangunan banglo geredar KTMB yang agak terbiar di Gua Musang akan dikekalkan penggunaan sebagai tempat rehat krew tren dan kegunaan operasi kereta api.

Dalam masa yang sama, Stesen Keretapi Lama Gua Musang juga masih digunakan oleh pihak KTMB bagi tujuan operasi kereta api. Dalam usaha mengindahkan semula Stesen Keretapi Lama Gua Musang, Kementerian Pengangkutan melalui Perbadanan Aset Kereta

Api telah bekerjasama dengan pelukis tempatan Puan Yeanni Koo pada awal tahun 2020 untuk membuat lukisan mural di bahagian hadapan stesen tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bagi pihak Kementerian Pengangkutan saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Pengangkutan dan saranan yang dikemukakan. Saya juga mengambil kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan kita...

Dr. Yaakob bin Sapari: Ada soalan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: ...Yang merayakan Hari Krismas dan...

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencelah sikit Yang Berhormat?

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: ...Selamat Tahun Baharu.

Dr. Yaakob bin Sapari: Boleh mencelah sikit?

Timbalan Yang di-Pertua: Terpulang kepada...

Dr. Yaakob bin Sapari: Saya melihat koc-koc kereta api di Malaysia ini, kawasan ini nampak kotor sangat berbanding koc di luar negara?

Tuan Haji Hasbi bin Habibollah: Itu yang tadi itu, diesel itu. Kalau kena diesel ini macam mana pun Yang Berhormat, memang kena. Jadi *insya-Allah* dengan DMU yang baharu ini *insya-Allah, we will get there. A very beautiful train set, insya-Allah*. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Haji Hasbi bin Habibollah iaitu Timbalan Menteri Pengangkutan.

Seterusnya saya menjemput Kementerian Alam Sekitar dan Air. Yang Berhormat Timbalan Menteri dipersilakan.

■1330

1.30 tgh.

Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air [Dato' Dr Ahmad Masrizal Muhammad]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pada tengah hari ini.

Terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membahaskan isu-isu yang berkaitan dengan peruntukan Kementerian Alam Sekitar dan Air di bawah Rang Undang-undang Perbekalan 2021, dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, sebelum saya mula menjawab isu-isu yang dibangkitkan dalam perbahasan, saya ingin memaklumkan bahawa Kementerian Alam Sekitar dan Air (KASA) pada masa ini sedang giat merancang dan melaksanakan inisiatif-

inisiatif baharu bagi memastikan agenda alam sekitar dan air sentiasa lestari dan terjamin demi memastikan kesejahteraan rakyat Malaysia seluruhnya.

Untuk makluman semua sidang Dewan, pada tahun 2021, Kerajaan Malaysia telah memperuntukkan kepada KASA sejumlah RM3.47 bilion merangkumi peruntukan perbelanjaan mengurus (OE) dengan izin, sejumlah RM551.79 juta dan perbelanjaan pembangunan (DE) sejumlah RM2.92 bilion yang melibatkan sebanyak kesemuanya 339 buah projek di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sekalian, sebagai negara ahli kepada Konvensyen Rangka Kerja Perubahan Iklim Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, atau dengan izin, *The United Nations Framework Convention on Climate Change* (UNFCCC) dan Perjanjian Paris (*Paris Agreement*), Malaysia mempunyai obligasi untuk menyediakan dan melaksanakan Pelan Tindakan Perubahan Iklim yang dikenali sebagai *Nationally Determined Contribution* (NDC).

Melalui NDC ini, negara komited untuk mengurangkan pelepasan *Green House Gases* (GHG) yang menyebabkan pemanasan global dan KASA merupakan kementerian yang bertanggungjawab memacu agenda perubahan iklim negara selaras dengan komitmen di bawah UNFCCC dan Perjanjian Paris.

Menyedari akan keperluan untuk memperkukuhkan tadbir urus dan mengarusperdanakan agenda perubahan iklim negara melalui *whole-of-government approach*. Mesyuarat Jemaah Menteri pada 11 Disember 2020, telah bersetuju untuk menubuhkan satu Majlis yang dinamakan sebagai Majlis Tindakan Perubahan Iklim Malaysia atau *Malaysia Climate Change Action Council* (MyCAC).

Majlis ini bertindak sebagai platform tertinggi untuk menetapkan hala tuju serta membincangkan hal-hal berkaitan dasar dan tindakan perubahan iklim, memacu pertumbuhan ekonomi hijau, memangkinkan teknologi hijau dan pertumbuhan rendah karbon di peringkat Kerajaan Persekutuan dan juga kerajaan negeri.

MyCAC ini akan dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan keahliannya terdiri daripada semua Menteri Besar dan Ketua Menteri serta dua orang pakar dalam bidang-bidang yang berkaitan. Kementerian sentiasa mengadaptasikan penggunaan teknologi baharu dan masa kini seperti melaksanakan pemantauan, penguatkuasaan dan pencegahan alam sekitar menggunakan teknologi seperti dron dan juga memanfaatkan sistem maklumat geografi ataupun *Geographic Information System* (GIS). Keberkesanan pengurusan dan penguatkuasaan alam sekitar ini melalui teknologi *geospatial* yang juga ditingkatkan selari dengan perkembangan Revolusi Industri 4.0 khususnya dalam perisian *the big data*.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian telah meneliti semua pertanyaan. Isu, cadangan mahupun pandangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator sepanjang sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di Dewan Negara sama ada secara perbahasan dalam Dewan mahupun secara bertulis. Untuk makluman sidang Dewan sekalian, didapati seramai tujuh orang Ahli Yang Berhormat telah membangkitkan 10 pertanyaan, isu dan cadangan sepanjang sesi perbahasan kali ini. Saya akan menjawabnya secara keseluruhan dan secara serentak.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah isu pengurusan alam sekitar, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Husain bin Awang telah menyentuh isu berkaitan pencemaran alam sekitar dan juga Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai juga telah menyentuh tentang isu berkenaan dengan pelupusan sisa berjadual klinikal. Sukacita dimaklumkan kepada semua Ahli Dewan, bahawasanya KASA memandang serius isu-isu pencemaran.

Tindakan secara proaktif dan reaktif akan diambil sehingga penjenayah alam sekitar ini dibawa ke muka pengadilan. Usaha memerangi jenayah alam sekitar memerlukan kerjasama semua pihak. Ini bukan kerja satu pihak dan bukan kerja yang ringan yang mana ia harus meliputi kerjasama daripada pihak kerajaan, badan bukan kerajaan, pihak swasta, badan korporat, orang ramai dan sebagainya.

Dalam konteks ini, KASA telah menggariskan beberapa pendekatan. Antaranya, pertama, KASA akan mengenakan tindakan tegas dan hukuman lebih berat kepada penjenayah alam sekitar melalui pindaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 (AKAS) dan Akta Industri Perkhidmatan Bekalan Air 2006 [*Akta 655*].

Antara lain, pindaan AKAS 1974, dan Akta 655, ini meliputi cadangan meningkatkan hukuman penjara daripada satu tahun kepada 15 tahun dan denda minimum sebanyak RM5 juta dan maksimum RM10 juta. Ini adalah satu daripada komitmen kerajaan secara langsung untuk memastikan bahawasanya penjenayah alam sekitar ini dikenakan tindakan sekeras-kerasnya.

Kedua, kita akan mengawal selia dan membuat penguatkuasaan yang lebih inovatif melibatkan semua pihak dan agensi menggunakan pendekatan *punitive* dan *preventive*. Antara lain, KASA telah menubuhkan satu unit yang mana unit ini dikenali sebagai Unit Cegah Jenayah Alam Sekitar (UCJAS) yang mula beroperasi secara pentadbiran pada 1 Oktober 2020.

Secara keseluruhannya, UCJAS akan melibatkan penempatan pegawai-pegawai penguat kuasa yang terdiri dari Jabatan Alam Sekitar sendiri, SPAN, Jabatan Biokeselamatan, PDRM dan sebagainya untuk memastikan bahawasanya aspek kepakaran, risikan, siasatan, forensik dan jenayah alam sekitar ini dapat kita laksanakan secara tuntas.

Semenjak daripada 1 Oktober ia ditubuhkan sehingga 22 Disember 2020, sebanyak lima beroperasi bersama PDRM telah pun berjaya kita laksanakan. Untuk makluman semua, UCJAS ini adalah merupakan satu daripada inisiatif terbaharu yang melibatkan *high-profile issue*. Bukan isu-isu pencemaran yang kecil. Isu-isu pencemaran kecil akan dilaksanakan penguat kuasa secara berterusan.

Manakala bagi pendekatan *preventive* yang sedang dilaksanakan oleh Program Denai Sungai seperti contohnya Denai Sungai Kebangsaan sebagai platform penglibatan masyarakat MASA untuk bersama-sama melestarikan sumber alam. KASA telah menyasarkan pembinaan sepanjang 1,000 kilometer denai dibina sepanjang tahun 2023 dan 10 ribu kilometer pada tahun 2030.

Ini merupakan inisiatif yang melibatkan penglibatan orang awam untuk bersama-sama merasakan betapa pentingnya sungai ataupun bertindak bersama-sama untuk memastikan kebersihan sungai dan menjaga alam sekitar sungai yang ada di sekeliling kita.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, sisa klinikal dikelaskan sebagai sisa buangan terjadual yang memerlukan prosedur pengendalian serta pelupusan khas sebagaimana digariskan dalam Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan buangan sisa klinikal ini perlu dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar.

Ia selaras dengan Peraturan-peraturan Kualiti Alam Sekeliling (Buangan Terjadual) pada tahun 2005. Sisa klinikal tersebut akan dikumpulkan dan dilupuskan di loji pelupusan sisa klinikal yang mempunyai teknologi pengawalan pencemaran alam sekitar. Dalam hal ini, JAS sentiasa melakukan pengawasan dan penguatkuasaan di premis-premis fasiliti kesihatan.

Sebagai satu contoh, Pusat Kuarantin COVID-19 yang diwartakan dan premis buangan terjadual yang dilesenkan. *Alhamdulillah*, sehingga hari ini, kita tidak terdengar lagi, belum pernah terdengar berlaku keadaan di mana sisa-sisa terjadual berkenaan COVID-19 ini terlepas kepada masyarakat dan rakyat. Tidak ada, *alhamdulillah*.

Tuan Yang di-Pertua, bagi isu berkenaan air, Yang Berhormat Senator Tuan Ahmad bin Yahaya telah membangkitkan isu mengenai Lembangan Sungai Muda yang mana ia melibatkan dua buah negeri yang besar iaitu negeri Kedah dan juga negeri Pulau Pinang. Isu ini telah beberapa kali dibangkitkan di Dewan Rakyat dan telah diperjelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Alam Sekitar dan Air yang terbaharu pada 10 Disember 2020 dan 15 Disember 2020.

Walau bagaimanapun, suka saya memperjelaskan sekali lagi bahawa isu berkaitan dengan sumber air dan tanah ini adalah sebenarnya terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri. Selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Jadual Kesembilan, Senarai II iaitu Senarai Negeri.

Untuk makluman Yang Berhormat, bagi kes atau bagi isu Lembangan Sungai Muda ini, sepanjang 4,096 kilometer persegi atau 98.68 peratus daripada Lembangan Sungai Muda ini sebenarnya berada dalam negeri Kedah Yang Berhormat.

■1340

Hanya 55 kilometer persegi sahaja, ataupun 1.32 peratus sahaja berada di negeri Pulau Pinang. Bermakna *upstream*-nya dari Kedah, *downstream*-nya adalah di Pulau Pinang, dengan izin.

Kementerian melihat semua kawasan tadahan air di seluruh negara termasuk Lembangan Sungai Muda perlu dilindungi daripada sebarang aktiviti yang boleh mengganggu gugat kawasan berkenaan kerana apabila kawasan ini terganggu, maka sumber dan punca air bersih juga akan terganggu. Suka dalam Dewan ini saya mencadangkan agar satu perbincangan diadakan antara kerajaan-kerajaan negeri yang terlibat bagi meneliti mekanisme pelaksanaan dan juga mekanisme kewangan apabila melibatkan isu berkaitan dengan pembahagian ataupun penggunaan yang melibatkan dua buah negeri, sebagaimana Kedah dan juga Pulau Pinang ini.

Dalam hal ini, KASA bersedia bila-bila masa untuk menjadi pemudah cara perbincangan antara mana-mana negeri yang terlibat bagi memastikan kelangsungan kawasan tadahan sumber air dengan lebih tuntas kerana ia melibatkan soal rakyat. Maka kita di pihak KASA tidak ada masalah untuk menjadi *the middle man* atau *the middle party* untuk menyelesaikan masalah, jikalau berlaku permasalahan antara dua buah negeri yang berkaitan.

Isu berkenaan air ini juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias dari Labuan dan juga Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin dari Kelantan.

Untuk makluman, bagi mengatasi masalah gangguan bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM31.3 juta pada tahun 2021 untuk melaksanakan sebanyak tujuh projek bekalan air yang merangkumi projek-projek seperti berikut, antaranya:

- (i) penggantian paip asbestos simen (AC) dari tangki *Sabah Gas Industry* (SGI);
- (ii) projek menaik taraf dan mengganti sistem agihan bekalan air sedia ada di sepanjang Jalan Muhammad Salleh dan juga Jalan Bebuloh di persimpangan Tun Mustapha hingga terminal minyak;
- (iii) penggantian paip *pumping* di Pulau Inoi yang dijangka siap pada tahun 2021;

- (iv) kerja-kerja penggantian paip di tiga buah kampung air di Ranche-Ranche, Sungai Bebuloh dan juga Patau-Patau - ini kampung-kampung di Labuan;
- (v) kerja-kerja meningkatkan kemudahan empangan dan loji rawatan air;
- (vi) pembinaan satu buah tangki simpanan air (LRA) di Lajau dan juga Ganggarak; dan
- (vii) kerja-kerja menaiktarafkan loji sedia ada.

Manakala bagi negeri Kelantan sebagaimana yang dinyatakan atau diminta penjelasan oleh Puan Asmak binti Husin pula, Kerajaan Persekutuan telah pun memperuntukkan secara keseluruhannya sejumlah RM126.7 juta bagi melaksanakan empat projek bekalan air negeri. Daripada jumlah ini, sebanyak RM10.3 juta telah diperuntukkan secara geran dan RM5 juta secara pinjaman pada tahun 2021 yang mana antara projek tersebut suka saya ingin jelaskan untuk makluman kesemua rakyat di negeri Kelantan iaitu:

- (i) pembinaan loji air Kampung Teluk di jajahan Kota Bharu, Kelantan;
- (ii) kerja kajian dan pelaksanaan program NRW seluruh negeri Kelantan Fasa 2;
- (iii) kerja-kerja pembinaan *low weir* di Sungai Pahi, Kuala Krai dan juga Sungai Pengkalan Datu, Kota Bharu Kelantan serta kerja-kerja yang berkaitan dengannya; dan
- (iv) kajian dan pembangunan sumber air bagi negeri Kelantan.

Selain itu, peruntukan sejumlah RM631.6 juta juga telah- oleh Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) juga disediakan bagi kerja-kerja perbelanjaan modal (CAPEX) kepada Air Kelantan Sdn. Berhad (AKSB) pada OP 2021 hingga 2023.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Nuridah binti Mohd Salleh, Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias, Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin dan Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose telah menyentuh juga isu berkaitan dengan pengurusan air.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, suka saya menjelaskan bahawa hujan boleh turun dengan pelbagai kadar dan lebatnya dalam tempoh yang memang kita tidak boleh jangka sekarang ini. Banjir boleh berlaku jika kelebihan hujan tinggi dan tempoh hujan turun semakin lama. Aliran dalam sungai akan bertambah dan boleh melimpah tebing dan akan menyebabkan berlakunya banjir. Selain itu, banjir juga boleh berlaku akibat daripada pembangunan yang tidak terkawal dan tidak terancang. Kejadian banjir dapat dikurangkan dengan cara dua pendekatan yang dibuat oleh kementerian iaitu secara struktur dan juga secara bukan struktur.

Bagi pendekatan secara struktur, projek tebatan banjir dibina dengan pelbagai kombinasi struktur iaitu kita buat empangan, kita bina kolam takungan, kita buat rumah pam

dan sebagainya untuk menyimpan sementara air lebih ketika hujan dan melepaskannya kembali ketika hujan surut dan paras air semakin menurun.

Manakala bagi strategi yang kedua, yang terakhir iaitu strategi pendekatan bukan struktur iaitu kita akan membuat ramalan. Kita buat ramalan dan mengeluarkan amaran banjir yang dioperasikan oleh Pusat Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRABN). Ini saya rasa semua orang sudah ada aplikasi PRABN ini dan penting untuk kita Yang Berhormat Senator untuk memiliki aplikasi ini untuk kita tahu dan kita jelaskan kepada orang di kawasan kita. Ini membolehkan pihak berkuasa dapat mengambil tindakan memindahkan penduduk yang terjejas dan supaya orang ramai lebih awal bersedia untuk melindungi harta benda masing-masing.

Yang terakhir bagi saya Tuan Yang di-Pertua pada tengah hari ini kerana masa sudah pun sampai ke penghujungnya. Saya ingin menyentuh tentang apa yang dikatakan dan dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Idris bin Haji Ahmad. Pihak kerajaan telah bersedia maklum berkaitan masalah banjir yang berlaku di kawasan Parlimen Bukit Gantang yang disebabkan oleh limpahan air daripada beberapa buah sungai berhampiran semasa hujan lebat yang berlaku dan ia telah bertembung dengan air pasang dari laut.

Dalam hal ini beberapa langkah jangka pendek telah diambil oleh KASA. Antaranya ialah kita telah pun memperuntukkan sebanyak RM13.5 juta bagi tahun 2020 di bawah program pemuliharaan sungai untuk mengurangkan risiko banjir dan juga sebanyak RM4.4 juta dibelanjakan dalam projek-projek kecil Pakej Rancangan Ekonomi (PRE 2020). Saya fikir dengan jangka masa yang ada ini saya tidak berhajat untuk menghabiskan teks saya pada tengah hari ini.

Sebagai penutup dan akhir kata daripada saya, setakat ini lah sahaja penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan pada sesi Dewan ini dan saya berharap agar semua soalan-soalan yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat ini akan dapat memberikan satu input yang baik kepada kementerian dan saya juga ingin menyatakan bahawasanya sebelum saya berundur, sesungguhnya kerajaan kita pada hari ini amat cakna sekali dengan permasalahan rakyat terutamanya yang bersangkutan paut dengan alam sekitar.

Alam sekitar ini merupakan warisan terpenting negara yang dikongsi bersama oleh semua rakyat Malaysia. Sebelum saya menutup kata- sebelum berundur, izinkan saya untuk mengucapkan *Merry Christmas* kepada semua penganut agama Kristian di seluruh negara yang akan menyambutnya pada hari Jumaat nanti dan juga kita mendoakan bahawasanya raikanlah perayaan kali ini dalam suasana yang penuh dengan ketertiban dan dengan budaya *new norms*. Sekian, *wabillahitaufik walhidayah, assalamualaikum*. Sekian terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Ahmad Masrizal bin Muhammad iaitu Timbalan Menteri Alam Sekitar dan Air.

Seterusnya saya mempersilakan Yang Berhormat Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

1.48 tgh.

Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Dato' Sri Hajah Nancy Shukri]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

*Anak teruna kemudi bahtera;
Tertambat sukma gagah lagaknya;
Bajet dijana perkukuh sejahtera;
Manfaat diterima seluruh warganya.*

Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mewakili Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada empat orang Ahli-ahli Yang Berhormat iaitu Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu yang telah menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya ketika Ahli-ahli Yang Berhormat mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Belanjawan 2021 di Dewan yang mulia ini dari hari Rabu, 16 Disember hingga semalam hari Isnin, 21 Disember.

Segala keprihatinan, cadangan serta pandangan yang telah dibangkitkan amat kami di MOTAC hargai dan akan diambil kira untuk perancangan kementerian ini pada masa hadapan. *Insya-Allah* pada hari ini saya akan memberi maklum balas terhadap pertanyaan-pertanyaan dan saranan yang telah dikemukakan oleh semua Yang Berhormat yang berkenaan dalam masa yang ditetapkan oleh Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, penularan wabak COVID-19 telah membawa kesan negatif yang sangat besar bukan sahaja kepada industri pelancongan tempatan, malah turut menjejaskan industri ini di seluruh dunia. Bagi Malaysia, kempen Tahun Melawat Malaysia 2020 yang telah dirancang terpaksa dibatalkan berikutan pengisytiharan dan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) pada 18 Mac 2020 yang lalu.

■1350

Bagi membantu meringankan impak terhadap penggiat industri dan seterusnya memulihkan industri pelancongan tempatan, kerajaan telah mengumumkan beberapa Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) iaitu PRIHATIN, PRIHATIN PKS Tambahan dan PENJANA.

Antara bantuan dan insentif yang boleh dimanfaatkan oleh penggiat industri pelancongan adalah:

- (i) Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan PENJANA;
- (ii) pengecualian cukai pelancongan;
- (iii) pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan;
- (iv) pelepasan khas cukai individu sehingga RM1,000 untuk perbelanjaan pelancongan domestik;
- (v) Program Subsidi Upah;
- (vi) inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS);
- (vii) pemberian diskaun elektrik kepada sektor pelancongan;
- (viii) pemberian bantuan *one-off* sebanyak RM600 kepada pemandu pelancong berlesen dengan MOTAC; dan,
- (ix) penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman bersasar.

Inisiatif-inisiatif yang disebutkan itu tadi beberapa contoh bantuan umum yang dilaksanakan bersama secara rentas kementerian.

Manakala di pihak kementerian sendiri, MOTAC telah dan akan terus melaksanakan inisiatif-inisiatif khusus seperti:

- (i) menawarkan kursus *Domestic Tourism Vibes* secara atas talian;
- (ii) pengecualian bayaran fi lesen bagi pengusaha-pengusaha pelancongan dan pemandu pelancongan;
- (iii) pemberian diskaun dan pelanjutan pembayaran kompaun kepada semua pengusaha pelancongan dan pemandu pelancong berlesen; dan,
- (iv) membangun dan menyediakan platform *online* seperti laman www.malaysia.travel bagi membolehkan penggiat industri pelancongan memapar, mempromosi dan menawarkan pakej dan produk pelancongan mereka secara percuma.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk membantu industri pelancongan negara kembali bangkit, MOTAC telah merangka Pelan Pemulihan Pelancongan. Antara strategi utama MOTAC dalam Pelan Pemulihan Pelancongan ini fokus kita untuk menyemarakkan pelancongan domestik. Oleh sebab itulah sebaik sahaja pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) dan pembukaan semula aktiviti ekonomi bermula 10 Jun 2020 yang lalu, kami di MOTAC terus mengambil beberapa langkah untuk merancakkan semula pelancongan domestik. Pada masa yang sama, membudayakan pematuhan kepada prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan.

Antara program yang telah dan akan dilaksanakan Siri Jelajah Semarakkan Pelancongan Domestik untuk menggalakkan pelancongan dalam negara. Siri jelajah yang

telah dilancarkan pada 13 Jun 2020 ini, melibatkan pendedahan kepada produk-produk pelancongan baharu serta produk seni, budaya dan warisan negara.

Sesi ini juga digunakan untuk memberi pendedahan dan memastikan penggiat-penggiat industri mematuhi SOP pengoperasian yang telah ditetapkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN). Pematuhan dan amalan norma baharu ini amat penting kerana ia boleh menjadi salah satu faktor utama dalam membina keyakinan masyarakat bahawa Malaysia destinasi yang selamat untuk dikunjungi.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, dalam siri jelajah ini juga, kita turut meninjau mana-mana kemudahan atau infrastruktur pelancongan yang perlu dibina, di baik pulih atau dipelihara. Setakat ini, saya dan pasukan MOTAC belum berkesempatan mengadakan siri jelajah ini ke negeri Terengganu. Ia sememangnya ada dalam perancangan kita dan *insya-Allah*, cadangan Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris agar peruntukan sewajarnya diberikan untuk kerja-kerja penyelenggaraan dan baik pulih kemudahan pelancongan di Tasik Kenyir akan kami teliti lebih lanjut apabila saya dan pasukan MOTAC pergi ke tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara itu untuk meninjau produk pelancongan di situ kelak.

Tuan Yang di-Pertua, pembukaan aktiviti ekonomi ini telah memberi ruang untuk industri pelancongan kembali bernafas setelah terhenti sepenuhnya semasa pelaksanaan PKP. Ini terbukti apabila banyak indikator seperti kadar penghunian di premis pelancongan, pergerakan kenderaan merentas sempadan negeri dan sebagainya menunjukkan bahawa aktiviti pelancongan tempatan mula kembali bangkit.

Namun, gelombang ketiga penularan wabak COVID-19 telah memaksa PKPB dilaksanakan semula. Sekali lagi, sektor pelancongan terpaksa kembali mengharungi saat yang sukar. Di awal pelaksanaan PKPB, aktiviti pelancongan dilarang dan rentas sempadan negeri tidak dibenarkan. Selepas keadaan mula sedikit pulih, kami di MOTAC telah membentangkan cadangan untuk memperkenalkan gelembung perjalanan domestik zon hijau- *green bubble*, dengan izin, bagi menghidupkan semula sektor pelancongan tempatan. *Alhamdulillah*, kerajaan pada 20 November 2020 yang lalu telah bersetuju untuk meluluskan cadangan MOTAC ini. Saya yakin, langkah ini turut disokong oleh semua terutama Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong yang telah menyentuh isu ini.

Manakala berhubung cadangan beliau agar diadakan gelembung perjalanan antarabangsa dengan negara jiran, suka saya maklumkan bahawa pada masa ini juga, MOTAC telah meneroka cara kreatif untuk menerima kehadiran pelancong asing secara berfasa dan bersasar dengan destinasi-destinasi negara luar yang dikategorikan sebagai hijau. Cadangan ini akan diperhalusi oleh kementerian dan agensi lain yang berkaitan seperti Majlis Keselamatan Negara, Kementerian Kesihatan, Kementerian Dalam Negeri,

Kementerian Luar Negeri dan Kementerian Pengangkutan bagi dipertimbangkan untuk dilaksanakan apabila tiba waktu yang bersesuaian kelak.

Tuan Yang di-Pertua, selaras dengan keputusan kerajaan untuk memperkenalkan gelembung perjalanan domestik zon hijau ini, MOTAC telah menyediakan beberapa inisiatif untuk kembali merencanakan pelancongan dalam negara. Pada hari Isnin, 23 November 2020 yang lalu, saya telah mengumumkan insentif dan promosi pelancongan domestik dalam bentuk baucar rebat, e-baucar, *cashback* dalam bentuk *e-wallet* dan diskaun untuk tempahan pakej pelancongan, penginapan dan penerbangan. Antara insentif dan promosi yang ditawarkan adalah:

- (i) rebat baucar sehingga RM100 bagi pembelian pakej penginapan minimum tiga hari dua malam;
- (ii) tawaran *cashback* sebanyak RM20 dalam bentuk *Touch 'n Go* bagi setiap transaksi minimum RM50 di hotel bajet tiga bintang ke bawah yang terpilih melalui kempen *Jom Nginap* dan *Malaysia Welcomes You*; dan,
- (iii) tawaran diskaun antara RM50 hingga RM100 bagi tiket penerbangan sehalu dan juga pergi balik- *return ticket*.

Insentif dan promosi ini MOTAC jayakan dengan kerjasama dan penglibatan oleh penggiat industri sektor pelancongan tempatan kita seperti *Malaysian Association of Hotels*, *Malaysia Budget Hotel Association* (MyBHA) serta syarikat penerbangan tempatan seperti *Malaysia Airlines*, *AirAsia*, *Firefly* dan *Malindo Air*.

Selain itu Tuan Yang di-Pertua, untuk merencanakan industri kraf tanah air, diskaun pembelian produk kraf di *outlet* Karyaneka, yang kebetulan ada juga di Parlimen ini, turut diperkenalkan bagi menggalakkan pembelian kraf hasil usahawan-usahawan kraf tempatan. Bagi tujuan ini, RM500 ribu telah diperuntukkan untuk diskaun RM30 bagi setiap pembelian minimum, gandaan RM100.

Ditambah lagi dengan pakej istimewa sempena kempen *Cuti-cuti Malaysia*, khas untuk penjawat awam yang telah dilancarkan pada 3 September 2020 yang lalu.

Kita yakin, insentif-insentif yang dilaksanakan ini, akan dapat melonjak dan menyemarakkan semula industri pelancongan domestik negara. Usaha ini akan diteruskan kesinambungannya melalui Pelan Pemulihan Pelancongan berjumlah RM200 juta yang diperuntukkan melalui Bajet 2021. Mungkin kerana peruntukan berkenaan tidak dinyatakan ataupun tidak diumumkan dalam teks ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2021, maka penggiat industri pelancongan pada awalnya mengeluh kerana tidak mengetahui akan perkara ini. Namun syukur *alhamdulillah*, perkara ini telah saya jelaskan kepada mereka dalam sesi libat urus yang telah kami adakan beberapa hari selepas pembentangan Belanjawan 2021 di Dewan Rakyat.

■1400

Mungkin juga keluhan awal mereka itu yang telah didengar oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Jefridin bin Haji Atan ketika beliau membangkitkan perkara ini semasa perbahasan tempoh hari. Justeru, saya yakin penjelasan ini pastinya melegakan kerisauan Yang Berhormat.

Pelan pemulihan pelancongan berjumlah RM200 juta ini jelas menunjukkan bahawa kerajaan amat serius dalam usaha untuk membantu pemain industri pelancongan negara yang terjejas teruk akibat penularan wabak COVID-19. Ini sudah pasti akan turut memberi kesan limpahan kepada industri-industri lain seperti makanan, dengan izin, *food and beverages*, pengurusan acara, *event management*, dengan izin, dan pengangkutan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Mohan a/l Thangarasu.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri sesi penggulungan perbahasan Belanjawan 2021 Peringkat Dasar bagi Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya pada hari ini suka saya mengajak Ahli-ahli Yang Berhormat dan seluruh rakyat Malaysia di luar sana untuk bersama-sama semarakkan semula pelancongan domestik dan menyokong seni dan kebudayaan kita.

Dengan ini Tuan Yang di-Pertua, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengemukakan pandangan, teguran, saranan dan cadangan dalam memajukan sektor pelancongan, seni dan budaya negara.

*Duduk menunggu tepian batu;
Buah berangan di tepi paya;
Industri dibantu, penggiat bersatu;
Semarak pelancongan, perkukuh budaya.*

Selamat menyambut Hari Krismas kepada semua penganut agama Kristian dan Selamat Tahun Baru 2021. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Sri Hajah Nancy Shukri Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Seterusnya dipersilakan Kementerian Pengajian Tinggi.

2.02 ptg.

Timbalan Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Mansor bin Othman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi ingin mengucapkan terima kasih dan menghargai keprihatinan empat orang Ahli Yang Berhormat Senator yang memberikan

pandangan dan saranan membina semasa sesi perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan Tahun 2021. Semua isu yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator akan saya jawab dan jelaskan dengan sebaik mungkin, *insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair telah menyentuh mengenai bantuan yang diberikan kepada Institusi Pendidikan Tinggi Swasta (IPTS). Sebagaimana Yang Berhormat Senator sedia maklum, IPTS ditubuhkan di bawah Akta Syarikat (Pindaan) 2016 [Akta 777] dan perkara ini membolehkan IPTS merangka dan menguruskan pengoperasian institusi mereka berdasarkan peruntukan-peruntukan yang termaktub dalam akta berkenaan.

Sungguh pun begitu, Kementerian Pengajian Tinggi amat prihatin dan sentiasa memastikan bantuan sewajarnya dapat diberikan kepada IPTS sendiri, khususnya dalam aspek khidmat nasihat dan konsultasi dan juga kepada pelajar di IPTS dalam bentuk bantuan kewangan. Sukacita dimaklumkan antara bantuan yang disediakan kepada IPTS adalah:

- (i) memberikan lebih banyak peluang dan kelulusan kepada IPTS untuk melaksanakan pensijilan berdasarkan pengalaman terdahulu yang dikenali sebagai akreditasi pembelajaran berasaskan pengalaman terdahulu ataupun, dengan izin, *Accreditation of Prior and Experiential Learning* (APEL) melalui Agensi Kelayakan Malaysia;
- (ii) menyediakan garis panduan dan pelan tindakan yang komprehensif bagi aktiviti penggabungan dan pemerolehan dengan izin, *margin and acquisition*. Melaluinya IPTS boleh mengenal pasti individu ataupun syarikat lain yang berpotensi untuk menyumbangkan suntikan modal dalam memastikan pengoperasian IPTS dapat berjalan lancar;
- (iii) membenarkan IPTS untuk menerima kemasukan lulusan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia (DLKM) bagi mengikuti pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda Tahap 6, Kerangka Kelayakan Malaysia. Melalui surat pekeliling bertarikh 21 April 2020. Ini dapat membantu IPTS untuk meningkatkan jumlah pelajar ke IPTS melalui laluan TVET; dan
- (iv) membenarkan semua IPTS untuk melaksanakan sesi Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) secara dalam talian sepanjang tempoh PKP sehingga 31 Disember 2020.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu kementerian juga menyediakan bantuan kepada pelajar-pelajar di IPTS seperti berikut:

- (i) menanggung sepenuhnya operasi penghantaran pulang pelajar termasuk pelajar IPTS ke kediaman masing-masing sepanjang bulan April hingga

Jun 2020 ekoran pematuhan kepada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan. Peruntukan sejumlah RM17.3 juta telah dibelanjakan bagi menjayakan operasi ini;

- (ii) menyalurkan bantuan secara *one-off* sebanyak RM200 kepada setiap pelajar di universiti awam dan juga swasta di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat;
- (iii) menangguhkan bayaran balik pinjaman PTPTN selama sembilan bulan keseluruhannya bermula pada April 2020 sehingga Disember 2020 dengan nilai bayaran balik yang ditangguhkan sebanyak RM1.125 bilion;
- (iv) menaikkan jumlah pinjaman PTPTN daripada RM6,800 kepada RM8,000 bagi peminjam dari keluarga B40 yang melanjutkan pengajian peringkat diploma di IPTS tertakluk kepada simpanan bertakaful oleh pihak IPTS bermula pada tahun 2021; dan
- (v) melaksanakan program berbentuk dengan izin *upskilling and reskilling*, PENJANA KPT-CAP khususnya kepada pelajar IPTS dengan peruntukan sejumlah RM50 juta dan untuk melaksanakan inisiatif KPT *phase* yang menawarkan baucar bernilai RM3,000 kepada pelajar IPTA dan IPTS yang berhasrat untuk mendapatkan sijil profesional dalam bidang masing-masing. Sejumlah RM150 juta telah diperuntukkan untuk menjayakan inisiatif ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi telah menyentuh mengenai perkara-perkara berkaitan dengan kemudahan dan kebajikan pelajar-pelajar OKU. Isu pertama berkenaan biasiswa ataupun bantuan kewangan kepada OKU.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, setiap tahun KPT menyediakan peruntukan kewangan bagi melaksanakan pelbagai program penajaan dan bantuan kewangan untuk golongan sasaran yang berkelayakan. Dalam hal ini, KPT turut memberikan perhatian kepada pelajar OKU untuk mendapat akses kepada pendidikan ke peringkat lebih tinggi dengan menyediakan Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya.

Sejumlah RM10 juta telah diperuntukkan bagi tujuan Bantuan Kewangan Orang Kurang Upaya pada tahun 2020. Bantuan ini akan diteruskan pada tahun 2021 dengan peruntukan yang sama untuk tujuan penajaan kepada seramai 2,314 orang pelajar baru dan juga pelajar sedia ada. Bagi memastikan pelaksanaan program BKOKU, dapat membantu meringankan beban pelajar OKU yang melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi, beberapa penambahbaikan dalam kedah pelaksanaan program telah dirangka. Ini termasuklah:

- (i) menyemak semula kadar amaun bantuan yang diberikan daripada aspek yuran pengajian agar selari dengan kadar yuran yang ditetapkan oleh IPT; dan
- (ii) menambah baik proses permohonan sedia ada bagi memudahkan pelajar OKU menerima bantuan seperti penambahbaikan sistem permohonan bantuan secara dalam talian.

■1410

Berkenaan dengan isu jumlah peruntukan bagi IPTA iaitu menambah baik atau mengubah atau mengubahsuai persekitaran fizikal mengikut MS1184.

Tuan Yang di-Pertua, isu kedua yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi mengenai peruntukan IPTA untuk menambah baik persekitaran fizikal mengikut *Malaysian Standard 1184*, ataupun MS1184.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12), KPT telah diluluskan peruntukan sebanyak RM259.8 juta untuk melaksanakan sebanyak 16 projek pembinaan fizikal dan penyelenggaraan di IPTA dan projek-projek ini akan dilaksanakan selaras dengan keperluan MS1184.

Semua projek pembangunan fizikal sama ada pembinaan baharu atau naik taraf di IPTA termasuk universiti awam, politeknik dan kolej komuniti yang dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan KPT turut mengambil kira keperluan OKU. Perkara ini adalah selaras dengan garis panduan dan peraturan bagi Perancangan Bangunan Tahun 2015 dan oleh Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi membangkitkan tentang peruntukan bagi penubuhan unit berkaitan Hal Ehwal OKU di IPTA. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, KPT sentiasa prihatin dan berpegang kepada prinsip inklusif pendidikan untuk semua.

Ini termasuk menyediakan kesamarataan peluang pendidikan *tertiary* kepada OKU sebagaimana yang diterapkan dalam aspirasi sistem pendidikan menerusi Dimensi Ekuiti Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 dan iaitu memastikan semua warga Malaysia mempunyai peluang pendidikan tinggi bagi memenuhi potensi mereka tanpa mengira latar belakang, kaum ataupun sosioekonomi.

Dalam memastikan golongan OKU tidak terpinggir, universiti awam telah menubuhkan Unit Perkhidmatan OKU yang berfungsi sebagai unit perkhidmatan dan sokongan khusus kepada pelajar dan kakitangan OKU di universiti berkenaan. Peruntukan yang disalurkan oleh KPT kepada universiti awam melalui Pusat Tanggungjawab PTJ turut merangkumi peruntukan bagi melaksanakan program-program berkaitan OKU di peringkat universiti masing-masing.

Selain itu, satu sistem berasaskan web yang dinamakan Projek Kerangka Kampus Inklusif meningkatkan kemasukan pelajar OKU ke universiti awam Malaysia (MyU-OKU) telah dibangunkan dengan tujuan untuk membantu Universiti Awam melaksanakan penilaian sendiri terhadap tahap ketersediaan setiap universiti awam dalam mewujudkan ekosistem kampus yang inklusif. Ini sejajar dengan hasrat untuk memastikan keperluan mahasiswa OKU tidak terpinggir dan sentiasa terpelihara.

Ketersediaan universiti awam untuk menerima kemasukan siswa OKU dinilai berasaskan instrumen yang berteraskan tadbir urus, pengajaran dan pembelajaran, perkhidmatan sokongan dan *accessibility* serta ketersambungan persekitaran kampus. Berkenaan dengan isu projek-projek kebolehcapaian laman sesawang iaitu *web accessibility* di setiap IPTA.

Isu keempat yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Ras Adiba binti Mohd Radzi adalah tentang peruntukan bagi projek kebolehcapaian laman sesawang di IPTA dan kementerian sentiasa berusaha untuk meningkat dan menaik taraf pelaksanaan, peralatan dan rangkaian teknologi maklumat di setiap IPTA termasuklah kebolehcapaian laman sesawang ataupun *web accessibility*, dengan izin, di universiti awam, politeknik dan kolej komuniti.

Di bawah *Rolling Plan* Pertama, Rancangan Malaysia Kedua Belas Tahun 2021, sebanyak 21 projek yang terdiri daripada sebanyak lima projek di universiti awam dan sebanyak 16 projek di politeknik merupakan projek pembangunan pembinaan baharu dan naik taraf berpaksikan tender peralatan, naik taraf perkakasan peralatan dan rangkaian teknologi maklumat. Ini turut melibatkan kebolehcapaian lama sesawang dengan kos berjumlah sebanyak RM72.4 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Zaiedi bin Haji Suhaili telah bertanyakan tentang status terkini pembinaan Hospital Pengajar UNIMAS. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan dan penyiapan Hospital Pengajar dan Pusat Kesihatan PRIMA (PKP) Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) di Kota Samarahan Sarawak telah diluluskan di bawah *Rolling Plan* Keempat, Rancangan Malaysia Kesebelas Tahun 2019 dengan kos keseluruhan berjumlah RM560 juta.

Sehingga 21 Disember 2020, projek ini masih di peringkat pra pelaksanaan di mana pihak Jabatan Kerja Raya selaku agensi pelaksana sedang membuat penilaian kali kedua ke atas cadangan pelantikan kontraktor. Pihak JKR menjangkakan surat setuju terima (SST) akan dikeluarkan pada pertengahan Januari 2021 setelah cadangan pelantikan kontraktor dimuktamadkan oleh pihak MOF.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris berkaitan bantuan kepada pelajar. Perkara yang dibangkitkan oleh Yang

Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris peruntukan bantuan kerajaan kepada pelajar yang sememangnya menjadi keutamaan KPT terutamanya dalam mendepani pandemik COVID-19 dan dimaklumkan bahawa KPT telah memperuntukkan sebanyak RM41.2 juta bagi bantuan khususnya kepada pelajar B40 dan ini termasuklah:

- (i) bantuan sumbangan pelan data dengan peruntukan berjumlah RM24 juta kepada sebanyak 320,396 pelajar UA;
- (ii) bantuan Pemilikan Peranti dengan peruntukan sebanyak RM13.4 juta; dan
- (iii) bantuan tunai sebanyak RM50 secara *one-off* seorang kepada sebanyak 76,153 orang pelajar baharu bagi sesi akademik 2021 untuk tujuan pembelian pelan data.

KPT juga akan meningkatkan kapasiti jalur lebar di IPTA dengan memperkasakan, dengan izin, *Malaysia Research & Education Network* (MYREN) kepada antara sebanyak 500 Mbps hingga sebanyak 10Gbps dengan peruntukan sebanyak RM50 juta.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga telah menyentuh mengenai Bantuan Pendidikan- *MyBrain15*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Program *MyBrain15* telah berjaya menjana seramai 56,910 orang pelajar bagi mengikuti program di peringkat pasca siswazah dan sehingga September 2020, seramai 30,427 orang pelajar tajaan *MyBrain15* telah berjaya menamatkan pengajian. Program ini telah menunjukkan impak positif yang menyumbang kepada kebolehpasaran graduan, peningkatan kerjaya dan peningkatan pendapatan serta taraf hidup.

Sehubungan dengan itu, KPT telah mengemukakan cadangan bagi meneruskan pelaksanaan Program *MyBrain15* ini kepada Unit Perancang Ekonomi Jabatan Perdana Menteri. KPT berhasrat menjadikan program ini sebagai satu daripada program berimpak tinggi di bawah Rancangan Malaysia Kedua Belas.

Tuan Yang di-Pertua: Sila selesaikan.

Dato' Mansor bin Othman: Akhir Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris juga seterusnya telah menyentuh tentang tahap kesihatan mental pelajar terutama dalam mendepani pandemik COVID-19.

Untuk makluman Senator, setiap universiti awam mempunyai bahagian Unit Kaunseling bagi memberikan perkhidmatan kaunseling kepada pelajar, pensyarah dan juga staf yang memerlukan perkhidmatan tersebut. Sehingga 24 November 2020, semua universiti awam telah menawarkan perkhidmatan kaunseling berbentuk Tele-kaunseling ataupun e-Kaunseling dan hampir sebanyak 300 orang kaunselor sukarelawan dan pakar psikologi yang

terlibat dalam menjayakan perkhidmatan tersebut. Di samping itu, KPT juga sedang mengunjurkan program kesihatan...

Tuan Yang di-Pertua: Saya terpaksa meminta Yang Berhormat Menteri merumuskan.

Dato' Mansor bin Othman: Sudah hendak habis sudah Tuan Yang di-Pertua. Di samping itu KPT juga menganjurkan Program Kesihatan Mental khusus buat pelajar universiti secara bersiri.

■1420

Dengan itu Tuan Yang di-Pertua, sekali lagi KPT mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih atas keprihatinan, perhatian dan sokongan yang berterusan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat, khususnya terhadap usaha-usaha memartabatkan kecemerlangan pendidikan tinggi negara yang diterajui oleh KPT.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menzahirkan, Selamat Menyambut Hari Krismas kepada rakan-rakan kita yang menyambutnya. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kementerian Pertanian dan Industri Makanan, sila wujudkan seni mengehendkan masa dan lihat masa kita yang terpapar.

2.20 ptg.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II [Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi]: *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas peluang yang diberikan kepada saya untuk menggulung perbahasan Belanjawan 2021 di Dewan Negara pada hari ini.

Saya pertama-tamanya mengucapkan syabas dan tahniah kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan pada kali ini. Saya juga mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh sektor pertanian dan industri makanan.

Saya dapati seramai 11 orang Yang Berhormat Senator yang telah menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dalam perbahasan Belanjawan 2021 di Dewan Negara pada kali ini. Majoriti daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan isu-isu berkaitan status bekalan makanan, diikuti isu yang berkaitan dengan padi dan beras dan selebihnya membahaskan isu berkaitan dengan peruntukan serta perancangan projek di bawah Kementerian Pertanian dan Industri Makanan.

Mengenai peruntukan dan persoalan adakah subsidi diteruskan pada tahun 2021, Yang Berhormat Senator Puan Rita Sarimah a/k Patrick Insol, dan Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing membangkitkan isu subsidi dan bantuan kepada pesawah, petani, penternak dan nelayan akan diteruskan pada tahun 2021.

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, MAFI sangat menyedari akan keperluan untuk meneruskan bantuan, insentif dan subsidi kepada semua pihak berkepentingan. Sehubungan itu, kerajaan memberi jaminan bahawa pemberian bantuan dalam bentuk subsidi dan insentif akan terus dibuat secara yang lebih telus, berhemah dan menepati sasaran. Secara keseluruhannya, peruntukan yang telah diluluskan kepada MAFI adalah mencukupi untuk menampung tunai bagi tujuan pembayaran subsidi dan pemberian bantuan yang dimaksudkan.

Menyentuh status projek infrastruktur seperti MADA Tersier yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz dan Jelapang Padi Kota Belud yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, MAFI akan meneruskan perancangan kedua-dua projek ini mengikut jadual baharu dalam tempoh pelaksanaan RMKe-12.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz, pada RMKe-12, MADA telah diluluskan kos peruntukan pembangunan sebanyak RM644.3 juta meliputi RM144.3 juta bagi pembangunan projek khusus dan RM500 juta bagi sambungan projek MADA Tersier.

Bagi tahun 2021, MADA diperuntukkan sebanyak RM90.485 juta dengan pecahan RM10.485 juta bagi projek khusus dan RM80 juta bagi MADA Tersier melibatkan kerja-kerja pembinaan empat buah blok pengairan dengan keluasan 3,900 hektar yang bakal memanfaatkan seramai 4,070 orang pesawah. Manakala pemansuhan kod Butiran 00800 dalam Buku Anggaran Perbelanjaan Persekutuan 2021 seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Wira Othman bin Aziz disebabkan projek-projek dalam butiran berkenaan telah berjaya diselesaikan dalam RMKe-11 yang berakhir pada tahun ini.

Justeru bagi tahun hadapan iaitu tahun 2021, butiran bagi projek baharu MADA diwujudkan dalam RMKe-12 pada kod Butiran 4007. Walau bagaimanapun, butiran projek MADA Tersier kekal di bawah Butiran 94000 iaitu Projek Pemacu Pertanian.

Mengenai projek pelepasan benih ikan di Tasik Kenyir, Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris pula bertanyakan adakah MAFI akan mengotakan komitmen untuk melepaskan satu juta ekor- benih ikan setahun ke dalam Tasik Kenyir. Ingin ditegaskan di sini, jawapannya adalah- ya.

Sebagai makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2020, sebanyak 935 ribu ekor- benih telah dilepaskan terdiri daripada spesies ikan lampam sungai, kelah terbul, baung, sebarau, temoleh dan juga udang galah. MAFI melalui Jabatan Perikanan akan terus melepaskan benih ikan ke dalam Tasik Kenyir dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi nelayan darat di sungai dan juga tasik. Namun, pelepasan benih ikan juga akan bergantung kepada kajian penilaian stok di tasik berkenaan dari semasa ke semasa.

Berkenaan status bekalan makanan pula, lebih separuh Yang Berhormat Senator...

Datuk Razali bin Idris: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak minta penjelasan sedikit.

Tuan Yang di-Pertua: Penjelasan?

Datuk Razali bin Idris: Penjelasan.

Tuan Yang di-Pertua: Baik, ringkas.

Datuk Razali bin Idris: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, boleh?

Tuan Yang di-Pertua: Kalau Yang Berhormat bagi masa, bermakna dia makan masa Yang Berhormat.

Datuk Razali bin Idris: Sedikit sahaja, sedikit sahaja.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Begini. Kalau saya teruskan dahulu, kemudian kalau ada kesempatan- ini fasal Tasik Kenyir kah?

Datuk Razali bin Idris: Habis sudah ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Fasal Tasik Kenyir kah?

Tuan Yang di-Pertua: Ini pun sudah makan masa banyak ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Fasal apa?

Datuk Razali bin Idris: Fasal ikan Tasik Kenyir tadi.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Saya rasa fasal ikan Tasik Kenyir ini selesailah. Cuma 65 ribu sahaja lagi yang belum dilepaskan di Tasik Kenyir.

Datuk Razali bin Idris: [*Ketawa*] Itu hendak minta penjelasan ini.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Kalau tidak sempat pada tahun ini, dalam beberapa minggu ini, kita buat pada tahun hadapan.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, ini pun dah makan masa panjang. Kita hanya ada dua kementerian lagi. Silakan.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Ya Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan status bekalan makanan pula, lebih separuh Yang Berhormat Senator yang menyentuh sektor pertanian bertanyakan mengenai hal ini iaitu status bekalan makanan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator semua, unjuran data harian menunjukkan bahawa bekalan makanan dalam negara adalah mencukupi dan stabil. Sebenarnya, persepsi ketidakcukupan bekalan makanan timbul apabila isu kekurangan stok makanan di kedai dan di pasar raya lebih-lebih lagi premis yang jauh dari bandar ketika tempoh awal PKP ditonjolkan oleh media, sedangkan situasi ini berlaku disebabkan masalah pengedaran yang bermula daripada rantai pengeluaran sehingga kepada peruncit disebabkan oleh sekatan pergerakan, bukannya kekurangan pengeluaran bahan makanan.

Perkara ini telah berjaya diatasi dengan segera apabila koordinasi bersama pihak penguatkuasaan memudahkan pergerakan kenderaan-kenderaan perdagangan yang membawa bahan-bahan makanan.

Bagi memastikan bekalan agromakanan mencukupi serta menstabilkan harga juga, infrastruktur pemasaran seperti perkhidmatan logistik termasuk bilik sejuk beku dan depoh penyimpanan disediakan. Sehingga kini FAMA mempunyai 157 buah bilik sejuk beku dan 59 buah depoh penyimpanan yang mempunyai jumlah kapasiti penyimpanan sebanyak 1,161 metrik tan dalam satu-satu masa.

Kerajaan juga turut mengadakan projek stok bekalan makanan yang merupakan inisiatif kerajaan melalui pakej PRIHATIN. Program ini menyasarkan 32 ribu metrik tan belian hasil keluaran pertanian daripada modal pusingan dan telah memberi manfaat kepada 2,500 orang petani. Prestasi program ini sehingga 30 November 2020 sebanyak 31,562 metrik belian hasil pertanian.

Dalam isu kebergantungan kepada import, MAFI menghargai pandangan ramai Ahli Yang Berhormat Senator yang menyentuh mengenai jumlah import makanan yang dikatakan amat tinggi iaitu kira-kira RM50 bilion setahun.

Sebagai makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, perkara ini merupakan tumpuan dalam Dasar Agromakanan Negara 2.0 yang akan dilancarkan dalam masa terdekat dan juga menjadi agenda utama bagi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Dasar Sekuriti Makanan Negara yang dipengerusikan sendiri oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Beberapa bidang baharu juga telah diberi tumpuan untuk dimajukan seperti pembangunan industri input tempatan seperti benih, biak baka, makanan haiwan dan baja; pembangunan zon khas agroekonomi dengan kerjasama swasta dan kultivasi tanaman beriklim sederhana di tanah rendah.

■1430

Sebagai contoh, kejayaan MARDI misalnya dalam membangunkan teknologi penanaman sayur kubis bunga dan kubis bulat tanah rendah, boleh membantu dalam mengurangkan jumlah import makanan negara. Sayuran tersebut boleh dihasilkan dengan kualiti yang sama berbanding dengan yang diimport walaupun ditanam di tanah rendah. Malahan, kandungan nutrisinya didapati adalah lebih baik dan sudah pastinya juga lebih enak.

Penyelidikan bawang merah dan bawang besar pernah dijalankan oleh MARDI. Hasil kajian mendapati kos menanam bawang merah daripada biji benih adalah lebih murah berbanding ditanam menggunakan bebawang. Buat masa ini, negara masih belum mempunyai variasi sendiri untuk dikomersialkan bagi menghasilkan biji benih. Walau bagaimanapun, terdapat variasi bawang yang dikenal pasti sesuai ditanam di Malaysia iaitu *Nashik Red* dari India.

Penyelidikan variasi bawang yang sesuai untuk tanah rendah akan dilaksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas. Hasil kajian dapat membantu pengenalpastian variasi yang sesuai dengan hasil dan kualiti yang tinggi untuk mengurangkan kebergantungan

bawang import seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat.

Satu lagi contoh adalah, *blueprint* jagung bijian bagi tujuan makanan ternakan yang seperti mana yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dr. Ahmad Azam bin Hamzah yang menyasarkan pengurangan import jagung bijian sebanyak 30 peratus menjelang tahun 2032. Sehingga tahun 2019, keluasan penanaman jagung bijian telah meningkat kepada sejumlah 416.9 hektar dengan jumlah hasil tuaian sebanyak 176.72 ribu tan metrik.

Yang Berhormat Senator Puan Susan Chemerai Anding pula menyentuh mengenai potensi pelaburan dalam pertanian seperti industri burung walid dan madu kelulut. Sebagai maklumat Yang Berhormat Senator, mengikut *trend* eksport tahun 2015 sehingga tahun 2019, didapati Malaysia mempunyai potensi sebagai pengeksporth produk kosmetik berasaskan *edible bird's nest* ke negara-negara Timur Tengah dan juga produk minuman kopi seperti kopi *edible bird's nest* ke Australia dan Kanada, selain pasaran tradisional ke China dengan anggaran pulangan ekonomi kira-kira sebanyak RM1 bilion setahun.

Manakala, melalui Pelan Pembangunan Industri Kelulut Negara pula, MAFI menyasarkan potensi pulangan ekonomi sekitar RM169 juta setahun. Seterusnya, Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat juga ada membangkitkan isu kebergantungan Malaysia kepada daging import...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri ada tiga minit ya.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Ya, *insya-Allah*. Sebagai makluman Yang Berhormat Senator, MAFI sedang mengusahakan penubuhan Lembaga Ruminan Negara bagi meningkatkan pengeluaran daging dan susu tempatan. Berkenaan isu daging tidak halal yang dibungkus kembali sebagai daging halal...

Dr. Yaakob bin Sapari: Bagi sikit saja, Yang Berhormat sikit sahaja.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: ...Yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator...

Dr. Yaakob bin Sapari: Tuan Yang di-Pertua, pencilahan sikit saja.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Saya sudahkan ayat. Ia merupakan satu tindakan yang amat mendukacitakan. Satu sikap yang sangat tidak bertanggungjawab yang perlu ditentang oleh semua insan yang waras. Namun, isu ini adalah di bawah bidang kuasa pelbagai pihak dan agensi di bawah beberapa kementerian yang berbeza...

Dr. Yaakob bin Sapari: Setakat mana Lembaga Ruminan Negara itu – sudah sampai *level* mana sekarang ini?

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Ia dalam proses penubuhan, *insya-Allah*. Mengenai insurans pekerjaan nelayan dan petani, sesungguhnya MAFI sentiasa mengambil berat akan kebajikan nelayan dan petani. Dalam perkara ini, MAFI menyambut baik Skim

Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri yang diperkenalkan oleh PERKESO yang diperluaskan kepada petani-petani, penternak dan nelayan bermula 1 Januari 2020. Skim perlindungan ini masih di peringkat awal pelaksanaan dan caruman adalah secara sukarela oleh petani, penternak dan nelayan.

Sebagai permulaan, LKIM telah mula membuat caruman kepada seramai 10,110 orang nelayan mulai 15 Ogos 2020 melalui potongan elaun sara hidup nelayan iaitu sebanyak RM157.20 setahun. Manakala, bagi nelayan yang tidak menerima elaun sara hidup mereka boleh membuat caruman secara terus kepada PERKESO. Pada masa hadapan, kementerian akan terus memperluaskan dan menggalakkan skim perlindungan ini kepada golongan petani dan penternak melalui cadangan mekanisme baharu bagi memastikan kebajikan mereka sentiasa terbela.

Mengenai subsidi dan kuota benih padi, MAFI sememangnya mempunyai perancangan untuk menukar sistem subsidi dan insentif sedia ada kepada sistem kupon dalam tempoh jangka panjang seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Haji Ahmad Yahya.

Manakala, isu berkenaan pelantikan NAFAS sebagai pemborong tunggal Insentif Benih Padi Sah pula, dimaklumkan pelantikan NAFAS akan membolehkan penetapan harga siling benih padi sah dilaksanakan bagi mengekang sebarang manipulasi pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

NAFAS akan mula mengambil tugas sebagai pemborong utama bagi benih padi sah bermula musim penanaman tahun 2021 yang akan datang. MAFI yakin dengan pelantikan NAFAS sebagai pemborong tunggal, keluhan pesawah yang sering berhadapan dengan harga benih padi yang mahal, dan tidak masuk akal tidak lagi akan kedengaran.

Sebagai maklumat Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari juga, kontrak semasa Program Insentif Benih Padi Sah antara kerajaan dan sembilan buah syarikat pengeluar benih sedia ada akan berakhir pada 31 Disember 2020 ia merupakan lanjutan selama satu tahun daripada kontrak asal program tersebut iaitu tahun 2017 hingga 2019.

Kesemua pembekal yang dilantik sebelum ini merupakan syarikat yang berjaya dalam proses perolehan program IBPS secara tender terbuka. Sehubungan dengan itu, pada awal tahun 2021, MAFI sekali lagi akan melaksanakan kaedah perolehan secara tender terbuka bagi program tersebut. Proses perolehan tersebut boleh disertai oleh mana-mana pihak yang berminat tertakluk kepada beberapa kriteria teknikal dan kewangan yang ditetapkan.

Tuan Yang di-Pertua, masih ada beberapa perkara sikit. Kalau Tuan Yang di-Pertua bermurah hati untuk saya sebut beberapa perkara lagi untuk...

Tuan Yang di-Pertua: Tak murah hati langsung.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Tak murah hati langsung, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terus disimpulkan dan jawab.

Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi: Oleh sebab waktu yang diperuntukkan kepada saya untuk menggulung adalah singkat dan Tuan Yang di-Pertua tidak bermurah hati pada saya, walaupun masih ada beberapa isu yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Pertanian dan Industri Makanan yang tidak sempat untuk saya jawab. Pertanyaan masih belum diberikan jawapan di sini akan saya kemukakan kepada Ahli-ahli Yang Berhormat secara lebih tepat dengan cara bertulis. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Jemput Kementerian Wilayah Persekutuan.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Dato' Seri Dr. Santhara]: Selamat petang dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin merakamkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Bashir bin Haji Alias dan Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rang Undang-undang Perbekalan 2021 di Dewan Negara yang menyentuh isu-isu di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP).

Izinkan saya teruskan dengan memberikan penjelasan ke atas isu-isu yang telah dibangkitkan. Isu Jambatan Labuan-Sabah...

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, saya memohon Yang Berhormat bila menjawab lihat paparan.

Dato' Seri Dr. Santhara: Ya. Yang Berhormat Senator dari Labuan telah bertanya mengenai penglibatan syarikat-syarikat tempatan dalam proses pembinaan Jambatan Labuan-Sabah. Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, pembinaan Jabatan Labuan-Sabah dijangka menjadi *game changer* dalam membuka peluang yang lebih besar untuk menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi bukan sahaja di Labuan sebagai suatu entiti Persekutuan tetapi juga negeri berhampiran iaitu Sabah dan juga Sarawak.

Lebih dari itu, Labuan boleh turut memberi khidmatnya menjangkau jangkauan ekonomi antarabangsa bersama dengan Brunei yang berhampiran serta dengan Indonesia, lebih-lebih lagi dengan perpindahan pusat pentadbiran baharu Kerajaan Indonesia ke Kalimantan Timur.

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Jemaah Menteri pada 9 September 2020 telah bersetuju dengan Kertas Memorandum Jemaah Menteri (MJM) bersama oleh Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kementerian Kerja Raya mengenai cadangan

pembinaan Jambatan Labuan-Sabah dilaksanakan secara Kerjasama Awam-Swasta, *Public-Private Partnership* (PPP) melalui *request for proposal* (RFP). Melalui kaedah PPP, pelaksanaan projek dijangka dapat memberi nilai faedah terbaik, dengan izin, *value for money* kepada kerajaan dan memastikan pelaksanaan projek yang dibuat secara telus untuk faedah maksimum kepada rakyat.

■1440

KWP dan KKR kini dalam usaha melaksanakan *process request for proposal*. Justeru itu, kerajaan pastinya akan memberikan keutamaan kepada syarikat-syarikat tempatan yang kompetitif dan yang berdaya saing serta yang mampu melaksanakan projek ini. Kerajaan juga tidak menolak sebarang cadangan daripada syarikat antarabangsa yang berminat untuk menjalankan usaha sama dengan syarikat-syarikat tempatan.

KWP dan KKR kini dalam tindakan menyediakan dokumen RFP bagi tujuan iklan tender RFP. Melalui *timeline* yang telah disusun, dokumen RFP akan siap dalam masa tiga bulan dan iklan RFB kepada syarikat yang berminat dijangka dapat dibuat seawal-awalnya pada Mac 2021. Dijangka dalam tempoh enam hingga lapan bulan lagi diperlukan untuk proses RFP secara terperinci bagi membolehkan pembidaan dilakukan.

Pada peringkat ini, pembidaan akan dinilai bersama oleh Jawatankuasa PEMANDU yang dipengerusikan oleh bersama oleh Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya untuk dimuktamadkan. Jika semuanya berjalan mengikut perancangan satu Kertas Kerja Jemaah Menteri akan diangkat untuk kelulusan Jemaah Menteri bagi pembida yang berjaya.

Menurut *timeline* yang disediakan oleh pegawai-pegawai kementerian, pembinaan jambatan Labuan-Sabah, dijangka dapat dimulakan seawalnya pada pertengahan tahun 2022 setelah rundingan perjanjian dipersetujui dengan syarikat yang terpilih. Ingin saya gariskan bahawa kerajaan optimis dalam pelaksanaan jambatan Labuan-Sabah, yang dilaksanakan secara kerjasama awam dan swasta melalui terma-terma yang dipersetujui bersama kelak bakal menjadi realiti dan memberi manfaat berganda kepada rakyat Labuan, Sabah, Sarawak dan serantau.

Mengenai masalah bekalan air di Wilayah Persekutuan Labuan, saya ucapkan terima kasih kepada rakan daripada KASA yang telah pun mengulas secara terperinci. Hanya di sini saya ingin memaklumkan sedikit maklumat daripada pihak KWP, hasrat menjadi Kementerian KWP untuk memastikan pengurusan air kepada ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dapat diurus dan disediakan secara cekap, sistematik dan berkesan.

Oleh yang demikian, dalam konteks perancangan jangka panjang KWP, KWP sedang merangka perundangan baharu bagi tujuan memperuntukkan kuasa untuk mengurus, mengawal selia dan menjalankan penguatkuasaan ke atas sumber-sumber air di Wilayah

Persekutuan Kuala Lumpur, Labuan dan Putrajaya. Dalam hal ini, KWP juga meneliti sumber-sumber air yang terdapat di ketiga-tiga Wilayah Persekutuan dan mengkaji bagaimana untuk mengoptimumkan penggunaan sumber air yang sedia ada sebagai sumber bekalan air alternatif. Jika sesuai dan jika perundangan baharu selesai dirangka, KWP juga mengkaji kemungkinan untuk menawarkan sumber air tersebut sebagai konsesi air mentah pada masa hadapan.

Isu banjir di Labuan juga telah dijawab secara terperinci di bawah KASA tadi khususnya di bawah Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Namun begitu, ingin saya ulas bahawa Perbadanan Labuan selaku pihak berkuasa tempatan di Labuan sentiasa bekerjasama dengan JPS untuk mengenal pasti langkah-langkah secara bersama di dalam menangani isu banjir di Labuan.

Walaupun projek tersebut dilaksanakan oleh JPS dan peruntukan di bawah JPS, Perbadanan Labuan (PL), boleh membantu seperti perancangan tempatan, konsultasi dengan penduduk tempatan dan sebagainya. Saya yakin jika semua jentera kerajaan dapat bergerak bersama-sama isu seperti ini dapat diselesaikan atau dikurangkan impaknya.

Berkenaan dengan isu projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas bagi Labuan, saya juga ingin mengambil pertanyaan Yang Berhormat mengenai projek yang telah ditangguhkan semasa Kerajaan PH dan patut dimulakan semula di bawah kerajaan sekarang.

Seperti mana Yang Berhormat tepat sekali maklum bahawa projek-projek tersebut adalah di bawah tanggungjawab kementerian dan agensi tersebut seperti projek Klinik Kesihatan Rimba Buluh di bawah Kementerian Kesihatan, projek masjid atau surau di bawah Kementerian Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) dan juga kerja-kerja mengawal hakisan pantai di bawah JPS.

Menurut maklumat dari Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan, secara umumnya sepanjang Rancangan Malaysia Kesebelas, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM562.91 juta kepada 73 projek pembangunan yang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi di Persekutuan Labuan. Daripada 73 projek pembangunan di Labuan semasa RMK-11, KWP telah melaksanakan 16 projek di mana peruntukan diluluskan adalah bernilai RM204.64 juta.

Jumlah tersebut menunjukkan komitmen Kerajaan Persekutuan untuk membantu di dalam membangunkan Labuan. Kerajaan tidak akan sekalipun menganaktirikan Labuan, itu jaminan kami. Sebagai bukti komitmen KWP kepada pembangunan Labuan, Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan dan saya sendiri telah beberapa kali turun ke padang, ke Labuan seperti pada bulan Jun dan September tahun ini untuk melihat perkembangan setempat dan memantau pelaksanaan beberapa projek pembangunan.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat selanjutnya, selaras dengan arahan nombor 1 tahun 2020, Mekanisme Penyelarasan Pelaksanaan Pembangunan Negara di bawah Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICUJPM) Yang Berhormat Menteri Wilayah Persekutuan telah juga menjadi pengerusi kepada Majlis Tindakan Pembangunan Negeri (MTPNG). Melalui mekanisme MTPNG peringkat Wilayah Persekutuan, pihak KWP melalui Yang Berhormat Menteri boleh memantau dan menyelaraskan semua projek yang dilaksanakan oleh semua kementerian dan agensi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Putrajaya atau Labuan.

Dalam hal ini, MTPNG dapat mampu memainkan peranan menangani isu serta menyelesaikan masalah-masalah ataupun pelaksanaan projek pembangunan secara mikro supaya dapat mencapai objektif yang ditetapkan oleh kerajaan prihatin sekarang ini. Mesyuarat MTPNG ini bertemu secara berkala dan kali terakhir telah diadakan pada 16 November 2020. Saya pasti KWP dapat memainkan peranan bersama kementerian dan agensi lain di dalam memantau mana-mana isu pelaksanaan projek pembangunan di seluruh Wilayah Persekutuan termasuk di Labuan.

Seterusnya mengenai cadangan penamaan jalan di Kuala Lumpur dengan nama yang melambangkan adat dan budaya masyarakat Orang Asli. Saya juga ingin menyentuh persoalan yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Senator Manolan bin Muhamad, yang telah memohon agar KWP mempertimbangkan cadangan penamaan jalan di Kuala Lumpur dengan nama yang melambangkan adat dan budaya masyarakat Orang Asli.

Untuk makluman Yang Berhormat, cadangan permohonan penamaan jalan dan identiti geografi di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur boleh dikemukakan oleh mana-mana individu, persatuan, syarikat, agensi atau badan kerajaan kepada Kementerian Wilayah Persekutuan melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) untuk dipertimbangkan dalam Jawatankuasa Nama Geografi Wilayah Persekutuan yang tertakluk kepada garis panduan Penentuan Nama Geografi yang dikeluarkan oleh Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM).

Cadangan penamaan tersebut mestilah dikemukakan kepada KWP melalui DBKL dengan menyediakan maklumat di antaranya seperti berikut nama penuh yang dicadangkan, lokasi mengikut koordinasinya, sebab penamaan atau perubahan nama yang dicadangkan, asal usul atau makna nama yang dicadangkan atau nama yang diubah.

Terdapat 21 prinsip utama penamaan nama geografi yang telah ditentukan oleh JUPEM di dalam Garis Panduan Penentuan Nama Geografi antaranya ialah pertama, Prinsip IV Bahasa Rasmi, bahasa kebangsaan negara Malaysia iaitu Bahasa Melayu. Pada amnya amalan menamakan tempat mestilah menggunakan bentuk, ejaan, gaya Bahasa Melayu yang mematuhi standard yang ditentukan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP).

Kedua, Prinsip V, bentuk bahasa dan terjemahan. Nama yang berasal daripada bahasa selain daripada bahasa Melayu hendaklah ditulis berdasarkan pandangan pakar linguistik dan dapat diterima oleh pihak berkuasa penamaan yang berkenaan dan masyarakat bahasa yang berkaitan.

Ketiga, Prinsip X, penggunaan nama orang. Nama orang yang tidak digalakkan diguna sesuatu entiti geografi melainkan penggunaan sedemikian mempunyai kepentingan kepada orang awam. Orang yang namanya diabadikan hendaklah terdiri daripada orang yang telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada negara atau kepada kawasan berkenaan. Lazimnya, penamaan dibuat selepas orang berkenaan meninggal dunia kecuali dalam keadaan kes luar biasa.

■1450

Oleh yang demikian, KWP terbuka kepada mana-mana pihak dengan cadangan supaya untuk membuat permohonan kepada KWP melalui DBKL dengan mana-mana nama yang sesuai mencerminkan adat, budaya, masyarakat Orang Asli supaya cadangan ini dapat dikaji dan diputuskan di dalam Jawatankuasa Nama Geografi Wilayah Persekutuan selanjutnya. Maka saya menjemput Yang Berhormat Senator seandainya mempunyai satu nama dan mereka yang telah berbakti dan juga sebagainya, bolehlah diberikan kepada DBKL.

Pada masa yang sama, saya sekali lagi ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang telah berdebat ataupun telah bertanyakan soalan kepada kementerian. Dengan akhir kata, izinkan menamatkan sesi jawapan saya dengan serangkap pantun. Pertama kali.

*Dari Kuala Lumpur sampai ke Labuan;
Singgah di Putrajaya minum kopi;
Selesai sudah dijawab soalan;
Sampai sini saya berundur diri.*

Saya juga mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Hari Krismas kepada semua penganut agama Kristian dan juga saya ucapkan selamat bercuti kepada semua rakyat Malaysia dan saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan saya kad Krismas yang pertama untuk tahun ini. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: *Alhamdulillah.* Tahniah dalam jangka dan tempoh yang ditetapkan. Terima kasih. Cuma tidak dengar tadi menjawab tentang Jalan Palestin ya. Akan tetapi itu di luar dugaan dan mungkin dalam sesi akan datang. Terima kasih banyak Yang Berhormat Timbalan Menteri, Kementerian Wilayah Persekutuan.

Dipersilakan Kementerian Kerja Raya.

2.51 ptg.

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Eddin Syazlee bin Shith]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Salam hormat. Terima kasih pada Tuan Yang di-Pertua.

Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas perkara-perkara dan isu-isu yang berada di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya semasa sesi perbahasan yang lalu. Terima kasih di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat Senator mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan. Saya akan menggunakan kesempatan ini dengan sebaik mungkin bagi memberikan jawapan bagi setiap persoalan dan cadangan-cadangan Ahli Yang Berhormat Senator tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, bertemakan kepada Teguh Kita Menang Bersama, belanjawan kali ini memperlihatkan hasrat kerajaan dalam menjamin kesejahteraan rakyat, kelangsungan perniagaan dan ketahanan ekonomi bagi menghadapi ketidaktentuan akibat pandemik yang melanda negara kita ini. KKR selaku peneraju pembangunan infra dan sektor pembinaan di Malaysia amat komited dalam memastikan infra menjadi pemangkin kepada ekonomi dan kesejahteraan rakyat. Bagi mencapai hasrat itu, kerajaan telah menerima peruntukan sebanyak RM7.35 bilion di mana pecahannya belanja mengurus sebanyak RM1.26 bilion berbanding RM1.792 bilion pada tahun 2020.

Manakala belanja pembangunan pula adalah sebanyak RM6.088 bilion berbanding RM6.240 bilion pada tahun lalu. Secara keseluruhannya jumlah belanjawan mengurus yang akan diterima KKR pada tahun 2021 menyusut sebanyak 29.67 peratus berbanding RM1.792 bilion yang diterima pada tahun 2020. Walau bagaimanapun, penyusutan jumlah peruntukan ini disebabkan faktor pengelasan semula beberapa kategori peruntukan aktiviti penyelenggaraan di bawah program khusus B.27 kepada peruntukan belanjawan pembangunan P.27.

Tuan Yang di-Pertua, saya akan terus sahaja kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Wira Othman bin Aziz mengenai projek naik taraf jalan kepada empat buah lorong Jalan Putra Alor Setar, Mergong ke sempadan Kedah-Perlis. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KKR telah merancang dan melaksanakan projek jalan di negeri Kedah sebagai sesuatu projek berkeutamaan tinggi di negeri Kedah dan adalah projek menaik taraf laluan tujuh dari persimpangan Lencongan Barat ke persimpangan Simpang Tiga Kemboja. Projek ini merangkumi naik taraf Jalan Putra dan kawasan sekitar Mergong.

Projek ini telah diluluskan dalam senarai *Rolling Plan* Kedua, RMKe-11 dan status semasa projek adalah dalam fasa perolehan. Kerja-kerja fizikal dan pembinaan projek ini

dijangka bermula pada bulan April 2021. Skop projek ini adalah merangkumi menaik taraf jalan tunggal dua lorong, kepada jalan berkembar empat lorong dengan piawaian R5 sepanjang 14 kilometer. Selain itu, kementerian turut merancang dan melaksanakan projek ini dilanjutkan kepada Fasa 2. Projek Fasa 2 adalah sebagai kesinambungan daripada projek yang di atas di mana projek dilanjutkan sehingga Perlis.

Projek yang dimaksudkan membina jalan lencongan dari persimpangan Tiga Kemboja ke Sanglang, Kedah dengan panjang sembilan kilometer. Jalan ini adalah Jalan Persekutuan FT007 akan menghubungkan bandar Alor Setar dengan negeri Perlis dan seterusnya ke pekan Padang Besar yang merupakan pintu sempadan utama ke negara Thailand. Projek ini telah dipohon di dalam RMKe-12. Walau bagaimanapun pelaksanaannya adalah tertakluk kepada keputusan agensi pusat.

Jadi secara amnya perancangan laluan tujuh adalah menyeluruh di mana jalan persekutuan sedia ada di naik taraf sepanjang 23 kilometer dan diharap dengan pelaksanaan projek tersebut dapat memberikan keselesaan kepada pengguna dan memberikan manfaat kepada pembangunan setempat.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator juga telah membangkitkan tentang sistem pembayaran tol. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pihak kerajaan sedang menambah baik kaedah kutipan tol secara berperingkat di semua lebuhraya bertol di Malaysia. Teknologi *Radio-Frequency Identification* (RFID) telah diperkenalkan bagi menggantikan sistem kutipan tol sedia ada di semua lebuhraya beroperasi secara sistem tol terbuka mulai 1 Januari 2020.

Manakala bagi lebuhraya, sistem tol tertutup seperti Lebuhraya Utara-Selatan, pelaksanaannya dilaksanakan secara berperingkat kerana kaedah kutipan tol yang digunakan adalah berbeza. Rancangan kerajaan seterusnya adalah untuk melaksanakan kutipan tol secara *multi-lane free flow* (MLFF), dengan izin, dengan menggunakan sistem RFID. Pelaksanaan sesi percubaan RFID di Lebuhraya Utara-Selatan antara Hutan Kampung ke Sungai Dua melibatkan perubahan konfigurasi lorong sedia ada di plaza tol dengan pertukaran lorong *SmartTAG* kepada RFID dan pemilik *SmartTAG* masih boleh menggunakan *Touch 'n Go* sebagai alternatif semasa menggunakan lebuhraya.

Penjualan peranti *SmartTAG* telah diberhentikan sejak 1 Julai 2018. Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat Senator juga, Kementerian Kerja Raya menerusi agensinya iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) bertanggungjawab untuk mengawal selia operasi lebuhraya dan sentiasa peka dalam keperluan semasa serta mengambil langkah sewajarnya untuk meningkatkan tahap perkhidmatan kepada pengguna lebuhraya.

Pelaksanaan sistem RFID merupakan satu langkah kerajaan untuk merealisasikan konsep lebuh raya pintar pada masa hadapan bagi membolehkan rakyat menikmati perjalanan yang lebih selesa dan selamat di lebuh raya.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya beralih kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad mengenai kadar bayaran golongan profesional seperti jurutera, arkitek dan juru ukur bahan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KKR melalui Akta Arkitek 1967, Akta Pendaftaran Jurutera 1967 dan Akta Juruukur Bahan 1967 membolehkan ketiga-tiga lembaga menetapkan skala yuran tertakluk kepada kelulusan Yang Berhormat Menteri yang hendak dikenakan kepada mana-mana majikan projek.

■1500

Namun demikian, seksyen 4(1) tahun 1967, Akta Pendaftaran Jurutera 1967, dan Akta Juruukur Bahan 1967 tidak menyatakan bahawa penggunaan skala yuran sesuatu yang wajib di sisi undang-undang apabila majikan mengikat kontrak dengan Arkitek, Jurutera dan Juruukur Bahan.

Oleh itu, sekiranya pihak-pihak yang berkontrak gagal menggunakan skala yuran yang disediakan oleh lembaga masing-masing dan yang diluluskan oleh Yang Berhormat Menteri, tidak bermakna bahawa persetujuan untuk tidak menggunakan skala yuran tersebut melanggar peruntukan undang-undang. Dalam pada itu, sekiranya kedua-dua pihak bersetuju untuk menetapkan bayaran skala yuran yang kurang daripada skala yuran yang telah ditetapkan dalam ketiga-tiga akta berkenaan, maka perjanjian diikat itu adalah sah dan dapat dikuatkuasakan di sisi undang-undang...

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya.

Dato' Raja Kamarul Bahrin Shah bin Raja Ahmad Baharuddin Shah: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dan terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin menyoal tentang skala *basic management scale of fees* yang telah ditetapkan oleh lembaga sesuatu yang memastikan supaya khidmat profesional terpelihara kerana untuk menjalankan kerja-kerja profesional ini perlulah mutu tinggi dikawal. Jadi kalau kita bahagian profesional ini ingin mengadakan satu tahap khidmat yang baik dan teratur, perlulah *scale of fees* ini dipelihara seperti yang telah diluluskan, dan digazetkan oleh Parlimen.

Saya berpendapat bersama dengan pihak jurutera dan juga juruukur bahan dan arkitek, bahawasanya amat janggal. Kita yang menjaga projek-projek kerajaan bagi pihak kerajaan, kepentingan kerajaan, diletakkan di bawah tender iaitu tawaran yang terendah

sementara pemborong kontraktor yang kita pantau, dibenarkan rundingan terus yang harga tinggi. Jadi di manakah kepentingan sebenarnya? Sepatutnya mereka yang mengawasi atau menjaga, sepatutnya diberi satu keutamaan, peliharaan supaya mutu yang baik tetapi orang yang dijaga pula diberi keistimewaan untuk meletakkan harga yang tinggi. Ini di mana kita selalunya tidak dapat memenuhi mutu yang tinggi kerana kadar yuran yang rendah.

Itulah persoalannya supaya kita boleh menjaga dan memelihara mutu projek-projek kerajaan supaya tidak ada lagi projek-projek runtuh dan sebagainya kerana inilah masalah banyak projek kerajaan yang terbengkalai. Di Terengganu sendiri, tempat saya, ada yang runtuh kerana pengawasan amat lemah kerana diturunkan kadar khidmat profesional. Terima kasih.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator. Saya bersetuju dengan pandangan Yang Berhormat Senator pada setakat untuk menetapkan yuran profesional bagi menjamin kualiti dan mutu perkhidmatan yang akan diberikan. Namun demikian, dalam keadaan ini, undang-undang juga membenarkan keadaan-keadaan tertentu untuk seorang Yang Berhormat Menteri untuk menentukan skala yang sepatutnya dikenakan kepada yuran-yuran profesional atas alasan-alasan yang tertentu. Kita mengambil maklum atas cadangan dan pandangan Yang Berhormat Senator dan akan memperhalusi.

Namun demikian, saya tidak bersetuju 100 peratus untuk mengatakan bahawa di atas penetapan skala yuran ini menyebabkan mutu atau kualiti pelaksanaan projek-projek itu menjadi tidak bagus ataupun tidak berkualiti sehingga menyebabkan berlakunya apa Yang Berhormat Senator menyebutkan, seperti runtuhan-runtuhan bangunan, yang pada pendapat saya tidak 100 peratus terikat ataupun tertakluk kepada kadar penetapan yuran yang dikenakan kepada perkhidmatan profesional yang telah diberikan.

Selanjutnya, tujuan skala yuran yang diadakan bagi ketiga-tiga akta tersebut adalah sebagai panduan kepada mereka yang terlibat untuk mengikat perjanjian perkhidmatan perunding supaya bayaran yuran yang dipersetujui tidak melebihi apa yang telah ditetapkan dalam skala yuran.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat selanjutnya, sejajar dengan peruntukan Akta Persaingan 2010, kerajaan juga melalui perolehan perkhidmatan perunding secara tender terbuka dalam projek fizikal dan bukan fizikal untuk menggalakkan persaingan harga perunding secara bebas dan telus.

Di samping itu, KKR juga sedang merancang untuk mengadakan sesi libat urus dengan golongan profesional berkenaan pelbagai isu dan masalah yang dihadapi oleh golongan profesional termasuk isu yuran perunding akan diperhalusi dalam sesi berkenaan. KKR secara berterusan menjalankan sesi libat urus dengan semua pihak berkepentingan

termasuklah golongan profesional binaan dan adalah diharapkan dengan usaha berterusan daripada KKR, pihak industri akan menjadi lebih berdaya saing dan mantap.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan amat komited untuk memastikan kelangsungan pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah dan Sarawak. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM2 bilion dalam Bajet 2021, di mana RM1 bilion diperuntukkan masing-masing kepada projek LPB Sabah dan LPB Sarawak.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, susulan keputusan penamatan perjanjian *Project Delivery Partner* (PDP) pada 22 September 2019, pelaksanaan projek LPB Sabah telah diteruskan secara kaedah konvensional. Berikutan dengan itu, pelan mitigasi dan tindakan susulan berterusan sedang dilaksanakan bagi menambah baik kaedah pelaksanaan.

Tuan Yang di-Pertua: Oleh sebab masa tadi telah diambil lebih kurang tiga setengah-minit...

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Ya.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi ada sedikit lebihannya. Tolong simpulkan.

Dato' Eddin Syazlee bin Shith: Ya. Tuan Yang di-Pertua, memandangkan masa adalah terhad dan ada beberapa isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator John Ambrose dan juga beberapa orang Senator yang lain seperti Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin masih belum dapat dijawab secara lisan, saya mohon kebenaran ataupun izin daripada Tuan Yang di-Pertua untuk isu-isu yang dibangkitkan itu dijawab secara bertulis selepas daripada ini. Pihak kami akan memastikan semua isu dan persoalan yang dibangkitkan itu akan dijawab sepenuhnya untuk memenuhi segala keperluan bagi jawapan-jawapan kepada isu yang telah dibangkitkan.

Dalam masa yang sama, saya juga ingin menggunakan kesempatan ini untuk mengucapkan Selamat Hari Natal kepada semua penganut agama Kristian, dan selamat bercuti kepada seluruh rakyat Malaysia. Sekian, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Dewan dan Majlis mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kerja Raya. Kita berharap supaya lebih kepada persoalan yang tidak sempat dihuraikan, dan dijawab oleh beliau diberi kebenaran untuk mengutusya dalam bentuk tulisan ataupun yang tertera dengan mesej yang khas.

Ahli-ahli Yang Berhormat, hari ini kita telah selesai membicarakan dan membenarkan Yang Berhormat-Yang Berhormat Menteri dan Timbalan Menteri menjawab bagi pihak 12 buah kementerian.

Justeru, kita hanya berbaki terhadap Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan; Kementerian Pembangunan Luar Bandar; Kementerian Dalam Negeri; Kementerian Belia dan Sukan; Kementerian Tenaga dan Sumber Asli; Kementerian Luar

Negeri; Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi; Kementerian Perpaduan Negara; Kementerian Kesihatan; Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna; Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi; Kementerian Sumber Manusia; Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi; Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat; serta Kementerian Kewangan, sebagai kementerian yang bertanggungjawab menggulung bagi perbincangan Perbekalan 2021.

Dalam penentuan yang akan kita buat esok, harap para Menteri dan Timbalan Menteri, persis untuk melihat jangka masa yang diberi, dan bolehlah mengedit jawapan-jawapan itu sekadar yang memberi ketepatan, dan juga maksud yang jelas.

Setiausaha, kalau ada apa-apa yang hendak diumumkan?... Jika tidak, maka perbincangan hari ini ditangguhkan sehingga esok, menurut jadual yang telah ditetapkan.

Oleh itu, Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Rabu, 23 Disember 2020

[Dewan ditangguhkan pada pukul 3.11 petang]